

**NASKHAH BELUM DISEMAK****DEWAN NEGARA****PARLIMEN KEDUABELAS****PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 1</b>	<b>Isnin</b>	<b>26 Mei 2008</b>
---------------	--------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N****MENGANGKAT SUMPAH** (Halaman 1)**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Mengalu-alukan Ahli Baru (Halaman 1)
- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan (Halaman 2)
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 3)**USUL:**

- Menteri Dalam Negeri (Halaman 29)
  - Keselamatan Jalan-jalan dan Bangunan Parlimen
- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 31)
  - *Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin*

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
4. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
5. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
6. “ Datuk Amirsham A. Aziz (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
10. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
11. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
14. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
15. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
16. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
17. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
18. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
19. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
20. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
21. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
22. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
23. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
24. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
25. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
26. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
27. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
28. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
29. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
30. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

31. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)  
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
32. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
33. “ Tuan Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
35. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
36. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
37. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
38. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
39. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
40. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
41. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
42. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
43. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
44. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
45. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
46. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
47. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
48. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
49. “ Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
50. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
51. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
52. “ Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
53. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)  
– *Timbalan Menteri Dalam Negeri*
54. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
55. “ Dato' Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
56. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
57. “ Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
58. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)
59. “ Datuk Zaid bin Ibrahim (Dilantik)  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
60. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nur Hidayah binti Janudin

Nooruanizam binti Nasir

Siti Khadijah binti Md Nor

Hafizah binti Abu Samah

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 26 Mei 2008**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin
- Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin dan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf sebagai Ahli-ahli Dewan Negara yang merupakan pencalonan-pencalonan dari Dewan Undangan Negeri Kedah.

Tanggungjawab yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah terima ialah dengan jujur memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan. Ini adalah yang sewajarnya hanya melalui keluhuran undang-undang Sistem Demokrasi Berparlimen negara akan dapat menjamin keutuhan, kejayaan dan kecemerlangan Malaysia. Saya berdoa semoga Ahli-ahli Yang Berhormat berjaya mendukung tugas tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat selesai mengangkat sumpah pada hari ini.

### MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 12 Februari 2008:

1. Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin
2. Yang Berhormat Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu

#### ■1010

Pada 18 Mac 2008:

1. Yang Berhormat Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim
2. Yang Berhormat Datuk Amirsham bin Abdul Aziz
3. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim.

Pada 21 April 2008:

1. Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan
2. Yang Berhormat Tuan Murugiah a/l Thopasamy.

### TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 29 April 2008, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan Diraja adalah seperti di Lampiran]*

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat mula menjawab, saya bagi pihak Dewan Negara mengalu-alukan dan menghargai kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri Kabinet... [*Tepuk*]

**1. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah perancangan pihak kementerian dalam mengatasi krisis kenaikan harga bahan makanan seperti beras, tepung dan bahan makanan sampingan yang boleh menjejaskan kehidupan rakyat.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Langkah-langkah kerajaan yang telah diambil dalam menghadapi apa yang disebut sebagai krisis kenaikan harga bahan-bahan makanan termasuklah perkara-perkara yang awal, yang sudah pun saya kemukakan tetapi biarlah saya ulang bagi tujuan rekod Dewan Negara.

Yang pertamanya ialah penubuhan sebuah Jawatankuasa Anti Inflasi yang telah dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Ketua Setiausaha Negara sebagai urus setia kepada jawatankuasa ini, dan ini jelas menunjukkan bagaimana Jawatankuasa Anti Inflasi ini menentukan kuasa yang tinggi dari segi kedudukannya dan memang memperlihatkan betapa penting pandangan kerajaan hari ini kepada soal yang ditimbulkan ini.

Oleh yang demikian, kerana jawatankuasa ini jawatankuasa yang tersendiri dengan kehadiran bukan sahaja diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi melibatkan juga kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini berkebolehan bukan sahaja untuk menimbang atau melihat kepada masalah kenaikan harga barang-barang tetapi boleh menyusun semula keutamaan strategi dan program di bawah bidang tanggungjawab kerajaan dalam menghadapi soal inflasi ini.

Keduanya, jawatankuasa ini bermesyuarat dengan begitu kerap dan ianya bermesyuarat setiap kali. Pendekatannya juga seimbang dengan melihat bukan sahaja kepada penstabilan harga dan bekalan barangan keperluan tetapi juga kepada pengurangan tanggungan perbelanjaan dan penambahan pendapatan yang dihaskan sebagai penyelesaian yang lebih menyeluruh dan segera kepada soal inflasi ini.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini pun oleh kerana ia jawatankuasa yang tersendiri dan kerap bermesyuarat, boleh membuat penilaian dan keputusan segera terhadap strategi dan program yang melibatkan peruntukan kewangan. Kemampuan ini meningkatkan kecekapan *intra* kementerian dan *intra* jabatan dalam pelaksanaan strategi dan program anti inflasi.

Selain daripada itu, kerajaan juga sudah mengumumkan tentang dasar jaminan makanan negara yang sudah dirangka dan ianya dirangka bersama-sama dengan peruntukan kewangannya yang tersendiri iaitu sebanyak RM4 bilion dan ia bertujuan antaranya;

- (i) ke arah memastikan penambahan bekalan makanan melalui tindakan-tindakan jangka masa terdekat, sederhana dan ke hadapan;
- (ii) untuk menambah baik pengurusan sistem subsidi kepada barangan-barangan perlu; dan
- (iii) ketiga, bagi menambah baik sistem penyampaian serta pengedaran barang-barang perlu yang dikawal harganya atau bersubsidi agar sampai kepada golongan berpendapatan rendah.

Jadi dari segi perkara yang pertama iaitu penambahan bekalan makanan, langkah-langkah ini telah pun ditentukan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan sekarang kita melihat kepada penambahbaikan pengurusan sistem subsidi yang berhadapan dengan cabaran semasa, dengan kenaikan harga minyak di peringkat dunia dan juga penambahbaikan kepada penyampaian dan pengedaran barang-barang perlu yang dikawal harganya, yang bersubsidi. Jadi kerajaan sedang menimbangakan bagaimana kita juga dapat memperbaiki pengedaran dan penyampaian barang-barang ini supaya golongan yang berpendapatan rendah dapat menerima barang-barang yang dikawal harga dan terutamanya barang-barang yang di subsidi oleh kerajaan.

Di sini saya ingin menyatakan, bahawa ada juga beberapa prinsip yang diletakkan kepada barang-barang bersubsidi. Yang pertamanya, bilangan barang ataupun senarai barang-barang ini yang hendak dijadikan subsidi dan dikawal harga dan bekalan, tidaklah terlalu besar. Ianya asalnya daripada 11 barangan, kita sudah kurangkan kepada 9 dan ini dengan cara kita keluarkan kawalan harga kepada besi keluli dan juga bahan binaan seperti simen yang sekarang terletak di bawah margin ekonomi yang kompetitif, ekonomi yang terbuka dan tidak dikawal pengimportannya melalui kawalan triti dan sebagainya.

Daripada 11 itu tinggal 9. Daripada 9 barang itu pun dikaji sama ada senarai barangan ini boleh di perkecilkan lagi supaya tumpuan kerajaan ialah kepada barangan-barangan perlu yang khusus yang meninggalkan kesan inflasi dan kenaikan kepada golongan berpendapatan rendah.

Perkara yang kedua, selain daripada mengurangkan atau meletakkan kepada kumpulan barangan yang terhad, begitu juga meletakkan perkiraan kepada subsidi itu harus juga menepati kepada keperluan dan pendapatan terendah. Prinsip yang ketiga ialah untuk kita berusaha untuk menyeragamkan harga bagi barang-barang yang bersubsidi di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak supaya ianya kerana ia kumpulan barangan yang fokus, yang terhad supaya sampai kepada golongan berpendapatan rendah dan juga ia diseragamkan dari segi harga. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah maklumkan bahawa segala kuasa yang ada kepada kerajaan di bawah undang-undang digunakan untuk menangani perkembangan ini. Datuk Haji Roslan, kemudian Datuk Wira Syed Ali, kemudian Dato' Gooi.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan kenaikan harga gaji kakitangan awam sebanyak 25% adanya sudah tidak mencukupi dengan kenaikan harga barangan ini. Adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji mengikut indeks pengguna dan adakah disebabkan oleh penggunaan biodiesel daripada bahan makanan ini yang menyebabkan bahan makanan ini naik begitu tinggi di pasaran. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu agak sedikit menyimpang tetapi saya izinkan supaya Yang Berhormat jawab.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya ucapkan terima kasih atas soalan tambahan itu. Tentang dari segi soal kenaikan gaji yang berasaskan kepada hegemoni, ianya bukanlah secara automatik dan ianya melibatkan kepentingan di antara pihak kesatuan sekerja dan juga pihak kerajaan sendiri yang telah melaksanakan bagi kumpulan pekerja-pekerja perkhidmatan awam dan sebab itu saya kata bahawa dalam tindakan Jawatankuasa Anti Inflasi ini, kita bukan hanya melihat, jawatankuasa ini bukan hanya melihat kepada harga barang-barang tetapi juga melihat kepada soal bagaimana hendak menambahkan peluang-peluang perniagaan dan penambahan kepada pendapatan.

#### ■1020

Sambil itu juga dilihat bagaimana boleh dikurangkan tanggungan daripada pihak rakyat khususnya pengguna bila berhadapan dengan kuasa cabaran daripada inflasi.

Daripada segi biodiesel, sama ada penggunaan kelapa sawit boleh juga menyumbang kepada kenaikan harga minyak kelapa sawit, sebenarnya terlalu sedikit sangat minyak sawit yang digunakan bagi bahan biodiesel untuk mempengaruhi kenaikan harga sawit. Sebenarnya menjadikan kesan yang besar kepada kenaikan bahan api ataupun minyak ialah penggunaan minyak-minyak sayur dan daripada bahan makanan yang lain terutamanya seperti daripada soya ataupun daripada ubi dan jagung, yang membawa kesan yang besar kepada kenaikan harga minyak.

Sebenarnya dari segi *efficiency* nya ataupun dengan izin, lebih baik digunakan minyak sawit untuk digunakan bagi bahan biodiesel daripada bahan-bahan makanan yang lain yang digunakan bagi biofuel ataupun etanol dan itu lebih meninggalkan kesan kepada kenaikan harga barang-barang itu sendiri. Jadi apabila minyak daripada sayur-sayuran seperti tanaman makanan digunakan bagi biofuel dan juga bagi etanol, ia lebih membawa kesan yang besar kepada kenaikan, bukan sahaja kenaikan harga minyak tetapi juga kepada kenaikan bahan makanan.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam menangani krisis kenaikan harga beras yang merupakan makanan utama rakyat

Malaysia, adakah kerajaan bercadang untuk melakukan satu pindaan kepada Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 sebagai satu mekanisme untuk membendung kenaikan harga beras kerana setakat ini saya difahamkan, tidak ada akta yang boleh mengawal pengilang ataupun pemborong daripada memanipulasikan harga padi? Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun ia bukan di bawah jagaan bidang saya, tetapi biarlah saya nyatakan bahawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mendukung prinsip *collective responsibility*.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ...Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bahawa dari segi harga beras, dalam hal ini kerajaan sudah pun menyebutkan bahawa adanya kawalan harga bagi beras tempatan. Ini tidak pernah dilakukan. Ini merupakan satu langkah yang utama. Pada satu ketika dahulu, kawalan harga beras itu diletakkan hanya kepada beras hancur, 15% dan lebih iaitu 25%, 30% dan malangnya ia bukanlah merupakan beras yang digemari oleh sebahagian besar rakyat negara ini.

Tambahan pula pada ketika itu kerana harga beras yang diimport tidaklah terlalu tinggi, maka ia menjadi beras tempatan 15%, 25% dan 30% hancur ini tidak menjadi pilihan. Jadi sebab itu, hari ini tindakan kerajaan ialah untuk bukan sahaja terus mengawal harga beras hancur 15%, tetapi kita bakal mengawal pula kepada satu lagi harga beras 10% hancur dan 5% hancur sambil dibenarkan penggabungan kepada beras diimport.

Dari segi tindakan ini merupakan langkah-langkah permulaan yang diambil oleh kerajaan dan kita akan melihat, memantau keadaan. Kalau selepas 1 Jun, apabila rejim pemantauan, sistem kawalan harga dan kawalan bekalan termasuk juga penubuhan stok penimbun yang telah ditingkatkan lebih daripada 10,000 tan metrik pada hari ini kepada 500,000 tan metrik, sama ada tindakan itu kalau masih tidak dapat mengawal bekalan utamanya dan harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan, maka kita akan melihat kepada cadangan daripada Ahli Yang Berhormat untuk teliti secara mendalam lagi kepada peruntukan-peruntukan undang-undang. Saya percaya sebenarnya perhatian dan penelitian kepada peruntukan dalam undang-undang dilakukan walaupun tidak diperlukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Gooi Hoe Hin.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih. Kita sedia maklum, kini ekonomi dunia yang tidak menentu. Harga minyak mentah kian meningkat, ancaman inflasi juga meningkat, tetapi syabas! Syabas diucapkan kerana kerajaan masih dapat mengawal kenaikan harga, seterusnya makanan dalam paras yang munasabah dengan pemberian subsidi-subsidi tertentu.

Namun, nampaknya subsidi yang diberi biasanya spontan, secara ekor. Soalan tambahan saya, sama ada kerajaan akan merumuskan suatu dasar subsidi negara yang menyeluruh secara holistik dengan mengambil kira kriteria-kriteria dan asas-asas prinsip supaya yang memerlukannya benar-benar mendapat manfaat. Bukannya orang di tengah-tengah. Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan itu. Saya memang bersetuju bahawa yang menjadi masalah hari ini ialah cara pemberian subsidi selama ini tidaklah terbuka serta tidaklah spesifik kepada sepatutnya golongan yang memerlukan subsidi. Jadi sebab itu, telah saya sebutkan dalam ucapan saya bahawa yang telah dilakukan oleh kerajaan ialah pengurusan sistem subsidi itu sendiri. Meningkatkan supaya penyampaian subsidi spesifik dan tepat kepada golongan yang memerlukan.

Jadi, memanglah ini menjadi hasrat kerajaan dan langkah-langkah sedang disumbangkan oleh Jawatankuasa Anti Inflasi agar subsidi dapat disampaikan kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan dan tidak dibazirkan begitu sahaja dengan penggunaan yang langsung tidak dikawal dan apatah lagi tidak dihargai dan dinilai.

Oleh sebab pada hari ini, kita mendengar sebelum kita datang ke sini pun kita mendengar berbagai-bagai anggapan ataupun cadangan umpamanya kalau digunakan lebih RM10 bilion daripada Petronas, kita boleh kurangkan harga minyak umpamanya. Sedangkan ia sebenarnya satu langkah yang tidak wajar dalam keadaan kenaikan harga barang-barang. Jadi pada kami di peringkat kerajaan, daripada kita hanya menurunkan harga minyak untuk menyedapkan hati kumpulan yang suka naik kereta dan sebagainya, kita harus mengambil tindakan untuk menentukan yang asas ialah bahan makanan.

Saya rasa bahan makanan yang asas umpamanya beras, mendapat layanan dan tumpuan daripada kerajaan khususnya dari segi pemberian subsidi supaya harganya dapat dikawal, daripada kita hanya berbelanja untuk tujuan-tujuan menurunkan ataupun mengawal harga bahan api. Saya tidak menyatakan bahawa kita akan menaikkan harga bahan api tetapi sambil kita menstabilkan harga bahan api pada paras yang sedia ada, seharusnya dielakkan pembaziran, ketirisan, penyeludupan dan penyalahgunaan yang berlaku kerana tidak adanya satu sistem untuk mengurus subsidi secara yang baik. Jadi langkah-langkah ini sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Anti Inflasi dan insya-Allah kita akan dapat melaksanakan secepat mungkin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu-isu berkaitan dengan pertanyaan ini memang banyak, luas dan mencabar tetapi peraturan mesyuarat membenarkan saya hanya memberi tiga soalan tambahan. Saya sekali gus memohon maaf kepada Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh kerana banyak kali angkat tangan dan saya tidak dapat beri peluang. Biarlah soalan-soalan kemudian nanti, saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat.

■ 1030

2. **Tuan Ir. Hiang A Li** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (i) berapakah jumlah petani padi yang telah menyertai Rancangan Empangan Muda di Kedah dan berapakah jumlah pengeluaran yang dapat dihasilkan bagi setiap hektar setiap tahun; dan

- (ii) adakah jumlah ini menepati sasaran yang ditetapkan. Jika tidak, adakah kerajaan bercadang untuk membuka rancangan tersebut kepada petani padi dari negeri lain ataupun membuka kawasan baru untuk mempertingkatkan pengeluaran padi di negara ini.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada semua pihak dalam Dewan yang mulia ini saya mengucapkan tahniah kerana menjadi Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah hari ini dan juga angkat sumpah di luar Dewan. Tahniah diucapkan.

Saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang memberi cadangan untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator dan juga diri saya. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian soalan. Soalan yang berkaitan dengan perancangan Empangan Muda dan soalan pertama berkaitan jumlah petani dan pengeluaran. Bahagian kedua ialah berkaitan sama ada kerajaan bercadang untuk membawa petani daripada luar kawasan berkenaan menyertai Rancangan Empangan Muda ini.

Bagi menjawab soalan pertama sebagai latar belakang Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Empangan Muda ini adalah kawasan penanaman padi yang terbesar di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua lebih maklum berdasarkan negeri Perlis dan Kedah. Ia mengeluarkan 37% daripada jumlah beras negara walaupun cuma meliputi 27% daripada keluasan kawasan. Projek ini bermula pada tahun 1966 siap 1970. Pada masa itu merupakan projek mega terbesar dan kosnya USD45 juta pinjaman bank dunia. Kalau dalam nilai sekarang sekitar RM120 juta. Bayangkan pada masa itu, ini merupakan projek mega terbesar dalam negara kita.

Jadi soalnya berapa jumlah petani. MADA bermula dengan 63,000 petani. Hari ini ada 48,000 petani yang mengusahakan kira-kira 96,000 hektar tanah, 48,500. Berkaitan dengan pengeluaran sebelum MADA diperkenalkan penanaman padi cuma sekali setahun sekarang ini dua kali setahun iaitu pada tahun 1970. Pada masa itu pengeluarannya cuma 3.4 metrik tan sehektar. Sekarang ini puratanya sekitar 5.4 metrik tan bagi sehektar. Jadi kesan daripada projek ini adalah seperti berikut:

- (i) padi dapat ditanam dua kali setahun;
- (ii) dapat meningkatkan pengeluaran daripada 3.4 metrik tan kepada 5.4 metrik tan.

Itu bagi menjawab bahagian pertama soalan Tuan Yang di-Pertua. Bahagian kedua sama ada kerajaan hendak bawa masuk petani padi dari negeri lain seperti Kelantan, Terengganu pergi ke MADA ini dan yang keduanya berkaitan dengan sama ada hendak buka kawasan baru. Tidak, soalan pertama kita tak ada rancangan hendak bawa masuk orang luar ke kawasan Empangan Muda mengusahakan tanaman padi kerana 48500 sudah mencukupi. Sebenarnya oleh kerana purata keluasannya cuma 2.1 hektar kalau kita tengok negara lain mempunyai satu kawasan yang kecil.

Oleh yang demikian pada hari ini kerajaan menggalakkan penubuhan mini estet di kawasan MADA. Pada tahun lepas ada 37 mini estet. Tahun ini hendak ditambah pada 1996 dan menjelang tahun 2010 hendak tambah 450 mini estet melibatkan 20,000 hektar iaitu kira-kira 20% daripada kawasan MADA akan menjadi mini estet. Ini mengambil kira keperluan tenaga pekerja dan juga mengambil kira purata Tuan Yang di-Pertua umur petani di MADA ini ialah 57 tahun. Orang lama-lama belaka. Jadi dengan adanya mini estet insya-Allah kita harap akan dapat mengatasi masalah ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kita tak bercadang untuk bawa masuk petani luar negeri Kedah dan Perlis untuk rancangan ini sebaliknya kita hendak memajukan kawasan ini dengan melaksanakan program mini estet.

Soalan bahagian kedua ini berkaitan sama ada kerajaan hendak buka kawasan baru. Jadi untuk tambah pengeluaran padi ini dua pendekatan:

- (i) meningkatkan produktiviti belia kawasan sedia ada seperti MADA dan lain-lain;
- (ii) hendak buka kawasan baru.

Kedua-duanya mustahak. Kerajaan baru-baru ini telah menambahkan RM803 juta daripada RM4 bilion yang diumumkan Perdana Menteri rancangan untuk menambah bekalan makanan negara, RM803 juta adalah untuk kawasan padi dan daripada jumlah tersebut kira-kira RM104 juta adalah untuk kawasan MADA. Jadi ini adalah berkaitan dengan usaha bagi menambah keluaran di kawasan sedia ada.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua akhirnya bagi menjawab soalan Yang Berhormat kerajaan bercadang untuk membuka kawasan-kawasan penanaman padi yang baru, insya-Allah di Sarawak sudah pun dalam rancangan kerajaan. Jadi terima kasih Yang Berhormat. Sebagai menggulung buat masa ini hanya di negeri Kedah. Terima kasih.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih saya ucapkan Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri datang untuk menjawab soalan.

Soalan tambahan saya ialah memandangkan krisis kekurangan beras, dan teknologi penanaman beras yang dapat mengeluarkan produktiviti yang tinggi dan baik di kawasan Sekinchan, adakah kerajaan bercadang atau memperkenalkan cara atau teknologi ini kepada MADA atau mana-mana tempat yang menanam padi. Itu soalan saya. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Teknologi amat penting untuk menambah pengeluaran padi. Kita telah memperkenalkan apa yang dipanggil *precision farming* dengan izin, pertanian tepat dan di Kedah sudah pun menggunakan di beberapa kawasan termasuklah kawasan Kampung Jerai di mana kira-kira 150 hektar sedang diusahakan dan kita berharap kawasan Jerai ini akan berlaku pertambahan di dalam *yield* kira-kira 7 metrik tan. Sekarang ini sekitar 5, 6 sahaja. Jadi kita harap dengan kita menggunakan

teknologi ini termasuklah *precision farming* yang dibantu oleh MARDI. MARDI menempatkan seorang pegawai di Kampung Jerai untuk memastikan *precision farming* dapat digunakan.

Sekinchan ini Tuan Yang di-Pertua adalah salah satu kawasan yang baik dari segi *yield* 10 metrik tan. Saya sudah pun melawat kawasan Sekinchan berjumpa beberapa orang petani dan mereka sebenarnya sudah pun ke Terengganu untuk mengambil inisiatif untuk belajar bagaimana hendak gunakan *good agriculture practices* dengan izin, amalan baik dalam pertanian dan ada sekumpulan petani Sekinchan sedang menubuhkan sebuah syarikat dan mereka bercadang untuk memberi khidmat nasihat.

Ini penting kerana apa yang dilakukan di kawasan-kawasan di mana pengeluaran tinggi kita hendak sebar luaskan tempat lain tetapi saya hendak maklumkan di sini bahawa antara sebab kenapa Sekinchan begitu tinggi pengeluarannya adalah kerana sistem pengairan dan perparitan yang jauh lebih baik daripada MADA umpamanya. Pertamanya kepadatan tali air di MADA cuma 18 meter bagi setiap hektar. Itu sahaja. Rendah sahaja, tak banyak tali air. Di Sekinchan lebih baik pengurusan airnya, jadi ini antara sebab. Selain itu petani-petani Sekinchan mungkin bekerja lebih beras lagilah. Jadi ringkas cerita Tuan Yang di-Pertua kita akan pastikan bahawa amalan terbaik yang dilaksanakan di kawasan Sekinchan dapat kita terapkan di kawasan-kawasan lain termasuklah di MADA.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan ini. Saya ada tiga soalan. Pertama, adakah kerajaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Dua. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan semula kilang-kilang kecil luar bandar yang diuruskan oleh orang-orang kampung khasnya koperasi-koperasi untuk menjamin bekalan beras sampai bila-bila pun tak akan habis. Itu yang pertama.

Yang kedua, apakah rancangan kerajaan untuk memantapkan kesemua sekali unit peladang pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan dan pertubuhan peladang negeri-negeri di seluruh negara kerana bina insan ada di sini Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Peladang Kawasan atau PPK dan juga Persatuan Peladang Negeri atau PPN, memainkan peranan yang penting dalam membangunkan sektor pertanian. Kerajaan amat menghargai peranan mereka dan saya bersetuju Yang Berhormat insya-Allah kita perlu mantapkan.

Soalannya apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memantapkan lagi PPK dan Persatuan Peladang Kawasan dan juga Persatuan Peladang Negeri. Jadi yang penting yang pertama perlu diuruskan dengan baik bagi mereka yang benar layak menguruskan ataupun menjadi pengerusi PPK dan PPN ini dan hendaklah komited kepada kerja-kerja mereka.

#### ■1040

Apa yang penting dalam konteks sekarang Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana padi merupakan satu prioriti yang bagi saya tertinggi pada hari ini dalam bidang pertanian, menambah

pengeluaran padi supaya kita dapat membekalkan makanan yang mencukupi kepada negara. Maka kita sudah pun menubuhkan satu komponen kecil dan kita akan pastikan bahawa mereka akan bersama-sama dengan TPK dan PPN.

Ini untuk memastikan pengeluaran padi yang sekarang ini cuma 72% sahaja daripada luar negara kita bekalkan, kita hendak tambah kalau boleh satu hari 100%. Kalau boleh, kalau kita cekap kita boleh eksport padi dan beras ke luar negara. Jadi insya-Allah kita akan bersama-sama dengan TPK dan Pusat Pertanian Negeri untuk memastikan bahawa agenda besar pertanian dapat kita jayakan.

Kedua, berkenaan dengan kilang kecil di luar bandar dalam dunia perniagaan, ada tempat kecil dan tempat gergasi. Kalau kita tengok dalam senario negara kilang kecil di kampung makin tidak ada kerana banyak yang kecil-kecil sudah dimakan dan di telan oleh yang besar-besar ini. Jadi ini ialah sebahagian dalam perniagaan. Namun, persoalannya dalam bekalan, tidak semestinya dengan ada kalau dahulu tidak ada sistem pengangkutan tidak canggih, jalan tidak sempurna.

Jadi sekarang ini pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita bukan bermakna kita tidak galakkan yang kecil. Isunya bekalan, maka tidak semestinya dengan ada kilang-kilang kecil di seluruh negara, kilang padi boleh menjamin bekalan dengan sistem pengangkutan yang amat canggih pada hari ini. Dalam pada itu kerajaan prihatin kepada kepentingan pertanian kecil ini dan kita perlu pastikan *transaction* ataupun berlaku peralihan dapat kita uruskan dengan baik supaya kehidupan mereka tidak terjejas, terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk bertani, apakah kaedahnya ataupun galakan daripada kementerian sendiri yang mana kita lihat petani ini tidak puas hati harga padi begitu rendah, kalau dibandingkan dengan pengilang beras, beras begitu tinggi sekali. Bagaimana kementerian hendak mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diumumkan dalam Pilihan raya Umum Ke-12 yang lalu, langkah-langkah ini termasuklah, seperti mana Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sebutkan tadi, dalam bentuk mengawal harga beras 5% dan 10%. Satu langkah yang diumumkan pada 12 Mei ialah untuk *guaranteed minimum price*, harga minimum beras terjamin. Dahulu RM650 satu tan sekarang dinaikkan RM750.

Itu harga minimum, tetapi yang sebenarnya yang realitinya orang yang ada kawasan sawah sempadan Selangor RM1100 satu tan, harga minimum RM750, sebenarnya RM1100. Jadi petani-petani sudah pasti mendapat manfaat.

Selain itu, bagi setiap tan metrik yang dikeluarkan, kerajaan bagi duit bagi wang subsidi RM248. Jadi kalau harga padi RM1100 kerajaan bagi duit subsidi RM248 bermakna seorang petani akan mendapat RM1,348 bagi setiap tan metrik yang dikeluarkan. Kos untuk subsidi harga

padi ini ialah kira-kira RM450 juta setahun. Kerajaan bagi duit bagi setiap tan metrik yang dikeluarkan secara automatik kos pada kerajaan RM450 juta setahun. Ini adalah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa kepentingan penanaman padi terpelihara, Terima kasih.

**3. Dato' Azian bin Osman** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana had kuasa Kerajaan Pusat dan negeri di mana ada kalanya tidak terdapat keseragaman di dalam polisi-polisi dan keputusan-keputusan di antara Kerajaan Pusat dan negeri.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia merupakan sebuah persekutuan di mana Perlembagaan Persekutuan telah digariskan had kuasa bagi Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri. Pensempadanan bidang-bidang kuasa ini telah dilakukan seperti mana yang diperuntukkan dalam Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam keadaan di mana terdapat ketidakseragaman dalam dasar-dasar dan keputusan-keputusan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri yang mana perkara tersebut di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Maka kita harus merujuk masalah kepada Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa terdapat ketidakseragaman antara undang-undang kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat, maka undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Pusat akan diguna pakai dalam hal di mana ketidakseragaman itu terdapat. Terima kasih.

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa negeri diambil alih oleh Pakatan Rakyat selepas Pilihan Raya Umum ke-12. Kita mendapati ada beberapa perkara cuba dilakukan, dan yang paling memanas ialah tindakan Kerajaan Pulau Pinang menolak Dasar Ekonomi Baru daripada dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Soalan tambahan saya, adakah tindakan-tindakan seperti ini mencabul konsep Persekutuan dan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan mengikut Perlembagaan di mana Kerajaan Persekutuan boleh mengetepikan sebarang tindakan kerajaan negeri yang bertentangan dengan dasar Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Azian. Soalan yang pertama, soal Kerajaan-kerajaan Pakatan Rakyat khususnya Kerajaan Pulau Pinang yang tidak akur dengan Dasar Ekonomi Baru.

Maka saya ingin mengatakan di sini dalam senarai pertama Persekutuan, Jadual Kesembilan kita sudah pun jelas sekali apakah bidang-bidang kuasa merangkumkan di bawah bidang kuasa Persekutuan. Soal berkenaan dengan hal ehwal luar negeri, pertahanan, undang-

undang sivil, undang-undang jenayah, kewarganegaraan, kewangan, perdagangan dan sebagainya.

Namun, di dalam senarai kedua Jadual Kesembilan - undang-undang negeri mempunyai kuasa dalam undang-undang syariah. Undang-undang sivil dan undang-undang jenayah bawah Persekutuan dan soal mengenai kerajaan tempatan. Contohnya, apabila Dasar Ekonomi Baru ada dikaitkan, maka soal kontrak di peringkat kerajaan tempatan, *local government* dengan izin, mungkin ada percanggahan.

Ini kerana kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa dalam hal-hal ini berkaitan dengan hal-hal kontrak. Sebagai contoh, di sini mungkin ada pertelingkahan dalam konsep Dasar Ekonomi Baru yang membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat sebagai landasan untuk pembangunan negara. Seterusnya isu tanah di bawah bidang kuasa negeri. Maka di sini juga mungkin ada beberapa konflik sekiranya Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mahu akur dengan satu dasar yang murni demi untuk pembangunan negara. Seterusnya dalam konteks pertanian dan perhutanan, di mana ada bidang kuasa-bidang kuasa tertentu dalam kerajaan negeri yang memberi kuasa kepada mereka. Perkhidmatan tempatan - contohnya pemberian lesen untuk pawagam, pasar, kubu, hotel dan sebagainya masih dalam naungan perundangan negeri.

Seterusnya kita juga ada bidang-bidang kerja raya negeri dengan kerja raya di peringkat Persekutuan. Maka di sini juga soal kontrak telah pun diungkit dan soal air masih lagi di bawah kuasa kerajaan negeri. Kalau kita lihat keseluruhan Bahagian 6 daripada Perkara 72 sampai 95, sudah dengan begitu jelas sekali perundangan itu dimaktubkan.

Namun begitu, Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar yang dipecahkan kepada rangka rancangan jangka panjang program, pertama, kedua dan ketiga. Sekarang kita di bawah naungan Dasar Wawasan Negara. Maka dasar ini adalah berbeza dengan undang-undang. Dasar itu adalah dengan *spirit of the nation* dengan izin, *for the spirit of the nation*. Jadi sekiranya Kerajaan Pakatan Rakyat ingin mencabar satu dasar untuk kemurnian negara, maka kita kena lihat di antara "niat" mereka.

Selalunya kalau ada konflik antara negeri dengan Persekutuan, kita gunakan *the spirit of negotiation* untuk sama-sama duduk dan berbincang untuk kepentingan negara. Maka saya rasa kita perlu lihat pada masa hadapan bagaimana hala tuju pembangunan dan hala tujuan konflik itu dapat diselesaikan. Terima kasih.

#### ■1050

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk terus meningkatkan daya saing dan daya tahan Malaysia di arena antarabangsa dan juga untuk penerimaan rakyat setiap negeri di Malaysia pasti terus bangunkan dengan sebaik-baiknya dan juga dengan pesat. Jangan kita gaduh dalam politik, nasib negara dan nasib rakyat digadaikan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah polisi dan mekanisme yang dipegang oleh Kerajaan Pusat terhadap negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat? Selepas Pilihan raya Umum 2008 sekarang ini, apakah interaksi dan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri berkenaan dengan kerjasama. Adakah dibincangkan dan dirancang? Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita dalam proses globalisasi direntetkan dengan pelbagai cabaran antarabangsa. Kalau kita bergaduh sesama sendiri, mungkin negara kita akan sama-sama terkena. Maka dalam semangat sebegini, saya rasa landasan pembangunan yang kita sama-sama harus ajukan adalah kerjasama intim. Walaupun ada perbezaan tetapi kita harus melihat negara kita dengan cabaran global yang begitu serius sekali.

Saya setuju bahawa dalam interaksi antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, itulah semangat yang didukung oleh Kerajaan Pusat, itulah semangat yang didukung. Itulah sebabnya baru-baru ini kerajaan mengatakan bahawa di Pulau Pinang, projek-projek pembangunan akan diteruskan dan di negeri Perak pula, RM8.37 bilion akan dibelanjakan untuk pelbagai program oleh Kerajaan Pusat walaupun kerajaan itu ditadbir oleh sebuah pakatan yang bukan kita setuju atau rakyat yang memilih mereka. Maka itulah jaminan yang diberi oleh kerajaan, jangan kita mengenakan rakyat kerana fahaman politik. Kerajaan Persekutuan melihat bahawa setiap warganegara perlu dibela ke arah satu pembinaan negara.

Dalam konteks itu juga, saya ingin mengatakan bahawa begitu jelas sekali di sini undang-undang antara negeri dengan persekutuan. Sekiranya jika mana-mana undang-undang negeri adalah berlawanan dengan suatu undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah diguna pakai dan undang-undang negeri itu terbatal setakat mana ianya berlawanan dengan undang-undang persekutuan itu. Maka dalam Perlembagaan Malaysia sudah begitu dimurnikan mengenai peranan persekutuan dan peranan negeri. Dan saya harap bahawa pihak pembangkang akan memahami bahawa negara kita perlu diutuhkan dan itulah menjadi matlamat murni Perlembagaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Vijayarajam, saya beri peluang sebab Yang Berhormat tidak dapat peluang tadi, saya beri peluang ini.

**Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini ada banyak pengumuman dasar-dasar baru oleh kerajaan-kerajaan negeri Pakatan Rakyat tertentu yang boleh dianggap menarik tetapi ini dalam bahasa Inggeris dikatakan *populist*. Kita tidak tahu dalam jangka masa panjang boleh memberi berfaedah kepada negeri. Adakah Kerajaan Pusat memantau dasar-dasar supaya dasar-dasar ini di dalam jangka masa panjang rakyat di negeri-negeri tersebut tidak akan menderita? Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sekarang pemantauan Kerajaan Persekutuan terhadap kerajaan negeri yang dikuasai oleh pembangkang

perlu dilakukan oleh rakyat sendiri. Kalau janji-janji pilihan raya dan janji-janji yang telah didepankan tidak berjaya, maka saya rasa rakyat sendiri akan menolak atau memilih mereka dalam lima tahun akan datang. Maka ini bukan soal senang-senang kerana kerajaan sekarang sedang membuat kajian separuh penggal untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Kami sudah pun melihatnya dan telah memberi keutamaan kepada projek-projek yang berjiwa rakyat, *people centric* dan kita sedang mengkaji balik mana kepentingan rakyat.

Maka kalau sekiranya kita ikhlas dan itulah hala tuju, saya pasti bahawa Pakatan Rakyat mempunyai satu cabaran besar untuk membuktikan kepada rakyat bahawa hasrat mereka semurni kita. Itulah jawapannya, terima kasih.

**4. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, sama ada terdapat skim, peruntukan dan mekanisme bagi membantu usahawan-usahawan IKS dalam era perdagangan elektronik dan internet bagi menghadapi jenayah siber yang menelan kos yang tinggi dalam usaha melindungi privasi, hak cipta dan menghalang kebocoran maklumat mereka secara maya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab, izinkan saya sebab saya duduk betul-betul depan...negeri Johor, saya masih sedih cerita Pulau Batu Puteh...senget sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita akan betulkan.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ialah soalan yang kompleks berkenaan dengan satu daripada bidang industri yang paling terkini yang juga kompleks iaitu bidang ICT. Izinkan saya untuk menjawab soalan ini dengan membahagikannya kepada tiga bahagian kecil.

Yang pertama ialah untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tidak secara spesifik mempunyai apa-apa skim tuntutan ataupun mekanisme yang boleh membantu sesiapa sahaja, bukan sahaja usahawan-usahawan IKS dalam menghadapi masalah jenayah siber sama ada dari segi hak privasi, hak cipta dan juga kebocoran maklumat secara maya, secara...

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk bahagian yang kedua untuk menyenaraikan dan ini adalah..., menyenaraikan beberapa kementerian yang di bawah tanggungjawab mereka, ada kuasa-kuasa yang lebih spesifik merujuk kepada soalan Yang Berhormat. Misalnya yang pertama ialah, di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi khususnya di bawah agensinya iaitu Suruhanjaya Komunikasi Malaysia. Mereka mempunyai kuasa tertentu untuk menghadapi soal jenayah siber dan teknologi maklumat ini.

Dan yang keduanya di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, misalnya di bawah agensinya Perbadanan Harta Intelek Malaysia ada kuasa-kuasa tertentu untuk hak privasi dan hak cipta. Dan yang ketiga ialah di bawah Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna biasanya terdapat perundangan-perundangan dan peruntukan-peruntukan perlindungan produk-produk dari segi hak cipta, misalnya melalui Akta Paten 1983 dan Akta Hak Cipta 1987.

Bahagian yang ketiganya ialah, mungkin saya sebutkan bahawa walaupun kami tidak ada kuasa yang spesifik tetapi tanggungjawab kementerian ini ialah untuk membantu usahawan-usahawan IKS memasuki bidang ICT melalui program-program pembudayaan, latihan pembiayaan dan minat. Dan ini kita sediakan peruntukan-peruntukan misalnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita menyediakan, kita mensasarkan untuk melatih seramai 275,000 bakal usahawan dan ini termasuklah juga usahawan-usahawan ICT dengan belanjawan yang disediakan sebanyak RM166.5 juta.

Begitu juga di bawah agensi, di bawah kementerian yang ada. Di sini sebagai contohnya di bawah SME Bank. Setakat tahun 2007 sahaja, kita dah mengeluarkan sebanyak RM71.8 juta dari segi pembiayaan usahawan ICT yang melibatkan sebanyak 48...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Soalan tambahan saya, memandangkan kos untuk membiayai peralatan perisian untuk perkara-perkara sebegini adalah mahal, adakah pihak kementerian bercadang untuk memberikan pembiayaan khas kepada usahawan-usahawan IKS untuk membeli peralatan-peralatan ini? Dan adakah ianya akan dijadikan satu benda yang wajib untuk IKS bagi mereka membuka satu syarikat kerana ia merupakan lebih bersifat kepada polisi komputer.

■ 1100

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak ada pakej yang khusus untuk menghadapi ataupun menangani soalan yang ditimbulkan oleh Yang terhormat tetapi kita di kementerian ini sedang melihat kembali pakej-pakej pembiayaan yang sedia ada untuk memudahkan pinjaman itu dibuat.

Pertama, dari segi masa untuk pemprosesan pinjaman dan yang lebih penting sekali ialah pakej-pakej yang lebih memudahkan akan usahawan untuk membuat permohonan. Sebagai contohnya, sekarang ini kita ada banyak latihan termasuk latihan usahawan dalam bidang ICT. Kemudian, kita ada satu lagi pakej pembiayaan dalam bidang ICT misalnya di bawah SME Bank tetapi seorang usahawan yang ingin melibatkan diri dalam bidang ICT, dia harus melalui dua proses yang berbeza. Satu dia ikut latihan, kemudian dia membuat pinjaman. Yang ingin kita lakukan sekarang ialah kita menjambatani kedua-dua proses itu. Kalau boleh, sebaiknya dalam mereka mengikuti kursus ataupun latihan, kita sudah membantu mereka untuk sebaiknya kalau selepas sahaja mengikuti latihan itu, dengan syarat dia layaklah, mereka sudah pun boleh teruskan usaha mereka membuka syarikat-syarikat dari pembiayaan yang sudah disediakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

5. **Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, mengenai kedudukan kadar jenayah di negara sekarang. Apakah tindakan-tindakan dan strategi yang sedang dan akan diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani masalah jenayah yang semakin meningkat menyebabkan kebanyakan masyarakat sekarang merasa kurang selamat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]:**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Effendi bin Norwawi; dan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, bertarikh 26 Mei 2008 kerana soalan-soalan... [*Sistem pembesar suara kurang baik*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya benarkan.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, jumlah indeks jenayah untuk tahun 2008 bagi tempoh Januari hingga Mac adalah sebanyak 54,779 kes. Pihak kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu dengan kaedah penyelesaian secara menyeluruh yakni secara holistik bagi menangani kes-kes jenayah. Antara langkah-langkah atau tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dan PDRM bagi mengatasi jenayah adalah dengan:

- (i) mengambil tindakan-tindakan pencegahan yang berterusan dengan bantuan dan kerjasama masyarakat setempat;
- (ii) mempertingkatkan pencarian maklumat risikan seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia sedia maklum, sebelum kejadian jenayah itu berlaku, usaha-usaha melalui risikan dibuat untuk mencegah sebelum ia berlaku;
- (iii) mempertingkatkan mutu penyiasatan, mencegah kemasukan serta menangkap pendatang-pendatang asing tanpa izin yang berada di negara ini untuk dihantar ke negara masing-masing, termasuk juga; dan
- (iv) meningkatkan kesedaran terhadap masyarakat mengenai tanggungjawab mereka untuk memerangi jenayah dengan memperluaskan program skim kepolisan masyarakat seperti Rakan Corps dan skim pengawasan kejiwaan seperti rukun tetangga yang bertujuan untuk merapatkan jurang antara pihak polis dan masyarakat.

Untuk mengatasi masalah jenayah, antara langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan dan PDRM adalah dengan meluluskan lebih banyak lagi peruntukkan untuk menjadikan rumah kedai dan rumah perumahan sebagai balai atau pondok polis sementara dan membina lebih banyak lagi balai dan pondok polis di kawasan yang dikenal pasti kerap berlaku jenayah.

Maknanya mempertingkatkan kehadiran polis atau dengan izin, *police presence*. Di samping itu kerajaan telah juga mengarahkan agar PDRM bekerjasama dengan setiap PBT atau

pihak berkuasa tempatan, untuk mengkaji kawasan-kawasan yang sesuai yang perlu dipasang CCTV. Kerajaan juga dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan jumlah keanggotaan PDRM yang setakat ini seramai 97,000 orang untuk ditambah kepada 60,000 orang dalam masa lima tahun akan datang.

Bagi tujuan pengisian perjawatan tersebut, PDRM telah mengambil langkah-langkah dengan mewujudkan pusat-pusat latihan baru dan menawarkan perjawatan kontrak kepada anggota dan pegawainya yang bakal bersara. Pihak PDRM juga telah mengambil langkah untuk menangani jenayah di kalangan juvana dengan mengadakan operasi besar-besaran untuk membanteras para pelajar yang terlibat dengan jenayah seperti curi motosikal dan juga menyediakan kereta peronda serta anggota tambahan untuk kegunaan rondaan di kawasan tumpuan para pelajar seperti di pusat membeli belah dan di siber kafe. Termasuk juga dalam usaha ini adalah dengan memberikan kaunseling kepada juvana dan pelajar-pelajar yang terlibat dengan jenayah.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, PDRM telah mengadakan program-program turun padang di sekolah-sekolah dengan mengadakan ceramah dan pameran berkaitan kesedaran mengenai jenayah dan dadah serta menubuhkan kelab pencegahan jenayah dan pasukan kadet polis untuk aktiviti kurikulum di sekolah-sekolah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Seri Mohd Effendi bin Norwawi, kemudian Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, Puan Siw Chun a/p Eam.

**Dato' Seri Mohd. Effendi bin Norwawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan tadi. Kita dengar daripada jawapan tadi yang kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah tapi kalau kita melihat dari segi psikologi masyarakat, kita bergaul tiap-tiap hari di mana-mana, kita dengar cerita masalah jenayah ini tidak pun putus-putus.

Di mana saja kita pergi. Jadi soalan saya ialah dengan tindakan-tindakan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah kerajaan Yang Berhormat sendiri merasai tindakan-tindakan ini telah berkesan dan apakah yang sedang dirancang pendekatan-pendekatan baru bagi memastikan semua tindakan yang kita ambilkan sekarang adalah benar-benar berkesan dan apakah yang patut dilaksanakan supaya kita dapat memastikan, yang penting ialah penglibatan masyarakat.

Kita dengar tadi, sebab apa saya lihat kita selalu mendengar penjelasan ini tapi saya rasa di mana-mana kita melihat masalah jenayah ini berlaku, saya ingat contoh yang terkemuka ialah misalnya di New York, kejayaannya tidak terpujang kepada kerajaan dan ataupun polis sahaja tapi ia banyak berjaya kerana penglibatan masyarakat, jadi dari segi *prevention* dan dari segi *enforcement*. Jadi saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri merasa berpuas hati atas segala tindakan yang telah diambil,

adakah semua tindakan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri merasai benar-benar telah berkesan.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Berhubung dengan kesan ataupun *effectiveness* dengan izin, proses dalam pencegahan jenayah yang dilakukan oleh PDRM, ingin saya melaporkan di Dewan yang mulia ini bahawa peratus penyelesaian kes untuk tahun ini daripada Januari hingga Mac ialah 38.2%. Ini adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan piawaian ataupun standard yang telah ditetapkan oleh.... [*Sistem pembesar suara kurang baik*] ...laitu sebanyak.... [*Sistem pembesar suara kurang baik*] Maksud kes yang diselesaikan pula adalah apabila seseorang itu ditangkap dengan.... [*Sistem pembesar suara kurang baik*] Maksudnya semasa kejadian, dia ditangkap ataupun berlakunya pengakuan daripada penjenayah ataupun berlakunya pendakwaan ataupun yang keempatnya apabila penjenayah telah dikenal pasti ataupun ditangkap.

■1110

Jadi dari segi pencapaian Polis Diraja Malaysia, kerajaan dan rakyat harus merasa bangga dengan jumlah yang telah pergi jauh seperti mana yang telah ditetapkan oleh piawaian antarabangsa.

Saya juga bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa soal penyelesaian dan pembanterasan jenayah itu bukan sahaja oleh kerajaan dan pihak polis sahaja, tetapi ia juga melibatkan bantuan dan kerjasama daripada masyarakat. Kita tegas sebenarnya tetapi dalam masa yang sama kita juga perlu tegas dalam mencari puncanya.

Jadi faktor-faktor dengan izin, *route causes crime* perlu juga diambil kira iaitu seperti faktor-faktor persekitaran, didikan agama, ekonomi, kemiskinan, dan struktur keluarga. Ini juga harus diambil kira. Maksudnya penyelesaian yang holistik bukan sahaja mencegah jenayah sama ada telah berlaku atau pun bakal berlaku tetapi juga persekitaran yang mendorong orang untuk melakukan jenayah.

Inilah yang saya maksudkan sebagai pendekatan holistik yang mana tidak dapat diselesaikan tanpa bantuan dan kerjasama masyarakat. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siw Chun a/p Eam.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah pihak PDRM mempunyai cukup peralatan teknologi terkini dan canggih memandangkan dalam era pembangunan ekonomi negara dan dunia yang begitu pesat membangun menyebabkan penjenayah-penjenayah semakin sofistikated, ganas dan tidak mengenal sempadan. Terima kasih.

**Dato' Wan Ahmad Farid Wan Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang menanyakan soalan dengan semangat. Berhubung sama ada PDRM mempunyai kelengkapan yang lengkap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana kita minoriti, kita perlu kuatkan sedikit suara supaya boleh dengar suara kita.

**Dato' Wan Ahmad Farid Wan Salleh:** Saya mendengar dengan *loud* dan *clear* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan Yang Berhormat tentang sama ada kita mempunyai kelengkapan yang mencukupi, saya tidak boleh mengatakan bahawa kita mempunyai kelengkapan yang mencukupi dan sofistikated kerana banyak lagi keperluan-keperluan yang diminta oleh PDRM yang sedang dalam pertimbangan kerajaan.

Antara permohonan yang diutarakan oleh PDRM adalah supaya CCTV diberi dan dilengkapkan dalam semua komponen. Ini adalah dalam pertimbangan kerajaan dan banyak perkara yang diminta oleh PDRM yang kerajaan sedang timbang untuk melengkapkan PDRM agar ia menjadi pasukan yang terancang dan terbaik dalam negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Khoo Soo Seang.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pandangan saya ialah walaupun kita menambah bilangan anggota polis dan kemudahan dan sebagainya, tetapi polis tidak boleh berada di satu tempat pada satu masa. Jadi mungkin itu cara yang paling berkesan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Inti sari daripada jawapan dan penekanan yang diberi oleh Dato' Seri Mohd. Effendi tadi ialah menyedari semua langkah penguatkuasaan tetapi masih dalam keadaan yang menimbulkan kebimbangan. Apa pula peranan masyarakat?. Tidakkah kerajaan boleh menggerakkan masyarakat supaya dengan berkesan menurunkan kadar jenayah ini.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Soalan tambahan saya ialah adakah pihak kerajaan sudah kenal pasti punca-punca yang menyebabkan kadar jenayah tinggi. Adakah ia disebabkan oleh pendapatan yang rendah, pengangguran ataupun mungkin masalah dadah ataupun melalui nilai moral rakyat kita yang tertentu. Sekiranya ada, apakah tindakan atau langkah-langkah akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Sekian terima kasih

**Dato' Wan Ahmad Farid Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa kita bukan bidang korporat. Jadi kita kena tegas bukan dengan penjenayah sahaja tetapi dengan punca. Sebab itu pendekatan holistik yang digunakan oleh kerajaan adalah pada masa yang sama mencari punca-punca seperti yang saya katakan tadi masalah persekitaran, didikan agama. Di samping itu, Kementerian Dalam Negeri dan pihak-pihak lain sama-sama dengan semangat dan rasa *responsibility* akan memastikan bahawa punca-punca jenayah ini akan dapat ditutup supaya kejadian jenayah dan sebab seseorang itu melakukan jenayah dapat kita atasi dan dapat mengurangkan jenayah. Ia bukan sahaja berbentuk *cure* tetapi ia juga berbentuk *prevention* dalam pendekatan holistik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**6. Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:-

- (a) apakah tindakan tegas yang diambil oleh kementerian bagi menentukan pusat jagaan berkediaman atau pusat jagaan harian bagi orang kurang upaya, anak-anak yatim serta warga emas yang dikendalikan oleh (NGO) dan swasta dapat menyediakan perkhidmatan yang bermutu dan mematuhi peraturan yang ditetapkan; dan
- (b) adakah kerajaan membiayai sebarang bantuan insentif atau bantuan kewangan kepada rumah kebajikan swasta yang mengalami kos bebanan yang tinggi.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi menentukan kesemua pusat jagaan yang berdaftar sama ada di bawah NGO atau swasta menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan mematuhi akta dan Peraturan Pusat Jagaan 1993. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun JKM telah mengambil beberapa tindakan tegas seperti berikut:-
  - (a) semua pusat jagaan mesti berdaftar dengan JKM dan perakuan pendaftaran tidak akan dikeluarkan kepada pengendali yang tidak mematuhi standard minima seperti yang ditetapkan oleh akta dan peraturan pusat jagaan seperti nisbah penjaga dengan penghuni, nisbah keluasan lantai dengan penghuni, memenuhi menu makanan harian yang sesuai dengan penghuni dan juga senarai aktiviti;
  - (b) memastikan semua premis perlu mendapatkan kelulusan daripada tiga agensi teknikal iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan bagi menentukan keselamatan penghuni semasa mereka berada di premis sebelum perakuan pendaftaran dikeluarkan;
  - (c) di bawah garis panduan pemberian geran kepada pertubuhan bukan kerajaan ataupun NGO. Terbaru mulai tahun 2007, JKM telah menentukan bahawa geran tahunan tidak akan diberikan kepada mana-mana NGO yang mengendalikan pusat jagaan tetapi gagal memperoleh perakuan pendaftaran dari JKM; dan
  - (d) JKM juga telah mewartakan sekurang-kurangnya seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah sebagai pegawai diberi kuasa pusat jagaan bagi tujuan memantau perjalanan dan mengoperasikan bagi menjamin mereka

mematuhi standard minima yang ditetapkan dan pegawai-pegawai ini akan memastikan jika ada pusat-pusat jagaan yang masih belum mendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sehingga kini tidak ada pengendali pusat jagaan yang didakwa di mahkamah atas kesalahan melanggar peraturan dan di bawah Akta Pusat Jagaan, kementerian sentiasa berusaha menjamin perkhidmatan yang berkualiti disediakan oleh pengendali dan sentiasa dipatuhi.

Pindaan kepada Akta Pusat Jagaan pada tahun 2007 juga telah memberikan kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk menyelak atau *seal* dengan izin, dan mengkompaun mana-mana pengendali yang melanggar akta dan peraturan.

Untuk soalan bahagian,

- (b) Yang Berhormat, kementerian tidak membiayai rumah kebajikan swasta kerana adanya elemen bayaran dan keuntungan. Namun begitu kementerian membantu pertubuhan sukarela kebajikan atau pun PSK dalam menokok tambah perkhidmatan yang disediakan kepada kumpulan sasaran ini selaras dengan konsep Masyarakat Penyayang yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2007 sebanyak 222 buah pertubuhan sukarela kebajikan yang telah menerima bantuan kewangan melalui pemberian geran tahunan berjumlah RM21,980,000. Dengan bantuan geran ini diharapkan PSK ataupun Pertubuhan Sukarela Kebajikan ini akan terus memberikan perkhidmatan, kebajikan yang memuaskan kepada kumpulan sasaran yang saya sebutkan.

Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Rawisandran a/l Narayanan.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah mekanisme yang sedang digunakan oleh kementerian untuk mengawal NGO-NGO dan badan-badan swasta yang menggalakkan pihak tertentu mengutip derma di tempat-tempat awam tanpa sebarang kelulusan.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu bukan di bawah bidang kuasa kementerian iaitu pemantauan kepada kutipan dana. Sekiranya kesalahan itu adalah jenayah Yang Berhormat, saya pasti pihak berkuasa negara kita akan mengambil tindakan tetapi bukan di bawah bidang kuasa kita.

## ■ 1120

Sebenarnya Yang Berhormat, NGO dibolehkan mengutip dana ataupun dibenarkan membuat *fund raising*, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Azizah. Saya tidak panggil Syarifah Azizah sebab soalan beliau adalah berikut.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya ialah untuk Yang Berhormat TM sendiri ya. Ada berapakah institusi dan berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan dalam mentadbir rumah-rumah institusi dan juga bagi seseorang penghuni. Adakah ini membebankan kerajaan? Terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Selain daripada NGO dan juga pertubuhan swasta. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri sememangnya mempunyai sebanyak semuanya 60 buah institusi ataupun rumah-rumah kebajikan ini yang terdiri daripada 36 buah institusi khas untuk kanak-kanak, 13 buah institusi untuk warga emas dan juga sebanyak 11 buah institusi untuk orang kurang upaya iaitu sasaran yang disebutkan dalam soalan pokok.

Sememangnya, perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan dalam menguruskan kesemua 60 buah institusi ini adalah tinggi Yang Berhormat iaitu hampir mencecah RM86 juta untuk setahun. Jika dikira nisbah antara perbelanjaan mengurus ini dengan jumlah penghuni di kesemua 60 buah institusi ini, seperti untuk penghuni kanak-kanak misalnya hampir RM1,200 satu kepala untuk satu bulan perbelanjaan yang terpaksa dikeluarkan. Begitu juga untuk warga emas sebanyak anggaran RM750 satu kepala dan juga RM1,250 untuk seseorang OKU di institusi OKU kita.

Walaupun perbelanjaan itu memang tinggi Tuan Yang di-Pertua, tetapi kerajaan akan terus komited dalam menyediakan kemudahan di rumah-rumah institusi ini untuk menjamin kesejahteraan masyarakat di samping kita ingin terus menyeru kepada semua lapisan masyarakat untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing terhadap anak-anak OKU daripada keluarga sendiri dan juga orang tua kita sendiri. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

7. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, langkah kerajaan di dalam menangani isu kebanjiran laman-laman *blog internet* secara tidak terkawal dan adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sebuah badan khas bagi memantau akan laman-laman *blog internet* ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan dari Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, bertarikh 26 Mei 2008; serentak dengan soalan-soalan dari Yang Berhormat Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie bertarikh 27 Mei 2008; Yang

Berhormat Dato' Azian bin Osman; dan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, yang bertarikh 28 Mei kerana perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan dan saya akan pohon pertanyaan tambahan daripada Puan Nordiana dan Datuk Rizuan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau SKAMM akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik, pengendali atau penulis *blog* yang menyalahgunakan *internet* sebagai platform untuk menabur fitnah, menghina seseorang itu tidak kira darjat, agama dan bangsa. Sekiranya hasil siasatan menunjukkan terdapat *bloger* yang benar-benar melanggar undang-undang negara.

Akta komunikasi dan Multimedia 1998 atau AKM 1998 mengandungi beberapa peruntukan seperti seksyen 211 dan seksyen 233 yang melarang pembelian kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang seperti yang dilakukan oleh beberapa penulis *blog*.

Peruntukan jenayah lain yang boleh diguna pakai untuk membanteras kegiatan haram secara *online* termasuklah kesalahan-kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 Kanun Keseksaan, Akta Hak Cipta 1987; Akta Jualan Langsung 1993; Akta Syarikat 1965; Akta Bank dan Institusi Kewangan Malaysia 1989; dan Akta Industri Sekuriti 1983.

Selain daripada SKAMM, pihak berkuasa lain termasuk Polis Diraja Malaysia; Suruhanjaya Syarikat Malaysia; Bank Negara Malaysia; Suruhanjaya Sekuriti; dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas laman web atau *blog* yang menyalahi undang-undang.

Justeru, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan agensi lain untuk menangani masalah *blogger* yang tidak bertanggungjawab. Pihak SKAMM berperanan memberikan bantuan sekiranya diperlukan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dari pihak memberi perkhidmatan *internet* yang dilesenkan di bawah AKM 1998.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, orang perseorangan boleh juga mengambil tindakan persendirian di bawah peruntukan undang-undang sivil yang berkaitan. Antara tindakan yang boleh diambil ialah bagi kesalahan memfitnah atau melanggar hak cipta. Mereka yang teraniaya atau menjadi mangsa *blogger* tersebut hendaklah membuat aduan kepada SKMM bagi membolehkan agensi tersebut memulakan siasatan.

Setelah menerima aduan daripada individu terbabit, maka SKMM akan menyiasat dan hasil siasatan akan dikemukakan pada pihak pendakwa raya untuk tindakan selanjutnya. Sehingga kini, Tuan Yang di-Pertua sebanyak 22 laman web dan *blog* telah disiasat kerana menyiarkan kandungan yang bersifat jelik, sumbang, fitnah, lucah dan palsu. Dari jumlah tersebut, SKMM telah mengemukakan tiga kes atau kertas siasatan berkaitan dengan *blog* yang

disiasat di bawah seksyen 233 AKM 1998 kepada Jabatan Peguam Negara. Kebanyakan laman web tersebut menggunakan platform di luar negara dan usaha untuk mendapatkan keterangan dan bukti yang diperlukan mengalami jalan buntu. Justeru, tindakan undang-undang sukar diambil.

Selain dari itu, kegiatan atau aktiviti penyediaan laman web tidak dilesenkan oleh SKAMM, malah ia bukan amalan. Contohnya untuk melesenkan laman web-laman web dan *blog* tersebut. Oleh yang demikian, pihak kementerian dan SKAMM tidak mempunyai senarai maklumat terperinci mengenai pengendali-pengendali *blog* tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Sharifah Azizah, kemudian Puan Nordiana.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang saya pinta telah dijawab oleh kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Nordiana.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudian Yang Berhormat Datuk Rizuan.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, pemantauan ataupun tindakan yang telah dikenakan itu kebanyakannya mengalami jalan buntu untuk menyelesaikannya. Jadi apakah langkah seterusnya yang dirancang oleh kementerian untuk menangani masalah *blogger* ini? Apa yang orang kata sekarang ini, jika kita lihat masih lagi berleluasa terutamanya dalam memfitnah di kalangan pemimpin-pemimpin politik. Itu sahaja, terima kasih.

#### ■1130

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai pertanyaan tambahan ataupun yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Jun 2007 untuk menubuhkan satu pasukan yang dipanggil Pasukan Petugas Operasi, yang dipengerusikan oleh Majlis Keselamatan Negara dan ia telah ditubuhkan pada 15 Jun tahun lepas.

Untuk menangani masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, pasukan petugas ini telah mengadakan tujuh kali mesyuarat, dan dalam mesyuarat-mesyuarat ahli-ahli pasukan ini telah mengemukakan beberapa masalah dan 23 laman web telah disiasat oleh SKMM. Seterusnya 17 daripada laman web tersebut telah disekat dan SKMM boleh menggunakan seksyen 263(2) AKM untuk menyekat mana-mana pemberi perkhidmatan akses internet kepada *bloggers*, sekiranya didapati *bloggers* menyalahgunakan akses-akses yang diadakan.

Ini Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, tidak bercanggah dengan, iaitu seksyen 3(3) AKM yang tidak benarkan penapisan *internet* dan diharapkan dari tindakan-tindakan yang telah diambil, dan akan diambil oleh SKMM dan pasukan petugas ini, maka dapatlah kita mengurangkan masalah yang ditimbulkan oleh *bloggers* yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan. Pertanyaan tambahan ada? Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**8. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sejak MSC atau *Multimedia Super Coridor* diwujudkan berapakah jumlah syarikat bumiputera yang mendapat taraf MSC.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat inisiatif MSC Malaysia yang ditubuhkan 12 tahun yang lalu telah membuka peluang kepada syarikat ICT tempatan yang baru, dan yang sedia ada untuk berkembang. Ini termasuklah syarikat-syarikat bumiputera dan kita sedar bahawa lebih banyak usaha kena dilaksanakan untuk mempertingkatkan penglibatan bumiputera di dalam bidang ICT ini. Untuk itu MSC Malaysia telah menubuhkan Unit Penyertaan Bumiputera mulai 2006. Hasil daripada penubuhan Unit Penyertaan Bumiputera ini, setakat ini kita telah mendapat 302 syarikat berstatus MSC Malaysia dimiliki oleh bumiputera. Bila kita katakan dimiliki oleh bumiputera kita mengikut definisi yang ditakrifkan oleh Kementerian Kewangan, iaitu pegangan saham melebihi 50%.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di samping itu terdapat 96 syarikat yang pegangan saham bumiputeranya antara 30% hingga 50% dan 90 syarikat lagi kurang daripada 30%. Walaupun bilangan masih kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan syarikat berstatus MSC Malaysia sebanyak 2,056 syarikat. Perlu dinyatakan di sini bahawa sudah terdapat beberapa syarikat bumiputera yang telah berjaya menakluki pasaran global melalui produk mereka diiktiraf di peringkat dunia. Antara yang boleh disenaraikan adalah syarikat-syarikat seperti berikut:

- (i) SCAN Associates yang mempelopori bidang *manage security services*, dengan izin. Mempunyai pasaran di Malaysia, Indonesia, UAE, Saudi Arabia dan Syria dan juga telah menerima anugerah Frost & Sullivan untuk *best managed security services* pada 2006 dan 2007;
- (ii) Syarikat XYBase. Menyediakan teknologi yang tertumpu pada sistem pengurusan lapangan terbang. *Airport Management System*, dengan izin, yang kini diguna pakai di KLIA dan lebih daripada 20 lapangan terbang antarabangsa di luar negara seperti Jakarta, Florida, Dubai, Shanghai dan banyak lagi;
- (iii) Syarikat 'See Work' System Bhd. mempelopori bidang sistem pengurusan penyelenggaraan berkomputer. *Computerized Maintenance Management System*, dengan izin yang telah berjaya menembusi lebih daripada 60 buah negara, yang mana produknya telah diguna pakai oleh syarikat dan organisasi daripada pelbagai industri; dan

- (iv) Innovation Associate Outsource Sdn. Bhd., menawarkan perkhidmatan penasihat teknologi ataupun *technology consulting*, dengan izin, serta penyumberan luar *outsourcing* di dalam bidang pengurusan dan pentadbiran sumber manusia, kewangan, *business performance* dan lain-lain di Singapura dan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas sebenarnya kita baru selesai *World Congress on IT*, di mana salah satu program ini adalah untuk menggalakkan penglibatan bukan saja syarikat-syarikat bumiputera, tetapi keseluruhan syarikat-syarikat ICT di Malaysia ini terutamanya dalam bidang *business matching* dan juga *business networking*, dengan izin.

Alhamdulillah program yang terbesar itu yang kita gelarkan Olimpik bagi dunia ICT yang melibatkan lebih daripada 3,300 peserta antarabangsa, dan di samping itu terdapat 50,000 pengunjung yang datang dalam pameran yang telah diadakan di mana sebanyak 13 acara dijalankan, dan ini telah memberi peluang yang besar kepada syarikat-syarikat tempatan kita untuk berjumpa dengan pemimpin-pemimpin global di dalam bidang perniagaan, kerajaan dan akademia dan telah memberi impak positif terhadap industri ICT kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Selepas itu Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** [*Bangun*]

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Selepas 12 tahun penubuhan MSC ini, syarikat bumiputera tidak salah saya bilangannya begitu kecil. Tidak salah 96 orang. Apakah kementerian sedar bahawa penubuhan MSC ini hanya semata-mata memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat di luar negara sahaja? Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Senator. Dalam jawapan saya tadi apa yang saya katakan ialah setakat ini kita ada 302 syarikat berstatus MSC Malaysia. Syarikat bumiputera dan yang 96 itu ialah pegangan saham bumiputeranya antara 30% hingga 50%, dan 90 lagi syarikat yang kurang daripada 30% ekuitinya. Kalau kita campurkan 302 dan juga yang kurang daripada 50% itu kita akan ada lebih kurang 488 keseluruhannya.

Akan tetapi menyedari hakikat ini, melalui Program Unit Penyertaan Bumiputera, kita mengadakan program dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada di sini, di mana kita adakan program dikatakan Bumiputera IT Entrepreneur Program. Di bawah program ini kita mengadakan Technopreneur Academy Program ataupun TAP. Latihan dijalankan di mana bukan saja latihan ataupun bimbingan, tetapi mereka ini akan dimasukkan dalam *incubator*, di mana mereka akan ada mentor untuk membimbing mereka dalam usaha memahami dalam bidang *business ICT* ini. Dalam peringkat itu maka mereka akan diadakan, dijalankan *matching program*. Mereka akan di *match* kan dengan peniaga-peniaga yang lebih besar supaya mereka akan dapat mampu untuk

terus menjalankan *business*, dan hasil daripada program ini sebenarnya kita telah melibatkan sejumlah 3,462 individu, semenjak 2006 yang lalu sehingga ke hari ini di mana bilangan bengkel diadakan ialah 432. *Business Plan* yang dinilai ialah 145 dan kontrak yang dapat dimuktamadkan ialah 4. Daripada itu sebuah telah disenaraikan dalam MSC status dan syarikat-syarikat baru yang ditubuhkan ialah 66.

■1140

Itulah kejayaan yang telah kita bawa setakat ini dan sebab saya tadi mendengar juga, ada tadi dibangkitkan soalan peruntukan bantuan kemudahan yang disediakan. MSC Malaysia juga sebenarnya menyediakan peruntukan dari 2006 sehingga 2008, Peruntukan di bawah Program Pembangunan Bumiputera ini sebanyak RM1.8 juta. MECD menyediakan RM6.3 juta untuk *joint program* dengan MSC Malaysia ini untuk pembangunan pengusaha bumiputera dalam bidang ICT. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datin Paduka Norhayati.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin ucapkan tahniah di atas kejayaan kementerian kerana telah berjaya menjadi tuan rumah dengan gemilang sebagai tuan rumah kepada *World Congress IT*. Soalan saya, selain daripada mendapat MSC banyak kerajaan negeri yang telah menjalankan projek animasi 2D dan 3D. Berapakah negeri yang telah menerima dana bagi menjalankan projek animasi ini dan berapakah jumlah yang diperoleh oleh setiap buah negeri? Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati. Saya mengucapkan tahniah juga. Beliau merupakan salah seorang peserta yang menunjukkan, mempamerkan hasil-hasil animasi yang berkaitan dengan Sejarah Kerajaan Negeri Melaka, penubuhan negeri Melaka dulu dalam ekspo WCIT dan ianya begitu baik sekali mutunya. Maka di sinilah membuktikan bahawa di Malaysia kita mampu melahirkan mereka yang berupaya, kreatif dan mampu untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Sebagai contohnya, dalam siri animasi tempatan *Saladin*, keluaran sebuah syarikat MSC Malaysia. *Saladin* sebenarnya pada bulan Mac yang lalu telah menerima anugerah *Tokyo Big Sight Award* di mana mereka membuat *imagine* berkenaan dengan komputer tiga dimensi.

Kita mengharapkan dengan banyak usaha sama ini, kita akan dapat melahirkan lebih banyak syarikat-syarikat berteraskan animasi. Cuma dari segi soalan yang spesifik, berapa buah negeri yang terlibat, saya tahu Kerajaan Negeri Melaka, Terengganu dan Selangor termasuklah juga Pulau Pinang, berminat dalam program animasi ini. Terima kasih.

Dari segi bajet, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat sebab ianya bergantung kepada cadangan, *business plan* dan juga kita akan membuat kajian hasil daripada itu berapa bajet yang dapat kita luluskan berdasarkan *business proposal* itu sendiri, dengan izin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

### **USUL MENTERI DALAM NEGERI**

#### **Keselamatan Jalan-jalan dan Bangunan Parlimen**

11.43pg.

**Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu Usul yang berbunyi:-

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

### **USUL**

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

11.45pg.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** *Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirabbilalamin*, dan salam sejahtera kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk membawa Usul ini. Saya Jins Shamsudin, akan mencadangkan:-

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama parlimen Yang Kedua Belas.”

Sebelum saya mulakan perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Senator yang baru dilantik dan tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Senator yang dilantik menjadi menteri dan timbalan menteri.

Memulakan Titah Ucapan Tuanku Seri Paduka Baginda telah memulakan Titah Ucapan Baginda dengan melafazkan penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, Polis Diraja Malaysia dan semua pihak yang terlibat. Kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat yang terpilih, Tuanku mengucapkan tahniah dan dalam masa yang sama Tuanku mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, ikhlas dan jujur, menunjukkan tingkah laku yang terpuji demi maruah diri dan negara. Maksudnya menggunakan bahasa yang baik, berhemah, berbudi bahasa adalah budaya kita.

Jadikanlah Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan teguran yang membina, bukan menghina mana-mana pihak apatah lagi dalam mempersoalkan kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja. Janganlah menggunakan Dewan yang mulia ini untuk kepentingan peribadi. Kepentingan negara dan rakyat hendaklah diletakkan di hadapan. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat adalah wakil rakyat bukannya wakil peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum baru-baru ini berlaku beberapa kejadian yang mengaibkan Parlimen ini termasuk di Lobi dan sekitar Parlimen. Mengadakan majlis hari Jadi dan tunjuk perasaan oleh sekumpulan pertubuhan yang tidak berdaftar. Upacara ini disokong oleh pengikut-pengikutnya, seolah-olah Parlimen dan Dewan yang mulia ini menjadi tempat bersuka ria dan meluahkan perasaan golongan tertentu. Ini boleh menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan Ahli-ahli Parlimen yang berbilang kaum. Pada keseluruhannya, Parlimen adalah tempat kita Ahli-ahli Parlimen semuanya, sama ada yang dipilih atau dilantik untuk berbahas, memberi pandangan, teguran, cadangan yang membina untuk membangunkan negara dan menyatupadukan semua kaum di negara ini.

## ■1150

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana telah membawa ekonomi negara berkembang kepada 6.3% dan pendapatan per kapita mulai meningkat melebihi RM23 ribu. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pula, kerajaan telah membelanjakan sehingga Mac 2008, sebanyak RM81.7 bilion dan RM200 bilion daripada yang diperuntukkan. Ia memberikan kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Seterusnya Seri Paduka Baginda menyentuh tentang pelancongan. Tuanku merasa sukacita kerana Malaysia dipilih dua tahun berturut-turut sebagai destinasi pelancongan terbaik di dunia. Akan tetapi ada juga pelancong-pelancong yang datang dengan menggunakan visa pelancong, tapi terlibat dalam kerja-kerja maksiat dan jenayah. Kita harap pihak berkuasa dapat memantau kemasukan pelancong-pelancong asing dan tidak menyalahgunakan Tahun Melawat Malaysia jadi tahun berdagang manusia, seperti yang pernah dilaporkan baru-baru ini. Menyentuh tentang hal ini kita hendaklah prihatin terhadap apa yang sedang berlaku.

Tuanku juga menyentuh tentang pertanian dan industri asas tani. Tuanku amat prihatin terhadap masyarakat tani dengan memberitahu kepada penyatuan dan pemulihan tanah pertanian dan industri asas tani. Kita sedang menghadapi krisis makanan khususnya beras yang berkurangan di pasaran, dan kita terpaksa mengimport beras dari negara-negara jiran. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri, kita lihat banyak tanah pertanian khususnya sawah padi yang ditukar syarat menjadi tanah perumahan atau kilang? Tidakkah ini menyumbang kepada kekurangan hasil padi?

Satu sebab mungkin kerana kita rakyat, orang Melayu semuanya makan nasi dan ditambah pula lebih daripada dua juta pekerja asing terdiri daripada mereka yang juga makan nasi seperti daripada Indonesia, Bangladesh, Filipina, China, India telah menyebabkan kita kekurangan beras dan ini tidak termasuk PATI atau pendatang haram yang kita juga terpaksa tanggung. Apakah kuasa yang ada pada Kerajaan Persekutuan untuk menyekat kerajaan negeri menukar syarat tanah-tanah pertanian kepada perumahan atau lain-lain kegunaan, bagi memastikan petani mempunyai tanah yang cukup untuk menanam padi bagi meningkatkan lagi keperluan beras negara dan mempunyai bekalan yang cukup.

Satu lagi kejayaan yang telah pun dicapai iaitu industri asas tani...

**Dato' Musa bin Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Sila.

**Dato' Musa bin Sheikh Fadzir:** Terima kasih. Yang Berhormat tadi tentang pertanian iaitu sawah. Saya tertarik Yang Berhormat tentang tanah-tanah yang terbiar. Kalau ada tanah-tanah yang terbiar, kalau kerajaan negeri tidak tukar syarat tanah-tanah itu juga akan jadi pembaziran.

Jadi saya rasalah hari ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kena lihat kembali bagaimana kementerian ini hendak menarik, macam tadi Yang Berhormat Menteri Pertanian jawab bahawa, bagaimana kita hendak menarik petani-petani ini supaya menggalakkan mereka ini untuk bersawah. Bagaimana caranya Yang Berhormat, kita lihat hari ini berlaku kekurangan beras di negara kita? Harga padi kalau dijual begitu juga, walaupun subsidi diberi masih lagi kita tengok harga padi dengan penjualan beras begitu tinggi. Jadi bagaimanakah kita hendak menggalakkan rakyat Malaysia ini untuk bertani, sedangkan kita lihat persaingan di antara penjualan padi dan beras?

Kedua Yang Berhormat kita lihat hari ini, hari-hari kita bercakap tentang kekurangan beras. Kita lihat kita ada BERNAS. Kenapa kerajaan mesti beri satu syarikat sahaja iaitu BERNAS untuk monopoli? Kita hendak bersaing dan berharap kerajaan buka, bagi dua syarikat supaya mereka ini bersaing di antara satu sama lain. Barulah kita lihat, adakah beras ini kekurangan ataupun disorok ataupun sengaja tidak mahu dijual di pasaran untuk memberi peluang mereka ini untuk menaikkan harga beras? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. saya amat bersetuju di atas saranan Yang Berhormat mengenai tanah-tanah terbiar. Kita amat prihatin dan kita ada banyak tanah-tanah terbiar di seluruh negara yang masih lagi terbiar.

Jadi oleh kerana itu kita perlu menjadikan tanah-tanah ini supaya kita boleh ubah suai bagi tujuan untuk mendatangkan hasil pertanian. Kita juga telah difahamkan baru-baru ini, ada benih-benih padi yang baru boleh ditanam bukan saja di sawah tetapi juga di bukit. Ini mungkin juga adalah satu cara untuk kita memperbanyakkan lagi hasil padi supaya dapat kita memperolehi beras yang secukupnya bagi menampung keperluan yang ada. Soalan yang akhir itu, saya serahkan kepada kebijaksanaan menteri untuk menjawabnya.

Saya teruskan lagi mengenai industri halal. Satu lagi kejayaan Malaysia di peringkat antarabangsa, dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan Industri Halal yang diiktiraf sebagai peneraju Pensijilan Standard Halal Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai negara hab halal dirantau ini. Saya ingin bertanya, berapa banyakkah syarikat-syarikat pengeluaran produk halal yang dimiliki oleh orang Islam dan bukan Islam?

Apakah Kementerian mempunyai mekanisme untuk memantau produk-produk ini benar-benar halal, "Guna Tanpa Waswas" bagi menjaga imej Malaysia di luar negara khususnya produk yang dieksport? Ini bukan sahaja bahan makanan tetapi termasuk juga bahan-bahan seperti *cosmetic* dengan izin, pakaian dan lain-lainnya. Mungkin bahan asalnya diimport kemudian diproses dengan halal, di pek semula kemudiannya dan boleh menimbulkan keraguan di kalangan pengguna Islam. Apa pandangan Yang Berhormat? Seterusnya...

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Minta laluan.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Sila.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Tan Sri terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soal halal yang dibangkitkan oleh Tan Sri amat menarik sekali. Kalau dulu kita lihat Sijil Halal, Logo Halal dikeluarkan oleh JAKIM, dan sekarang telah diambil alih oleh sebuah syarikat iaitu *Halal Development Corporation*.

Kita tidak tahu kenapakah ini berlaku? Oleh kerana soal halal ini adalah soal yang amat sensitif dan memerlukan ulama, memerlukan mufti, memerlukan tokoh-tokoh khususnya tokoh-tokoh agama sebab ia membentuk keagamaan. Ia tidak boleh diswastakan begitu sahaja! Saya hendak bertanya kepada kerajaan dan bertanya pendapat Tan Sri, yang isu halal dan amat sensitif ini kalau kita biarkan begitu sahaja tanpa kita memberi perhatian yang serius, akhirnya yang halal-halal ini hanya akan dimiliki oleh syarikat-syarikat gergasi sahaja.

Ini disebabkan syarikat ini yang akan menentukan syarat-syarat luar biasa untuk menentukan halal, kerana mereka berniaga. Halal ini telah diperniagakan! Saya tidak tahu bagaimana perkara ini boleh berlaku? Ianya adalah satu fardu ain, bukan fardu kifayah sebab khususnya melibatkan barangan makanan. Kita hendak makan benda yang halal, menjadi darah dan daging, dijadikan minda, mengubahkan *mind set*. Ini satu perkara yang amat sensitif! Saya tidak tahu bagaimana pendapat Tan Sri, apabila syarikat ini diberikan monopoli untuk menentukan sebuah syarikat itu mendapat tanda halal. Apa pandangan Tan Sri?

■ 1200

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya telah menyebut tadi bahawa kita mesti ada satu pemantauan. Maka kepada sesiapa sahaja tugas ini diberikan maka pemantauan itu amat penting dan syarikat-syarikat yang diberikan tugas untuk menentukan produk-produk halal ini hendaklah mempunyai tenaga-tenaganya yang beragama Islam. Ini kerana dengan sendirinya mereka dapat memantau sama ada barang yang diberikan label haram itu benar-benar halal. Terima kasih, Yang Berhormat. saya bersetuju.

Seterusnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menyentuh tentang perkhidmatan awam. Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan juga menarik perhatian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong misalnya, pasport antarabangsa dan MyKad boleh disiapkan dalam masa tiga dan 24 jam. Bayaran bil-bil kerajaan dapat diselesaikan dalam tempoh 14 hari. Semakan dan bayaran cukai pendapatan boleh dibuat melalui *e-filing*. Semua ini adalah kepentingan rakyat Malaysia.

Saya cuma ingin menyentuh satu perkara mengenai kualiti MyKad yang agak menurun sedikit. Pada hari ini kalau kita tengok MyKad, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh buka dan tengok MyKad, tidak sampai berapa hari MyKad kita ini sudah hancur. Saya pun ada, boleh saya tunjukkan... *[Menunjukkan sekeping kad MyKad]* MyKad pun sudah rosak.

Jadi, inilah di antara kualiti yang harus kita perbaiki kerana ia boleh...Ha, tengok, sudah terkopak MyKad ini. *[Menunjukkan sekeping kad MyKad]* Ini buktinya, pakai sekejap sudah terkopak. Jadi, ini satu daripada cara yang harus kita perbaiki. Mungkin kementerian boleh

mengkaji semula penambahbaikan supaya dapat mengelak daripada berlakunya pemalsuan kerana kita tahu hari ini banyak berlaku pemalsuan oleh sindiket antarabangsa dan pemalsuan MyKad oleh warga asing yang telah dikesan baru-baru ini. Enam orang warga asing telah ditahan oleh pihak yang berkuasa.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan, Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Silakan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai MyKad, apa pendapat Yang Berhormat sekarang ini mengenai saranan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggunakan MyKad bagi pembelian mikro subsidi dan juga bahan api yang lain memandangkan hari ini kualiti MyKad ini begitu kurang sekali dan boleh dipalsukan di merata-rata. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saranan itu memang satu saranan yang baik, tetapi sebelum kita melaksanakannya kita hendaklah memantau dan memperbaiki dahulu MyKad yang kita ada kerana ini akan menimbulkan masalah dan juga menimbulkan pemalsuan MyKad itu jika ia tidak mempunyai cara untuk mengawalinya daripada kita menyerahkan MyKad kita seperti mana yang saya sebutkan tadi. Saya bersetuju, Yang Berhormat, tetapi kita hendaklah melihatnya dahulu.

Seterusnya ialah perkara mengenai rasuah. Salah guna kuasa dan penyelewengan adalah penghalang pembangunan negara. Indeks Integriti di peringkat antarabangsa akan menurun dengan menubuhkan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Jawatankuasa Parlimen Mengenai Pencegah Rasuah adalah merupakan tindakan kerajaan yang bijak dan berkesan. Selain dari itu baru-baru ini saya telah menghadiri Mesyuarat Agong Integriti Malaysia pada 23 Mei yang baru ini. Institut Integriti Malaysia juga telah memainkan peranan untuk menambahbaikkan sistem penyampaian atau *delivery system*, dan mencegah rasuah dengan mengadakan siri-siri seminar, dialog dan ceramah di peringkat kebangsaan dan juga negeri-negeri dan jabatan-jabatan.

Adalah menjadi harapan *zero* rasuah dalam masa yang terdekat. Ia menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia yang setia kepada negara ini. Kemakmuran negara dapat dinikmati bersama. Kita perangi rasuah habis-habisan. Itulah tanggungjawab kita bersama. Tanpa rasuah kita akan berjaya untuk menghasilkan segala apa yang kita cita-citakan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah rasuah ini merupakan satu budaya, satu penyakit ataupun kerana ketidakmampuan orang-orang tertentu untuk menjalankan kehidupan. Dalam erti kata adakah gaji yang diterima oleh mereka ini ataupun mata pencarian yang diterima ini tidak mencukupi? Kalau ini berlaku apakah cara kita boleh mengatasi keadaannya. Adakah

ia disebabkan satu kesukaan, budaya, penyakit atau ada faktor-faktor lain yang menyebabkan rasuah ini begitu tinggi sebagaimana indeks integriti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya berpendapat ia bukan satu penyakit. Ia bukan juga satu keperluan. Ia adalah soal individu. Soal tidak cukup, dalam hidup ini tidak pernah ada yang cukup. Kalau kita bergaji RM70, saya dulu bermula dengan gaji RM70 sebulan tidak cukup. Naik RM100 pun tidak cukup. Sampai bila pun tidak cukup kerana keperluan itu sentiasa tetapi kalau kita mendekatkan diri kita dengan agama, mendekatkan diri kita dengan rasa tanggungjawab kepada bangsa, negara dan agama maka rasuah boleh kita elakkan, ada cara lain yang boleh kita lakukan. Kita mempunyai pelbagai peluang yang diberikan oleh kerajaan dan pelbagai yang boleh kita lakukan untuk mengelak kita daripada melakukan rasuah kerana itu adalah sesuatu yang datang daripada dari kita sendiri. Maka kita hendaklah mendekatkan diri kita kepada hukum-hukum agama kerana tidak ada yang lebih dekat dan tidak ada yang lebih baik lagi daripada mendekatkan diri dari mempelajari agama kerana semua agama sebenarnya tidak mengajar kita untuk melakukan yang tidak baik. Semua agama mengajar perkara yang baik apatah lagi agama Islam yang menjadi agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu.

Oleh kerana itu kita harus melihat bahawa rasuah ini mempunyai sesuatu yang sangat kita takuti kerana ia berlaku setiap masa dan waktu. Saya merasakan menjadi tanggungjawab bersama, tanggungjawab secara individu. Kalau kita hanya menunjukkan tangan kepada orang lain kadang-kadang kita terlupa kita juga menunjuk kepada diri kita sendiri.

Oleh kerana itu setiap orang, setiap warganegara Malaysia dan setiap insan akan membuat sesuatu yang terbaik dan tidak akan melibatkan diri dalam rasuah sama ada memberi atau menerima kerana kalau tidak yang memberi tidak ada yang menerima, tidak ada yang terima kerana tidak ada yang memberi. Oleh kerana kedua-dua ini adalah merupakan sesuatu yang kita harus bendung iaitu tidak kira yang beri atau yang terima, maka hendaklah diambil tindakan yang seberat-beratnya supaya mereka tidak melakukannya kerana ia boleh menghancurkan sebuah negara jika tidak dibendung soal rasuah ini. Saya akan teruskan lagi dengan...

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Yang Berhormat, boleh saya minta laluan sikit? Terima kasih, Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapati baru ini selepas Pilihan Raya Ke-12, inilah kali pertama kerajaan tidak mendapat dua pertiga majoriti dan ini maknanya kita menang mudah. Ini kali yang pertamanya dalam sejarah. Kini timbul politik membeli belah, ada yang mencari-cari siapa yang hendak melompat.

## ■1210

Kalau hendak melompat ini mesti ada benda menyebabkan dia lompat, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak boleh lompat begitu sahaja. Kalau tidak ada angin, pokok dia tidak bergoyang. Kalau tidak ada apa-apa, masakan ada tempua bersarang rendah.

Jadi rasuah terbaru ini sedang menghambat masyarakat politik, politikus-politikus yang ada sebab timbul dalam akhbar mengatakan bahawa seorang Ahli Parlimen hendak dibeli, katanya dia boleh tahan tiga generasi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa tiga generasi, kalau kira congak-congak, Tuan Yang di-Pertua, dalam RM250 juta sampai RM300 juta. Saya baca sifar. Eh, mana yang tidak terasa dengan usikan, dengan hambatan yang ada dalam negara sekarang. Kata bekas Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, rasuah ini adalah anjing jijik. Itu kata bekas Ketua Pengarah BPR Malaysia, Datuk Ahmad Zaki. Jadi janganlah ada pada saya, anjing jijik kerana hendak melompat, ada duit, timbul rasuah baru. Hendak bentuk kerajaan, cara paksa, walaupun tidak bermoral, apa pandangan Tan Sri? Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon laluan, Tan Sri.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon laluan sebelum Tan Sri jawab.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Hendak tambah sedikit?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Berkaitan juga.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Baik, silakan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Tan Sri kerana membenarkan saya mencelah. Sebenarnya saya rasa saya ingin membetulkan sedikit fakta yang dikemukakan oleh Senator Ahmad Hussin berkenaan dengan senario membeli ataupun lompat-melompat ini.

Sebenarnya senario ini berlaku lebih lama di Kelantan sudah berlaku, bukan dalam Pilihan Raya Ke-12, Pilihan Raya Ke-11 baru-baru ini bila di Kelantan, PAS hanya memenangi 23 daripada 45 kerusi. Kes lompat-melompat, kes tawaran yang berbentuk kebendaan ini telah pun dimulakan, dimainkan oleh sesetengah pihak untuk mencabar integriti wakil-wakil rakyat yang telah pun dipilih oleh rakyat.

Jadi dalam konteks ini sebagaimana kata Tan Sri tadi bahawa isu rasuah merupakan isu individu, bukan isu oleh tarikan kebendaan ataupun tarikan lain tetapi bergantung kepada pandangan individu. Jadi saya mohon bagaimanakah pandangan Tan Sri berkenaan dengan isu integriti ini sekiranya kita lihat di negara-negara jiran kita, di Singapura lain dasar integriti ataupun dia punya tandaan integriti, di Indonesia lain, dia punya paras integriti.

Jadi bagaimana kita sebagai sebuah negara ASEAN, Malaysia berada di tengah-tengah, kita tidak mampu mengikut negara yang lebih baik integritinya tetapi kita mungkin dalam keadaan sekarang mengikut negara yang lebih teruk integritinya di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang rasuah. Maka saya melihat bahawa rasuah ini merupakan satu gejala yang memang telah lama kita dengar, tetapi apa yang hendak saya perelaskan sedikit, kadang-kadang kita membaca atau terbaca akhbar, apakah benar ditawarkan sebanyak itu untuk membeli satu orang. Saya fikir dari segi fikiran kita yang waras untuk tiga generasi akan datang hendak dibayarnya satu orang, saya fikir dia tidak munasabah. Ini adalah satu cara untuk menarik perhatian, tidak munasabah. Maka itulah tidak terjadi pun kerana ini adalah merupakan sesuatu yang harus kita bendung. Saya ingin...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *[Bangun]*

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Sebentar. Saya ingin melihat... Ya, ada? Baik, sila.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tan Sri. Tadi Yang Berhormat Tan Sri ada sebut tidak munasabah ditawarkan sehingga tiga generasi. Adakah Ahli Parlimen berkenaan membuat satu pembohongan yang besar kepada rakyat? Adakah Yang Berhormat Tan Sri beranggapan yang sedemikian? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Saya membaca di akhbar memang tawaran itu dibuat, memang benar. Dia telah membuat pengakuan, Ahli Yang Berhormat itu telah membuat pengakuan. Yang saya maksudkan tawaran itu tidak munasabah, bukan tidak betul tawaran itu. Tawaran itu memang ada. Kalau tidak, ia tidak akan kemukakan di akhbar dan terbit di akhbar. Memang ada tawaran, tetapi tawaran yang demikian tidak munasabah.

Apa pun tawaran yang dibuat, apa pun yang dilakukan, tetapi adalah terpujang kepada diri kita. Marilah kita menyerahkan diri kita kepada Allah S.W.T, apakah perlakuan itu boleh kita lakukan sebagai umat Islam yang cintakan kepada agama dan kita seharusnya mestilah berpanduan kepada ajaran Islam kerana rasuah itu bertentangan dengan Islam sama sekali.

Jadi oleh kerana itu kita harus melihat perkara ini sebagai satu yang amat penting di dalam membangunkan sebuah negara yang aman, makmur, damai ini, kita harus mengelakkan diri daripada menawar ataupun mengambilnya. Jadi kalau kita semua, kedua-dua pihak tidak ada yang tawar, tidak ada yang ambil, maka insya-Allah kita akan dapat meneruskan hidup ini dengan sempurna. Kita harus ingat, kita semua akan pergi, *innalillahi wainnailaihi roji'un*. Di sana kita akan jawab kalau kita lakukan yang tidak baik di dunia ini. Maka itu saya berhenti di situ mengenai rasuah dan kita akan teruskan lagi mengenai modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, modal insan. Salah satu daripada lima teras Misi Nasional adalah pembangunan modal insan yang berilmu dan berkualiti di dalam bidang ini, semua bidang, untuk

menghasilkan insan yang mempunyai minda kelas pertama. Ianya harus bermula dari kanak-kanak lagi. Program Permata Negara ataupun Permata merupakan kaedah pendidikan awal yang perlu diperluaskan di seluruh negara. Di peringkat sekolah dan pusat pengajian tinggi pula, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara adalah merupakan perancangan terbaik untuk merealisasikan Misi Nasional Pembangunan Modal Insan yang berasaskan ilmu pengetahuan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, sebuah negara yang maju berpaksikan kepada k-ekonomi.

Jadi oleh kerana itu kita hendaklah menghormati apa yang sudah diusahakan oleh kerajaan bagi tujuan untuk kita membangun modal insan. Ini kerana modal insan bermula daripada anak-anak kecil di sekolah rendah atau tadika lagi dan itulah yang perlu kita hayati.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah disarankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan perpaduan kaum. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengingatkan kita supaya mengeratkan lagi perpaduan kaum yang telah kita bina selama lebih 50 tahun yang lalu.

Jangan ada di antara kita yang mempersoalkan apa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sekarang Malaysia, yang telah dipersetujui bersama oleh pemimpin-pemimpin kita terdahulu dengan menimbulkan isu-isu sensitif yang boleh membawa kepada perpecahan kaum dengan mempersoalkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri. Dipersoalkan siapa yang draf teks Titah Ucapan Seri Paduka Baginda? Ini boleh menimbulkan kemarahan rakyat daripada kaum-kaum tertentu.

Satu lagi isu ialah yang dipersoalkan, Sultan Azlan Shah, Sultan Perak, kita semua sedia maklum Tuanku pernah menjadi *Lord President*, dengan izin. Beliau lebih arif mengenai undang-undang negara, apa perlunya perkara dibangkitkan? Bukankah banyak lagi perkara-perkara yang boleh dibincangkan untuk kepentingan rakyat semua kaum? Saya harap perkara ini tidak ditimbulkan di Dewan yang mulia ini.

#### ■1220

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum baru-baru ini berlaku beberapa kejadian yang mengaibkan di Parlimen ini termasuklah di lobi dan di sekitar Parlimen, mengadakan majlis hari jadi, tunjuk perasaan oleh sekumpulan pertubuhan yang tidak berdaftar, saya ulangi ini. Upacara ini disokong oleh pengikut-pengikutnya seolah-olah Parlimen dan Dewan yang mulia ini menjadi tempat bersuka ria dan meluahkan perasaan golongan-golongan tertentu. Ini boleh menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan Ahli-ahli Parlimen, berbagai-bagai kaum yang ada di dalam Parlimen ini.

Pada keseluruhannya, Parlimen adalah tempat kita Ahli-ahli Parlimen sama ada yang dipilih atau dilantik untuk berbahas, memberi pandangan, teguran, cadangan yang membina untuk membangunkan negara dan menyatupadukan semua kaum kerana kita tahu ini adalah

merupakan sesuatu yang amat penting kepada kita di dalam mengharungi kehidupan di negara ini.

Pada 25 Mei yang lepas, kita telah merayakan bulan perpaduan di peringkat kebangsaan. Ini adalah usaha untuk menyatupadukan kaum yang telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri kita. Perpaduan kaum adalah menjadi agenda utama negara. Jadi tema sambutan bulan perpaduan kaum ini adalah merupakan 'Perpaduan dan Keselamatan Tanggungjawab Kita Bersama'. Dilihat daripada tema ini, bererti bahawa perpaduan dan keselamatan, kalau tidak ada perpaduan jika kita analisa isi kandungan tema ini, kalau tidak ada perpaduan, maka keselamatan negara juga boleh berpecah belah kerana bila tidak ada perpaduan, maka masing-masing akan membawa isu-isu yang boleh memecahbelahkan kita.

Marilah kita patuhi dengan apa yang disarankan oleh Timbalan Perdana Menteri, perpaduan kaum agenda utama, perpaduan dan keselamatan tanggungjawab kita bersama. Ia juga ialah di antara perkara-perkara yang juga di dalam kita menyatupadukan kaum ini, kita juga akan mengangkat ekonomi yang seimbang di seluruh negara, daerah dan juga kampung-kampung. Ini telah pun disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan pada hari tersebut.

Kita hendaklah merayakan perpaduan kaum ini sebagai satu agenda utama kita bagi menentukan semua kaum yang ada di negara ini dapat sama-sama menikmati keindahan, kemewahan dan kesenangan yang ada ini supaya kita dapat sama-sama membina sebuah negara yang aman, damai, makmur kerana ia merupakan satu penghidupan yang dicita-citakan oleh semua rakyat Malaysia.

Marilah kita lihat, apa yang akan berlaku 50 tahun yang akan datang kepada anak-anak dan keluarga kita. Kalau kita hari ini, tidak membentuknya dan tidak menyatupadukan hari ini dan mereka yang akan berpecah-belah. Kita telah berada di sebuah negara yang cukup aman damai. Ini adalah hasil daripada pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu yang telah meletakkan landasan perpaduan kaum daripada mula lagi. Orang Melayu di dalam perpaduan kaum UMNO dan juga MCA, MIC dan sekarang ditambah lagi beberapa komponen Barisan Nasional kerana perpaduan inilah yang menjadikan kita berada di sebuah negara yang dihormati oleh dunia hari ini. Kita menjadi *role model* kepada bangsa-bangsa lain kerana perpaduan ini merupakan sesuatu yang amat penting kepada kita. Untuk itu, saya akan teruskan lagi di dalam hal yang sama.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang penubuhan rejimen sempadan yang juga telah disuarakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Rejimen sempadan bagi mencegah jenayah lintas sempadan, penyeludupan, kemasukan pendatang asing tanpa izin atau PATI, dan dianya juga adalah dengan penubuhan rejimen ini, kita dapat membendung kegiatan PATI seperti yang dilaporkan ada 20,980 pendatang tanpa izin telah ditahan sehingga April 2008.

Di antaranya dari pecahannya itu kita lihat ialah:

Indonesia	-	9,297
Bangladesh	-	2,688
Filipina	-	2,375
Myanmar	-	2,054
India	-	790
Thailand	-	658
China	-	496

Ini menunjukkan bahawa kita sedang menghadapi masalah pendatang asing.

Ada 15,616 PATI telah diambil tindakan dihantar pulang dan 7,564 telah didakwa, 4760 tidak ada dokumen perjalanan, 2028 tinggal lebih masa, 446 menyalah gunakan pas. Di antara salah gunanya, kita tahulah banyak yang menjadi pekerja-pekerja yang haram, telah menjadi..., ada juga yang menjalankan kerja-kerja maksiat di negara kita.

Bagi tempoh Januari hingga April 2008, RM5.3 juta kompaun telah dikenakan ke atas PATI dan majikan mereka. 294 orang majikan telah dikenakan denda sebanyak RM2.2 juta pada tahun ini, 3,000 majikan telah ditangkap. PATI juga menggunakan MyKad, mendaftar menjadi tentera di negeri Sabah dan kira-kira 200 orang, dia menggunakan MyKad.

Seperti mana saya sebutkan tadi, MyKad juga haruslah kita lihat kerana mereka menggunakan MyKad palsu untuk berdaftar di Sabah untuk menjadi tentera dan ini boleh menimbulkan masalah akan datang. Mendiami di Hutan Johan Setia, Klang sehingga menyebabkan kebakaran hutan kerana mereka melakukan kerja-kerja pertanian. Ada 200 orang di sana, di kawasan seluas 142 hektar. Selain daripada itu, penyeludupan rokok, minuman keras, mercun, bunga api dan lain-lain bahan untuk lari daripada cukai termasuk juga membawa masuk wanita-wanita dari Indonesia, Filipina, Thailand dan melakukan kegiatan-kegiatan maksiat.

Saya ingin bertanya, apakah kementerian mempunyai angka berapa ramaikah wanita-wanita yang dibawa masuk dan ditangkap? Apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang telah menyalahgunakan pas? Apakah pula hukuman yang dikenakan kepada majikan-majikan yang membawa mereka, pendatang tanpa izin ini dan wanita-wanita ini mungkin didendanya agaknya terlalu rendah, maka kegiatan ini terus berleluasa. Kita lihat setiap...

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan, Tan Sri.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Silakan.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tan Sri. Saya mendengar dengan teliti angka-angka yang disebutkan oleh Tan Sri tadi. Saya melihat seolah-olah angka yang Tan Sri beri ini, seolah-olah kita ini kurang kawalan. Membenarkan PATI ini, pendatang asing tanpa izin masuk ke negara kita berbuat apa yang mereka suka.

Jadi saya hendak minta pandangan Tan Sri, adakah Tan Sri melihat ini satu senario, yang mana kita kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasaan untuk mengambil tindakan? Kerana kita khuatir, kalau kita membiarkan perkara ini, lebih banyak lagi pendatang-pendatang asing akan datang ke negara kita kerana mereka melihat Malaysia ini sebuah negara yang sedang membangun dan banyak *opportunity* dengan izin, untuk mereka datang ke sini dan mencari rezeki mereka di dalam negara kita. Apa pandangan Tan Sri? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sedar bahawa kita sedang berusaha. Kerajaan sedang berusaha untuk menambahkan lagi pegawai-pegawai penguat kuasa yang ada. Kita tahu hari ini, Polis Diraja Malaysia juga sedang menambah anggota-anggotanya bagi tujuan untuk mengawal keamanan dalam negara. Memang benar, mereka ini datang dalam usaha kerana kemakmuran negara ini, kerana kemewahan negara kita ini. Disebabkan itulah mereka datang, tetapi menyalahgunakan pas mereka untuk bekerja di sini. Kita telah ada lebih kurang dua juta pekerja yang sah di dalam negara ini. Maka tidak ada sebab, mengapa kita tidak boleh melayani mereka yang benar-benar diperlukan untuk bekerja di sini.

■ 1230

Saya amat bersetuju kita perlu menambah lagi penguat kuasa kita bagi tujuan untuk mengawal mereka yang datang secara haram ini supaya kita dapat menyelamatkan apa yang ada kerana tadi pun saya sudah sebut bila datang secara haram, ditangkap kita kena tanggung mereka ini. Tanggung itu makan dan juga menghantar pulang dan makanan itu juga di antara ramai yang datang ini makan nasi. Maka habislah beras kita... *[Ketawa]*

Jadi beras kita juga menjadi masalah. Jadi ini semua harus kita lihat secara serius. Seterusnya saya akan teruskan lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada dua Yang Berhormat yang bangun.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Silakan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat cadangan-cadangan tadi bahawa tindakan yang dibuat adalah kurang tegas dalam menangani isu pendatang tanpa izin ini. Jadi adakah pada pandangan Yang Berhormat bahawa tindakan yang ada ataupun hukuman yang sedia ada ini perlu dikaji semula. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah sebut tadi bahawa berkemungkinan...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tan Sri saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Dato'...

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** ...Berkemungkinan denda yang dikenakan saya sebut tadi terlalu ringan dan sebab itulah kejadian ini terus berleluasa.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat, saya minta laluan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Jadi saya bersetuju sangat harus dikaji semula denda yang dikenakan dan bagaimana tindakan yang harus diambil. Terima kasih, silakan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tan Sri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang hendak bertanya kepada Tan Sri apa pandangan Tan Sri berkenaan apa yang Tan Sri kata tadi menambahkan kakitangan penguatkuasaan. Saya rasa menambah pun kalau sekiranya tugas yang diberi tidak dijalankan dengan amanah, leka, berapa banyak pun kita tambah tak akan menjadi oleh kerana pendatang asing tanpa izin (PATI) yang masuk ini bukan satu dua orang, berjuta. Tambah dia boleh bolos melalui pintu-pintu masuk kita ini sama ada di utara, selatan, di tengah apakah ini kekurangan kakitangan ataupun kelekaan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di tempat-tempat yang telah pun ditetapkan untuk menjaga pintu-pintu masuk kita ini. Sekian.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar ramai pendatang tanpa izin ini tetapi pihak berkuasa juga telah menjalankan tugas mereka sebanyak 20,980 pendatang tanpa izin telah pun ditahan tetapi kita semua sedia maklum apa pun yang kita lakukan tetapi masih ada jalan-jalan mereka untuk masuk ke negara ini. Akan tetapi yang menjadi permasalahannya siapakah dalang di belakangnya? Siapakah orang-orang yang membawa masuk ini? Mereka inilah yang harus kita tahan. Mereka inilah yang harus kita kenakan denda yang setinggi mungkin. Kalau mereka ini sebagai seorang pengusaha, sebagai seorang peniaga, mereka ini harus dirampas lesennya dan juga harta bendanya juga boleh dirampas dan didakwa kerana merekalah yang membawa masuk. Saya tidak percaya bahawa pendatang asing sehingga 20,000 ini boleh masuk begitu sahaja tanpa ada dalang di belakangnya.

Maka itu kita harus melihat dalang-dalang ini juga penguat kuasa yang ada ini juga haruslah melihat dalang-dalang ini. Saya amat bersetuju kita akan tambah tapi dalam masa penambahan ini kita juga harus mengkaji bagaimana hendak mengatasi masalah-masalah yang ada. Saya teruskan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat Tan Sri, boleh saya sambung sedikit?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hari ini lapangan terbang kalau kita bandingkan lapangan terbang antarabangsa di Kuala Lumpur dengan lapangan terbang di Pulau Pinang. Kita lihat kalau ada yang datang daripada antarabangsa

kalau kita hendak pergi *oversea* ataupun yang hendak balik ke Malaysia dia ada tempat-tempat yang berasingan. Kalau Yang Berhormat ke Pulau Pinang dengan kapal terbang kita lihat yang datang daripada Medan, datang daripada Jakarta, yang datang daripada Kuala Lumpur semua boleh masuk terminal itu sahaja dan ada yang datang daripada Medan dan Jakarta mungkin dia tak payah pergi ke imigresen dia tunggu sebentar baca surat khabar lepas itu kalau ada *domestic flight* turun daripada Kuala Lumpur dia boleh berjalan sekali dengan mereka ini keluar tanpa pergi ke imigresen. Inilah mereka boleh bolos.

Jadi kita berharaplah supaya di lapangan terbang ini juga kena ada penguatkuasaan. MAB - Malaysian Airports Berhad kena perhatikan perkara-perkara ini dan kita jangan hendak salahkan orang akan datang daripada laut. Melalui kapal terbang juga mereka boleh datang tanpa melalui imigresen. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sangat bersetuju dan saya pun melihat juga, selalu pergi ke lapangan terbang kadang-kadang kita hairan melihat pekerja di lapangan terbang itu pun ramai di antaranya adalah daripada orang asing dan kadang-kadang kita bertanya dia pun tak tahu apa. Yang jaga tandasnya, yang jaga tempat masuk keluarnya, ramai. Jadi ini semua haruslah kita kawal. Jadi apabila ada orang asing yang menjadi pengawal di situ dengan sendirinya kalau ada kawan dia masuk ini juga boleh menjadikan mereka melepasi pintu ini dan inilah harus dikawal dengan baik.

Saya amat bersetuju bahawa satu pemantauan hendaklah dilakukan di lapangan terbang kerana ianya merupakan satu daripada pintu masuk yang memang menjadi kegemaran mereka kerana di situ secara formalnya dia boleh masuk dengan senang seperti mana kata Yang Berhormat tadi dia tunggu sebentar dan ini harus kita lihat secara serius.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Yang Berhormat Tan Sri, kalau dapat sedikit, terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Boleh, silakan.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tan Sri masih ingat kerajaan ada menyatakan bahawa tidak akan membenarkan mana-mana pekerja asing untuk bekerja terutamanya di lapangan-lapangan terbang tapi kalau kita lihat sehingga hari ini masih terdapat lagi warga-warga asing yang bekerja di dalam lapangan terbang termasuk di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan sebagainya.

Saya hendak minta kalau dapat pihak kementerian dan Tan Sri bagi pandangan sampai bila perkara ini yang kita hendak *put a full stop*, dengan izin, supaya pekerja pendatang-pendatang warga asing tidak bekerja khususnya di lapangan terbang dan juga hotel-hotel. Hari ini kita tengok di hotel-hotel baik di depan *receptionist*, baik di *coffee house* masih terdapat lagi warga-warga asing yang bekerja. Saya harap hanya pekerja-pekerja warga asing dibenarkan untuk menjadi pembantu rumah dan yang perlu sahaja. Yang lain saya rasa dalam negara kita,

kita masih mampu untuk menerima pekerja-pekerja dalam Malaysia. Apa pandangan Tan Sri tentang ini? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat dan memang ada kebenarannya. Sekarang kita lihat masih ada pekerja-pekerja asing bukan sahaja di lapangan terbang dan di stesen-stesen minyak pun masih ada lagi dan juga *security guard* ataupun pengawal keselamatan pun masih ada lagi warga asing. Saya selalu berjalan ke sana ke mari masih terdapat.

Jadi maka itu kita haruslah meminta kepada kerajaan, kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula pendatang-pendatang asing ini tidak diberi kerja-kerja yang boleh menggugat keselamatan negara. Terima kasih banyak, saya bersetuju.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya ialah mengenai membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Adalah menjadi agenda utama kerajaan. Mengikut perangkaan kadar kemiskinan telah dapat diturunkan kepada 3.6% manakala kemiskinan tegar pula berjaya dikurangkan 0.7%. Menjelang 2010 kemiskinan tegar dapat dihapuskan. Begitulah harapan kita. Tidak ada maknanya kita mengejar Wawasan 2020 negara maju kalau rakyatnya miskin.

Skim pembangunan kesejahteraan rakyat dan program lonjakan mega luar bandar perlu diberi perhatian sewajarnya kerana kemiskinan boleh membawa huru-hara kepada sebuah negara, jenayah akan meningkat, kualiti hidup akan menurun, pembangunan koridor ekonomi wilayah yang dirancang yang akan mewujudkan 12 juta pekerjaan seperti mana yang diumumkan dalam pelbagai sektor ekonomi dapat mengatasi jurang ekonomi antara kaum, negeri dan wilayah.

#### ■1240

Saya harap kerajaan akan memastikan peluang pekerjaan sebanyak 12 juta ini diisi oleh anak-anak tempatan bagi mengurangkan kemasukan pekerja-pekerja asing yang sekarang ini lebih 2 juta. Jumlah ini tidak termasuk PATI yang jumlahnya agak besar juga. Jadi kalau di antara 12 juta ini kita ambil pekerja-pekerja tempatan, sekurang-kurangnya kemiskinan ini dapat kita atasi. Salah satu daripada rancangan membasmi kemiskinan di luar bandar ialah Rancangan Tanah Persekutuan atau FELDA yang telah pun diilhamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak iaitu Perdana Menteri kita yang kedua yang telah merencanakan Rancangan Tanah FELDA bagi mengangkat ekonomi rakyat kita. Untuk memperkasakan generasi kedua dan ketiga sebanyak RM109 juta telah diperuntukkan kepada lapan insentif baru.

Insentif baru ini melibatkan industri kecil dan sederhana dan pembangunan kraf. Kraf tangan merupakan industri luar bandar yang boleh meningkatkan ekonomi orang kampung. Kemudahan-kemudahan asas di luar bandar juga perlu diberikan perhatian khususnya di Sabah dan Sarawak. Pada sambutan Hari Guru baru-baru ini, satu program Hari Guru yang disiarkan oleh sebuah stesen televisyen menggambarkan betapa sukarnya guru-guru dan murid-murid di pedalaman terpaksa merentasi hutan, jalan yang berlumpur untuk pergi ke sekolah dan mereka

memerlukan sebuah jambatan untuk merentasi sungai untuk ke sekolah. Saya harap Kementerian Luar Bandar dapat mengkaji keperluan ini kerana itu adalah salah satu daripada usaha kita untuk mengangkat dan menyeimbangkan rakyat kita sama ada di bandar, di desa, di kota dan juga di tempat-tempat khususnya mereka...

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekejap tadi Yang Berhormat ada menyebut berhubung dengan FELDA. Apabila Yang Berhormat menyebut FELDA, saya teringat satu drama kalau tidak silap saya tajuknya Dinasti Bilut di mana Yang Berhormat turut sama berlakon sebagai pelakon utama. Saya harap dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Apakah tujuan sebenarnya filem ini dibuat kerana dalam filem ini cerita ada kemungkinan bahawa rancangan-rancangan FELDA yang berjaya itu akan disabotaj. Adakah ini menunjukkan bahawa ada tanda-tanda yang tidak baik yang berlaku di dalam negara kita berhubung dengan kemajuan FELDA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan teruskan. Memang benar filem itu dibuat khusus untuk menggambarkan apa yang sebenarnya berlaku. Setelah dibuat beberapa penyelidikan, penyelidikan telah dibuat ini pengerusi dan ahli jawatankuasanya yang telah melihat bahawa ada sabotaj yang sedang diusahakan oleh mereka yang berkepentingan. Ini kerana kita tahu pada hari ini kita sedang berusaha untuk membangunkan bio-diesel, jadi mereka ada perasaan iri hati terhadap pembangunan yang kita lakukan. Lalu, mereka buat sabotaj dan apa yang berlaku dalam filem itu kebetulan saya berlakon sebagai Pengerusi FELDA dalam filem itu menggantikan tempat Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor, dalam filem sahaja... *[Ketawa]*

Jadi memang benar apa yang kita lihat Dinasti Bilut merupakan satu filem untuk memberikan gambaran yang sedang berlaku. Selain dari itu, kita semua tahu hari ini rancangan FELDA telah didatangi oleh mereka yang menjadi pengedar dadah. Kalau dahulu FELDA tidak pernah kita dengar ada pengedaran dadah di rancangan FELDA, hari ini di rancangan FELDA pun sudah ada pengedar dadah. Mereka dalang-dalang yang datang dari luar, mengedar dadah di rancangan FELDA untuk menghancurkan mereka dari generasi kedua, generasi ketiga yang akan meneruskan perjuangan membangunkan tanah rancangan FELDA ini akan jadi hancur apabila mereka terlibat dalam penagihan dadah. Itu juga salah satu daripada sabotaj yang sedang dilakukan oleh mereka yang mempunyai kepentingan bagi menghancurkan usaha membangunkan rancangan tanah FELDA ini supaya mereka dapat mengatasinya.

Ini di antara perkara yang harus kita lihat secara serius supaya kita tidak terlibat dalam perkara ini. Ini adalah merupakan satu lagi gejala yang tidak sihat yang berlaku kepada anak-anak muda kita khususnya mereka yang berada di rancangan tanah FELDA. Satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian ialah pembangunan masyarakat Orang Asli hendaklah dipertingkatkan meliputi bidang pendidikan, ekonomi, dan kemudahan asas. Seperti mana kita semua sedia maklum, masih ada masyarakat Orang Asli yang masih berpindah randah dari satu

kampung ke satu kepada apabila tanah terokaan mereka diperlukan mereka untuk pembangunan. Sepatutnya mereka diberikan tempat yang kekal kerana mereka adalah orang asal di negara ini. Apa pandangan Yang Berhormat yang terlibat sekiranya...

**Tuan Osman bin Bungsu:** Yang Berhormat...

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** ...Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah menyediakan tanah rancangan FELDA ini juga diperuntukkan kepada masyarakat Orang Asli yang berminat untuk meningkatkan ekonomi mereka menjadi peneroka FELDA.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak-banyak kerana memperjuangkan tentang Orang Asli. Untuk makluman Ahli Dewan, saya telah kaji di Dewan Rakyat pun satu soalan pun tidak ada untuk melihat tentang Orang Asli ini. Jadi nampaknya dari segi agenda itu masih di awang-awangan di peringkat Ahli Dewan Rakyat. Terima kasih kepada Ahli Dewan Negara yang begitu prihatin dalam membangunkan masyarakat Orang Asli negara ini. *[Tepuk]*

Jadi soalan saya, Orang Asli telah duduk lama, sudah lebih 50 tahun lebih sama sebelum orang Melayu pun ada. Akan tetapi kalau kita lihat hak pemilikan tanah, Yang Berhormat tengok masih lagi dalam keadaan seolah-olah Orang Asli tidak ada hak di bumi ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang hak milik tanah pada Orang Asli ini perlu disegerakan agar ekonomi dapat dijanakan melalui pembangunan tanah yang ada dimiliki oleh Orang Asli. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju dan menyokong penuh. Sebab itulah saya katakan tadi bahawa kita harus ada satu peruntukan khusus bagi Orang-orang Asli dan rancangan FELDA adalah salah satu daripada rancangan tanah yang boleh ditawarkan kepada Orang-orang Asli daripada mereka berpindah-randah dari satu kampung ke satu kampung. Apabila ada pembangunan-pembangunan yang dilakukan, mereka terpaksa berpindah lagi. Maka haruslah diberi tanah kekal kepada mereka kerana kita juga tahu masih ada pembangunan tanah yang boleh dirancang oleh kementerian bertujuan untuk ditawarkan kepada Orang Asli sebagai peneroka kerana adanya menjadi peneroka maka sudah ada satu perkampungan yang boleh menjadi kekal.

Hari ini kalau kita pergi kepada rancangan tanah FELDA, kalau kita tutup mata, kita dibawa jalan waktu malam, kita bangun dan kita tengok sampai kita tidak tahu sama ada kita berada di kampung Orang Asli, orang tanah FELDA ke atau di bandar. Saya pernah pergi ke sebuah kampung di FELDA, saya terkejut tengok rumahnya dan kemajuannya sangat berbeza seolah-olah berada di Damansara Heights, rumahnya. Cantik sekali. Jadi ini adalah menambahkan ekonomi kita. Jadi rakyat kita akan terus maju ke hadapan. Maka, saya juga menyarankan bahawa amatlah wajar kita juga melihat kumpulan minoriti Orang Asli juga diberi tempat di dalam rancangan tanah FELDA.

## ■ 1250

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya akan teruskan kepada hal pengangkutan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh tentang penambahbaikan sistem pengangkutan awam di bandar-bandar utama, pengangkutan berasaskan rel, pengangkutan udara, perkhidmatan tambang murah bagi meningkatkan lagi integrasi nasional dan industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Baru-baru ini berlaku persengketaan di antara dua syarikat penerbangan Malaysia iaitu MAS dan AirAsia berhubung dengan beberapa perkara mengenai kepentingan masing-masing. AirAsia menuntut hak yang sama apa yang diberikan kepada MAS.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Pengangkutan, adakah wajar tuntutan dibuat? Dan perlukah digembar-gemburkan di media massa? Tidakkah ada usaha untuk mengatasinya dengan cara perundingan untuk mengelak tanggapan negatif dari orang ramai khususnya penumpang-penumpang dari kedua-dua pengangkutan ini. Kita semua tahu satu milik kerajaan dan satu lagi milik swasta, apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Satu lagi perkara yang ingin saya kemukakan mengenai nama pesawat milik Sistem Penerbangan Malaysia iaitu Firefly. Tidakkah kementerian bercadang menukar nama Firefly yang diilhamkan dari kunang-kunang untuk menarik para pelancong ke Malaysia seperti MAS menggunakan layang-layang iaitu kunang-kunang terdapat di sebuah daerah di negeri Selangor. Ramai pelancong daripada luar negara dan juga dalam negara berkunjung ke sana. Ia boleh menambahkan lagi bilangan pelancong jika diperkenalkan melalui nama pesawat tambang murah yang kedua kita ini dengan nama kunang-kunang. Jika kita terjemahkan Firefly itu ialah bermaksud itulah yang terbang itu, 'kunang-kunang' kita semua tahu kunang-kunang. Jadi itu nama yang cukup menarik kerana bila kita sebut kunang-kunang, semua orang nak datang tengok di mana kunang-kunang. Jadi ia terbang barangkali ke seluruh Asia, apa pandangan Yang Berhormat supaya kunang-kunang ini kita gunakan nama penerbangan kita yang kedua sebagai satu cadangan.

Bercakap mengenai MAS, saya ada menerima beberapa aduan. Aduan ini saya rasa harus kita ambil perhatian. Menurut kakitangan MAS yang bekerja di *check-in counter* dengan izin Kuala Lumpur Sentral. Mereka menghadapi risiko keselamatan yang sangat sukar dan juga kesihatan. Landasan kereta api betul-betul berada di atas kepala mereka. Setiap kali kereta api melintas, mereka menjadi ketakutan, menggeletar kalau-kalau perkara yang tidak diinginkan berlaku. Saya juga terkejut kebetulan minggu sudah saya hendak terbang ke satu tempat di Singapura, saya pergi *check-in*, dengan izin. Tiba-tiba benar-benar kereta api itu melintas atas kepala saya. Saya pun terkejut. Jadi kalau saya sekali-sekali datang ke situ kereta api melintas merasa begitu terkejut, apatah lagi mereka yang bekerja berpuluh jam berada di bawah landasan

kereta api. Ini boleh mengganggu keselamatan dan juga kesihatan mereka. Saya kebetulan pada hari itu.

Jadi saya dapat merasai bagaimana mereka bekerja sepanjang hari menghadapi gangguan ini. Dari segi kesihatan pula, adakah kementerian membuat kajian mengenai kesan kuasa elektrik yang tinggi di atas kepala mereka boleh menjejaskan kesihatan. Saya harap kementerian dapat membuat tinjauan dan mengambil tindakan yang sewajarnya sebelum kejadian yang tidak diinginkan berlaku kerana ini amat menyedihkan kita kalau berlaku sesuatu.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Sedangkan tempat itu masih ada luas lagi untuk dibina. Baik, silakan.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, saya rasa apabila kita nak buat sesuatu itu, saya rasa kerajaan sudah pun mengkaji tentang baik buruk sesuatu sistem itu. Sebab kalau Yang Berhormat mengatakan tadi kalau LRT *train* itu jalan atas kepala, sama jugalah Yang Berhormat kalau kita tengok kapal terbang yang lalu di Subang, di bawahnya rumah, bising. Ia ada *certain guideline, certain area* yang tidak boleh kita bangunkan *high rise* dan sebagainya. Akan tetapi kalau saya ambil apa Yang Berhormat kata tadi, maksud kata di Subang Jaya ini tidak boleh ada perumahan sebab terlalu bising dan memang bahaya. Apa pandangan Yang Berhormat, adakah kita perlu buat rumah di kawasan-kawasan itu?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Saya bukanlah orang yang arif di dalam bidang itu. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, barangkali kita akan serahkan kepada kementerian yang bertanggungjawab dalam itu. Yang saya sebutkan ini kerana kebetulan saya setiap kali ke situ pekerja-pekerja di situ dia mengadu hal, dia kata kasihan dekat kami. Jadi saya merasa begitu tersentuh kalaulah terjadi. Itu barangkali kapal terbang, berbatu-batu tingginya, jauh, beribu-ribu kaki. Ini atas kepala betul-betul, kalau kita lihat ini lebih tinggi, dia rendah lagi, di situ, begitulah lebih kurang... [*Menunjukkan contoh di tempat pegawai*] Di atas kepala tuan-tuan yang di belakang itu, atas itu kereta api lalu. Bayangkan, terkejut juga. Jadi ini dia mengadu kepada saya untuk menyampaikan hasrat mereka. Dia kata dia dah beri pandangan ini tetapi tiada tindakan diambil. Saya hanya menjadi penyampai dan saya harap kementerian dapat mengkajinya sekiranya keperluan itu maka kita haruslah melihat secara serius. Terima kasih.

Dan seterusnya masih lagi mengenai pengangkutan. Kita, terdapat lalu lintas yang sangat meruncing dan kesesakan lalu lintas yang sangat meruncing terutamanya di Lembah Klang. Begitu juga bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Ipoh, Klang, Johor Bahru dan lain-lainnya, sekadar menyebut beberapa tempat. Kerajaan telah banyak membelanjakan wang membina jalan raya di seluruh negara, jalan bertingkat, lorong dan juga lencongan lebuhraya dan sebagainya tetapi kesesakan masih belum dapat diatasi khususnya di Lembah Klang. RTM telah mengadakan program khas untuk memantau dan memberi maklumat kepada pengguna

jalan raya di saluran KL FM 97.2 pada setiap hari. Ia dipanggil Skuad KL FM dengan menggunakan *motorbike* dan beredar di sekitar Lembah Klang untuk memberi maklumat. Itu adalah satu perkhidmatan yang harus kita ucapkan terima kasih kepada RTM kerana sekurang-kurangnya kita dapat mendengar saluran ini dan tahu di mana kesesakan berlaku.

Akan tetapi itu tidak mengatasi masalah kesesakan tetapi maklumatnya kita mengucapkan terima kasih. Apakah rancangan kerajaan supaya kita dapat melihat bahawa kita sekarang ini berada dalam sebuah negara yang sudah maju, makmur tetapi kita menghadapi kesesakan lalu lintas yang boleh menyentuh kita. Sebagai contohnya, MRR2 dibina bagi mengurangkan kesesakan tetapi apa yang berlaku kesesakan yang berbatu-batu panjangnya di sepanjang jalan itu. Tidakkah kementerian bercadang untuk mengenakan peraturan di waktu-waktu tertentu tidak dibenarkan lori, treler, kenderaan berat dan juga mesin-mesin melalui jalan tersebut untuk melicinkan perjalanan waktu-waktu pejabat. Kadang-kadang hingga dua jam dan kadang-kadang lebih berada di jalan raya. Begitu juga waktu pulang bekerja dari pejabat. Produktiviti kita menjadi lemah dan kita sampai ke pejabat dua jam kemudian, dah jadi lemah, fikiran kita terganggu, kualiti hidup kita merosot.

Jika ada satu sahaja kemalangan berlaku, perjalanan akan mengambil masa tiga hingga empat jam. Saya pernah mengalami perkara ini. Apakah perancangan kementerian untuk mengatasi kesesakan lalu lintas secara keseluruhannya supaya kita dapat melihat bahawa ini adalah sesuatu yang boleh kita atasi. Apatah lagi kalau kepada yang beragama Islam, pada bulan puasa, nak balik buka puasa dengan anak isteri di rumah, tak sempat! Kerana bukalah puasa dalam kereta minum air sahaja. Ini kerana tak sempat, kita tahu kesesakan ini amat meruncing.

Jadi perkara seperti inilah harus dikaji semula dan menghantar pegawai-pegawai berkenaan meninjau di jalan-jalan kesesakan ini supaya kita tahu masalahnya dan kita atasinya. Dengan itu kita dapat meringankan lagi pemikiran kita, kadang-kadang ada yang ada lemah jantung, boleh pengsan tengah jalan, lemah jantung boleh pengsan, boleh terjadi apa-apa kerana kesesakan lalu lintas. Dia nak pergi ke satu tempat, sudah berjanji, dua jam tak sampai lagi duduk dalam kereta, dan kita menjadi begitu terdesak dan kehidupan itu akan terganggu. Maka inilah di antara perkara yang perlu kita lihat sebagai satu usaha untuk penambahbaikan keadaan lalu lintas di seluruh negara.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi ucapan Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Sikit lagi tak banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oleh sebab masa dah cukup, Yang Berhormat boleh sambung petang ini.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Boleh sambung, baik. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin sila teruskan ucapan.

**2.32 ptg.**

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya kesempatan untuk meneruskan perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seterusnya saya ingin mengemukakan bagi meningkatkan kesejahteraan ummah, Tuanku memandang berat gejala sosial seperti penagihan dadah, penyelewengan akidah dan sebagainya yang boleh menjejaskan kesucian agama Islam. Tuanku menyarankan pendekatan Islam Hadhari hendaklah diamalkan bagi membendung gejala yang tersebut di atas.

Untuk pembangunan modal insan, kerajaan telah membina 21 buah universiti tapi dalam masa yang sama kerajaan juga terpaksa membina 29 buah pusat serenti di seluruh negara. Yang anehnya, lebih dari 80% terdiri daripada anak-anak orang Melayu yang beragama Islam. Di mana silapnya?

Tentu ada dalang di belakang yang menjadi pengedar dadah. Yang kita tahu dadah diseludup masuk dari luar dan sekarang ada juga yang diproses di dalam negara kita sendiri. Walaupun hukuman mati mandatori ke atas pengedar atau pemilik dadah tetapi masih terdapat kegiatan ini, kerana pendapatannya agaknya amat lumayan, dan baru-baru ini kita dikejutkan dengan anak-anak gadis kita diperalatkan oleh orang-orang asing untuk membawa dadah di luar negara dengan menjanjikan pendapatan yang lumayan, tanpa memberitahu tugas sebenarnya hinggalah mereka tertangkap dan didakwa. Untuk itu, kita lihat baru-baru ini satu kejadian yang amat menyedihkan. Tiga orang warga asing telah ditahan. Seorang daripadanya ialah pelajar kolej swasta dan dua orang lagi sebagai pelancong ke negara ini.

Sindiket pengedaran dadah di Malaysia yang baru-baru ini terjadi didalangi oleh warga Afrika yang melibatkan penahanan warga Malaysia di luar negara, termasuklah Sham Ahmad atau nama ringkasnya Ringgo yang ditahan di penjara Venezuela dan termasuk seorang pelajar kolej, Raja Munirah Raja Iskandar ditahan di Jepun. Wan Lidiawati Abdul Malik di tahan di Trinidad dan Tobago.

Sehingga kini, 96 orang rakyat Malaysia kebanyakannya wanita dan pelajar ditahan di luar negara seperti di Venezuela, Peru, Argentina, China dan polis telah pun berjaya menangkap 10 orang warga Afrika yang telah memperdayakan gadis-gadis negara ini bagi tujuan pengedaran dadah antarabangsa, termasuk seorang wanita tempatan yang bersubahat dengan

warga asing. Kita mengucapkan syabas kepada pasukan polis khususnya Pasukan Khas JSJ Narkotik Bukit Aman.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dari kejadian itu satu kenyataan telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim sebagai Menteri Luar Negeri, supaya setiap anak gadis yang hendak keluar negeri hendaklah mendapat keizinan daripada ibu bapa terlebih dahulu, dan mengetahui apakah tujuannya untuk ke luar negara, tetapi kenyataan ini telah disangkal oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Mengikut hukum Islam, seseorang anak yang hendak pergi ke mana-mana pun hendaklah mendapat izin atau keizinan ibu bapanya terlebih dahulu. Begitu juga dengan isteri yang hendak keluar rumah pun hendaklah memberitahu suami terlebih dahulu atau meminta izin, inikan pula untuk pergi ke luar negara. Mestilah kita menghormati hukum-hukum yang telah sedia ada. Ini adalah hukum.

Saya harap kementerian dapat mengkaji semula cadangan Menteri Luar Negeri itu, kerana dia melibatkan anak-anak gadis kita, melibatkan pelajar-pelajar kita yang telah diperalatkan oleh warga asing untuk menjadi pengedar dadah di luar negara. Kita harap perkara ini dapat dikaji semula dan ada kebetulannya dan ada kebenarannya jika kita dapat mengawal anak-anak kita. Kalau kita hendak benarkan mereka keluar, tentulah ada sebab-sebab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kepelbagaian seni budaya warisan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan seni dan budaya merupakan unsur yang amat penting. Kebudayaan merupakan sebuah jambatan untuk menyatupadukan kaum, ianya tidak mempunyai sempadan. Maka, Program Titian Budaya Merakyatkan Seni yang dikendalikan oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menjadi jambatan penghubung di antara kaum, negeri dan wilayah di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran dapat diperkukuhkan melalui Program Titian Budaya yang telah pun diadakan baru-baru ini, seperti kita adakan baru-baru ini di Indonesia, di Singapura dan sekarang ini telah pun mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

FINAS sebagai satu agensi di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan terus mengadakan Minggu Filem Malaysia setiap kali Program Titian Budaya diadakan, bagi mempromosikan filem sebagai juga mengandungi seni budaya dan warisan negara. Program ini hendaklah disokong dan disertai oleh semua kaum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mohon perhatian, imbalan sedikit sebanyak kerjasama daripada Yang Berhormat supaya kita sama-sama boleh tingkatkan perjalanan Dewan, kerana saya rasa susah hati sikit melihat Peraturan Mesyuarat 34(6) yang berbunyi:

“Kecuali jika dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacanya cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menolong hujahnya dan boleh ditengoknya peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang hendak dicakapkannya.”

Jadi kita cuba sama-sama menghayati Peraturan Mesyuarat 34(6) ini supaya tak perlulah saya nak buat keputusan nak bagi kebenaran atau tak mahu bagi kebenaran Yang Berhormat untuk membaca.

■1440

Saya yakin Yang Berhormat sebagai tokoh yang tidak ada tolok banding mampu ketepikan kertas itu buat beberapa saat untuk terus memberi ucapan. Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Samsuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan pandangan yang saya amat menghormati dan saya menerimanya, cuma hanya ada sedikit sahaja lagi.

Oleh kerana itu saya amat berterima kasih di atas teguran itu dan saya merasakan ini adalah merupakan sesuatu pandangan yang amat penting kerana seni budaya adalah merupakan di antara bidang-bidang yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia mudah sahaja, tengok kertas tengok muka saya, jangan terus tengok kertas sahaja.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Samsuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, hendak tengok kertas sekejap... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia macam skrip, skrip sudah dibaca tetapi apabila *camera rolling* tidak boleh baca skrip lagi.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Samsuddin:** Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan baru-baru ini kita telah mengadakan perhubungan di antara Malaysia dan Brunei untuk mengadakan kerjasama bagi mendapatkan pandangan Yang di-Pertuan Agong untuk mengadakan hubungan baik di antara negara-negara jiran.

Jadi ini adalah diusahakan bagi tujuan untuk merapatkan tali persaudaraan di antara negara-negara jiran dan termasuklah beberapa perkara yang telah pun kita materaikan satu perjanjian dan kita sendiri sedia maklum kita ada satu perkara yang berlaku baru-baru ini iaitu kita telah kehilangan Pulau Batu Puteh.

Walau macam mana pun, itu tidak bererti kita akan putus hubungan kita dengan Singapura kerana Singapura juga adalah merupakan jiran yang terdekat bagi kita dan ini merupakan hubungan yang baik, yang harus akan kita teruskan.

Dalam masa yang kita ingin memperingatkan diri kita juga bahawa ada cadangan bahawa sekarang ini ialah Pulau Pisang. Pulau Pisang ini pun adalah salah satu daripada rumah

api yang juga dikendalikan oleh kerajaan Singapura. Kita harap perkara ini tidak akan terlepas satu hari nanti kerana ada teguran yang telah dibuat. Teguran ini merupakan satu teguran yang ada pada kita iaitu jangan sampai pisang berbuah dua kali. Jadi teguran itu bolehlah kita ambil kira dan kita harus melihat ini adalah merupakan satu hal yang amat-amat penting bagi kita.

Jadi saya sebenarnya sudah hampir habis, Cuma ada sedikit sahaja lagi. saya mewakili seniman-seniwati karyawan seni, ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang telah pun memperakui saranan yang dibawa oleh mantan Menteri KeKKWa iaitu Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim yang telah menyarankan supaya diadakan satu hari dalam setahun iaitu Hari Seniman.

Kalau kita ada Hari Belia, Hari Buruh, Hari Wanita, Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Tentera dan sebagainya maka harus adalah Hari Seniman kerana seniman juga memainkan peranan yang penting di dalam membantu kerajaan dalam berbagai-bagai-bagai bidang.

Kalau kita lihat sumbangan seniman yang ada juga kita lihat kalau ada pilihan raya maka senimanlah selalunya dipanggil untuk memberi, mengumpulkan orang ramai. Begitu jugalah kalau ada majlis-majlis rasmi, persembahan-persembahan Hari Citra warna, Hari Perpaduan, Sambutan Hari Kemerdekaan, Hari Rumah Terbuka dan sebagainya, banyak lagi hari-hari yang diusahakan oleh kerajaan itu banyak seniman telah terlibat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah pelantikan Yang Berhormat untuk menganggotai Dewan ini merupakan satu pengiktirafan?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Samsuddin:** Sebenarnya.Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah melantik dan juga memperakui Hari Seniman yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri sendiri pada 29 Mei ini di PWTC dan terima kasih ini juga kita sampaikan kepada Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan yang mana telah merestui pada hari itu dan hari ini dipilih ialah pada hari 29 Mei ialah hari pemergian seniman agung Tan Sri P. Ramlee, tarikh pemergian itu dijadikan Hari Seniman.

Maka itulah saya mewakili para seniman dan karyawan seluruh negara. Seniman bererti semua karyawan seni dalam semua bidang termasuklah seni suara, seni tari seni lukis dan berbagai-bagai-bagai bidang yang lain akan terus menjadi seniman. Maka oleh kerana itu saya amat berterima kasih di atas penghargaan yang telah diberikan kepada kami dan kami harap perkara ini akan berterusan pada setiap tahun.

Untuk meneruskannya, satu perkara yang ingin saya sentuh sebelum saya menutup ialah satu perkara satu yang memalukan kita yang juga menghina bangsa kita. Sebuah iklan yang telah dikeluarkan di panggung wayang dan juga di laman web, iklan Barat ini ialah menggambarkan orang Melayu sebagai pengganas.

*Royal Marine Commando*, Kerajaan Britain telah mengiklankan telah menggunakan bahasa Melayu sebagai watak pengganas dan dalam iklan itu dia telah menyebut dalam bahasa

Melayu,"*Akulah orang yang paling jahat di dunia ini, mari lawan aku, aku akan bunuh kamu semua*" Dan watak itu adalah watak dan bahasa Melayu yang digunakan.

Jadi disiarkan juga dipanggung-panggung wayang atau pawagam dan juga di laman web dan saya meminta kementerian akan mengambil ini dan kalau perlu iklan seperti ini hendaklah diharamkan kerana ia menghina bangsa sedangkan kita tahu Islam bukanlah mengajar kita sebagai penganas, Islam mengajar kita untuk berbaik-baik dengan mana-mana pihak sekalipun.

Jadi tidak pernah ada perlakuan seperti itu dan saya harap kementerian dapat meninjau perkara ini dan dapat melakukannya dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya bagi tujuan untuk menyatakan terima kasih kami daripada semua warga seni yang telah itu kami ingat bahawa tidak ada lain haya ucapan terima kasih yang kami nyatakan supaya dapat Hari Seniman ini disambut dengan meriah dan ianya akan terus menjadi hari untuk memperingati seniman-seniman yang telah mengorbankan masa, tenaga dan juga untuk membantu segala ini.

Kami para seniman dan seniwati sentiasa berdiri teguh di belakang pemerintah dan Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan ini saya ingin memetik Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Mukhtafi Billah Shah. Baginda bertitah,

"Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah menunjukkan sifat dan tingkah laku yang terpuji agar nama baik Dewan yang mulia ini sentiasa dipelihara dan laksanakan kepercayaan yang telah diberikan dengan mengambil bahagian yang aktif, penuh tanggungjawab dalam semangat demokrasi berparlimen".

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku merayu kepada Ahli-ahli Dewan Negara supaya menjalankan tugas dan kewajipan yang diamanahkan dengan ikhlas, jujur, amanah dan berhemah tinggi demi kepentingan negara.

*Wabillahaufik walhidayah, wassalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon mencadang.

#### ■1450

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Menyokong?

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ir Hiang A Li.

#### 2.51 ptg.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Ya. Selamat petang dan salam sejahtera. Saya dengan ini memohon menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong semasa membuka Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Yang Keduabelas.

Izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih dan berasa bangga kerana telah diberi kesempatan dan penghormatan untuk menjadi penyokong kepada Usul Titah Tuanku dan

juga dapat Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong pada petang yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa bangga dan bertuah kerana negara kita mempunyai Raja iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong yang selalu memberi perhatian kepada rakyat jelata Malaysia kita ini. Saya amat kagum atas Titah Ucapan Tuanku kerana telah menyentuh berbagai-bagai aspek sebagai peringatan atas ekonomi, pendidikan, media sistem penyampaian, perindustrian dan sebagainya. Kami sebagai wakil rakyat perlulah selalu mengambil peringatan Tuanku ini sebagai nasihat dan panduan apabila kami menjalankan tugas kami untuk memberi perkhidmatan yang terbaik sekali kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara seperti berikut sebagai atau dalam perbahasan saya. Yang pertama, berkenaan dengan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, tahun 2007 merupakan tahun yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang baik iaitu perkembangan ekonomi adalah 6.3% dan ini telah melebihi sasaran 6% yang ditetapkan. Begitu juga bagi pendapatan per kapita iaitu adalah juga meningkat melebihi RM23,000. Lebihan akaun perdagangan luar negara dan peningkatan kemasukan modal telah pun memberi sumbangan kepada pertambahan rizab bersih dan perkembangan yang serupa ini telah pun memperkukuhkan lagi Ringgit Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu petanda yang baik dan sangat mengagumkan bagi perkembangan ekonomi untuk tahun-tahun yang akan datang. Dalam Titah Ucapan Tuanku, telah menyarankan agar kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan ini perlu dikekalkan pada masa atau pada tahun-tahun yang akan datang supaya ekonomi di negara kita boleh terus berkembang dari tahun ke tahun. Apakah langkah-langkah yang patut kita lakukan untuk mengekalkan atau lebih elok kita menambah baik atau meningkatkan lagi kadar pertumbuhan yang mampan ini?

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama kita yakin bahawa dasar-dasar berkenaan sektor ekonomi negara kita perlulah lebih telus, berkesan, dapatlah memberi tumpuan kepada usaha-usaha supaya meningkatkan daya saing negara serta menilai semula keutamaan program dan projek pembangunan akan dapat mencapai matlamat kemajuan negara kita.

Mengadakan dasar-dasar liberal bagi meningkatkan penglibatan pelaburan swasta dari dalam atau luar negara adalah juga penting. Untuk itu, saya ingin mengesyorkan supaya pelaksanaan projek-projek kerajaan atau pemerolehan perbekalan diadakan secara sistem tender terbuka. Ini akan dapat mempelawa dan melibatkan lebih ramai lagi pemborong, kontraktor-kontraktor dan juga pembekal-pembekal yang berkemampuan.

Ini juga akan membawa lebih banyak persaingan. Didapati kontraktor atau pemborong-pemborong dan pembekal-pembekal yang benar-benar sesuai akan menyebabkan harga berpatutan dan lebih rendah. Ini bermakna kita akan dapat menjimatkan peruntukan atau perbelanjaan awam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang dibelanjakan

ini adalah daripada peruntukan rakyat jelata juga. Kita patutlah membelanjakannya dengan berhati-hati dan tidak membazir.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua membuat kajian ke atas keperluan-keperluan sebenarnya rakyat sekarang. Pada tahun 2008, kerajaan akan melakukan Kajian Semula Suku Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita perlu meneliti dan mengatur semula dasar-dasar yang belum mencapai sasaran dan objektif yang ditetapkan. Inginlah saya menggesa supaya kerajaan membuat penubuhan atau menyusun semula mengikut keperluan-keperluan yang sebenarnya daripada rakyat kita.

Ini bermakna projek-projek yang akan dilaksanakan ini akan memberi faedah yang benar-benar kepada semua rakyat dan bukan projek-projek yang sia-sia atau dikatakan sebagai *white elephant* dengan izin, yang tidak akan membawa faedah atau makna kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga ialah kita semua sedar bahawa sektor pengeluaran yang memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara kita lebih kurang 31.9% ini daripada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK. Untuk mencapai sasaran purata kadar pertumbuhan ekonomi tahunan negara sebanyak 6.2% dari tahun 2005 sehingga tahun 2010.

Adalah difahamkan bahawa kadar pertumbuhan sektor pengeluaran negara pada masa sekarang kian merosot kepada 1.8% sahaja. Eksport-eksport barangan pengeluaran turut tidak banyak berubah dari segi pendapatannya. Oleh itu kerajaan digesa supaya melihat dengan penuh berhati-hati dalam perkembangan terkini ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Ini kerana perindustrian, vendor dan pembekal dalam negara kita sedang berhadapan dengan kerumitan dan kesukaran untuk meneruskan atau mengekalkan operasi perniagaan mereka sekiranya keadaan ini tidak diperbaiki dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara ini saya ingin mencadangkan supaya:

- (i) kerajaan memastikan kesemua pembangunan koridor ekonomi yang dilancarkan baru-baru ini dapat disegerakan pembangunannya semoga membawa banyak lagi peluang dan aktiviti ekonomi yang besar bagi perindustrian dan perniagaan tempatan; dan
- (ii) penglibatan dalam pembangunan koridor industri kecil dan sederhana dalam negara kita iaitu SMI. Dengan ini saya percaya aspek ekonomi negara kita akan berkembang dan bertambah pesat. Dengan ini saya percaya semua rakyat akan menikmati kek ekonomi yang besar ini.

■ 1500

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini kita dapati kebanyakan pelabur di Wilayah Iskandar Malaysia di selatan adalah dari luar negara. Adalah difahamkan bahawa satu saja pembangunan di Nusajaya yang dinikmati komuniti perniagaan tempatan. Keadaan ini perlu dibetulkan dengan segera.

Yang keempat Tuan Yang di-Pertua, dari segi bahan makanan. Ini satu topik *hot* yang semua orang beri tumpuan. Kita sedar bahawa negara kita mengimport untuk menampung keperluan bahan makanan di antaranya ialah beras, bawang putih, ubi, jagung dan sebagainya. Nilainya ialah sebanyak lebih kurang lebih daripada RM20 bilion. Nilainya pada tahun 2007 dan akan bertambah lagi pada tahun 2008 jika tindakan tidak diambil untuk mengeluarkan bahan makanan sendiri.

Negara kita seperti kebanyakan negara lain sedang menghadapi krisis makanan terutamanya beras. Ini lebih serius lagi bagi beras yang harganya sedang melambung tinggi dan sekarang kekurangannya akan merosakkan atau memburukkan keadaan sekarang. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya kerajaan mengambil tindakan yang tegas dan berkesan untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan satu pelan induk atau pelan tindakan bagi tujuan meningkatkan sektor pertanian dan juga pengeluaran hasil sektor pertanian.

Ini adalah bertujuan bukan sahaja untuk menampung sendiri keperluan makanan *self sufficient* dengan izin, tetapi juga dapat eksport ke luar negara sekiranya ada lebihan dalam keluaran hasil. Tuan Yang di-Pertua, mendapat eksport hasil pertanian lebihan ke luar negara bermakna kurang import bahan makanan dari luar negara. Ini akan membawa banyak kebaikan kepada negara terutamanya jimatkan *foreign exchange* dengan izin, dan kedua dengan eksport bahan makanan lebihan juga akan dapat membawa pula lebihan perdagangan luar negara dan kemasukan modal dan terus menyumbangkan kepada rizab bersih antarabangsa negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan meningkatkan hasil pertanian, saya juga berharap kerajaan mengambil tindakan tegas, menggalakkan dan memperkenalkan teknologi baru yang tinggi, yang canggih untuk meningkatkan produktiviti hasil pertanian dan juga terus bukan saja boleh mengatasi masalah-masalah keperluan sendiri dan juga dapat kita eksport sekiranya keluarannya ada berlebihan.

Di samping itu bagi menambahkan hasil pertanian, saya ingin menggesa supaya tanah-tanah terbiar dalam negara kita dibuka kepada petani-petani yang benar-benar berpengalaman dan benar-benar hendak berusaha untuk diusahakan dalam penanaman padi atau dalam pertanian-pertanian lain seperti bawang putih, ubi, jagung dan sebagainya. Kita semua sedar dan maklum bahawa banyak tanah dalam negara kita ini masih terbiar dan tidak mempunyai apa-apa kegunaan dan tidak membawa apa-apa pendapatan kepada negara. Dengan mengusahakan tanah-tanah terbiar ini akan membawa banyak faedah dan pendapatan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai galakan saya juga berharap kerajaan dapat memberi bantuan insentif pinjaman, dari segi latihan dan kursus kepada petani-petani dan juga pemberian geran tanah atau pajakan bagi masa yang panjang kepada petani-petani supaya mereka dapat melabur dalam perusahaan mereka dengan menggunakan teknologi yang tinggi, yang canggih dan juga pelaburan mereka terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sedar bahawa pemberian geran atau pajakan bagi tanah adalah kuasa kerajaan negeri. Saya berharap dalam hal ini Kerajaan Pusat boleh membentuk satu dasar melalui Majlis Tanah Pusat untuk memastikan kerajaan negeri supaya dapat melaksanakan perkara ini untuk kebaikan semua di negara kita iaitu untuk memberikan geran atau memberikan pajakan kepada petani-petani atau pengusaha-pengusaha yang sebenarnya. Perkara ini perlu diutamakan memandangkan begitu pentingnya begitu mendesaknya untuk meningkatkan sektor pertanian bagi tujuan mengatasi krisis beras terutamanya dan juga bahan-bahan makanan lain dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima, atau langkah yang kelima dalam sistem penyampaian perkhidmatan pegawai kerajaan pula di sini inginlah saya mengucapkan tahniah, syabas kepada mereka kerana pegawai perkhidmatan kerajaan pada setakat ini telah bertungkus-lumus berjaya melaksanakan projek-projek kerajaan dalam Rancangan Malaysia lima tahun yang lepas sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan sekarang. Walau bagaimanapun masih ada ruang bagi untuk menambah baik kepada sistem penyampaian yang saya sebutkan tadi supaya mereka boleh meningkatkan lagi keberkesanan, kecekapan dan terus meningkatkan daya saing di landasan antarabangsa. Semoga dapat menghadapi cabaran dikehendaki dipandang global atau globalisasi.

Perkara lain dalam sistem penyampaian ialah rasuah dan salah guna kuasa dalam menjalankan tugas mereka bagi pegawai kerajaan adalah satu halangan atau tentangan yang besar kepada pembangunan dan kemajuan negara kita. Kerajaan kita harus mengambil tindakan yang tegas dan serius dalam hal ini untuk menghapuskan soal rasuah dan salah guna kuasa dengan mengadakan sistem baru dalam pencegahan rasuah di kalangan perkhidmatan awam dan juga swasta. Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan baru-baru ini mewujudkan Jawatankuasa Parlimen untuk mencegah rasuah dan juga akan memperkuatkan badan BPR dengan menggunakan cara dari negara luar. Saya harap kerajaan benar-benar serius dalam hal ini untuk mencegah rasuah di Malaysia.

Selain daripada itu, pendidikan yang menidakkan keikhlasan dan sikap bersih adalah sangat diperlukan dan perlu diberi kepada pegawai kerajaan juga supaya mereka jujur, ikhlas, cekap dan tidak salah gunakan kuasa yang diberikan dalam perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan pendidikan atau pelajaran. Kita sedar pendidikan ialah kunci untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama dan berkualiti tinggi dari segi pengetahuan, berkemahiran tinggi, berinovasi dan juga berkesihatan yang baik. Modal insan seperti ini adalah amat diperlukan bagi kemajuan dan pembangunan negara kita. Dalam bidang ini sistem pembelajaran sekarang memang baik dan sentiasa dapat menghasilkan ramai pelajar yang cemerlang. Tahniah saya ucapkan kepada pihak Kementerian Pelajaran.

Walau bagaimanapun saya ingin memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan lagi tahap pendidikan dalam negara kita seperti berikut:

Pertama, Kementerian Pelajaran perlu mengkaji program mereka yang membangun atau mendirikan bangunan sekolah di keseluruhan negara supaya memastikan bangunan sekolah di tempat-tempat yang benar-benar diperlukan dan sesuai mengikut kawasan dan masyarakat.

■1510

Kita dapati banyak sekolah atau bangunan telah didirikan pada tempat-tempat yang tidak mempunyai bilangan murid yang sewajarnya.

Kedua, kerajaan akan pada tahun ini, Rancangan Malaysia Kesembilan telah memperuntukkan sebanyak RM38 bilion untuk program pendidikan. Ini adalah satu peruntukan yang begitu besar, yang terbesar pernah diberi dalam mana-mana rancangan Malaysia yang sebelumnya. Kerajaan juga diminta supaya mewujudkan satu sistem yang berkesan dan kekal untuk membahagikan peruntukan kepada semua jenis sekolah termasuk vernakular seperti Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), Sekolah Agama Rakyat dan sebagainya. Ini bermakna segala rakyat Malaysia akan dapat diberi pendidikan yang sama dalam negara kita dan ini akan dapat menghasilkan modal insan yang berguna kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sedia maklum adalah sekolah vernakular telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu sekolah bantuan modal dan juga sekolah bantuan penuh. Sekolah bantuan modal ialah tidak terima sebarang pembangunan ataupun peruntukan pembangunan, hanya menerima peruntukan untuk pentadbiran. Sekolah bantuan penuh dia akan menerima kedua-dua itu.

Perkara ini telah menyebabkan banyak ketidakpuasan hati di kalangan masyarakat dalam negara kita. Saya dengan ini berharap kerajaan mendapat menyeragamkan perkara ini supaya kedua-dua kategori ini dijadikan satu dan ini akan serupa dengan sekolah kebangsaan lain dalam negara kita dan menerima semua peruntukan kewangan bagi pembangunan dan pentadbiran yang sama. Itu bermakna semua sekolah akan menerima peruntukan yang sama, yang tidak ada perbezaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara satu yang saya nampak penting dan saya perlu sentuh ialah berkenaan dengan perpaduan negara. Pembangunan dan kemajuan negara kita adalah sangat bergantung kepada kerjasama perpaduan di antara semua kaum di negara kita. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya telah pun menyerukan supaya semua kaum di dalam negara kita perlu bersatu-padu untuk menghadapi cabaran dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Tan Sri Timbalan Perdana Menteri kita telah melancarkan satu Minggu Perpaduan. Inilah satu amalan yang bagus yang kita akan memupuk perpaduan di antara semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, kestabilan dan

perpaduan dalam parti politik dalam negara kita adalah juga amat penting untuk mewujudkan satu suasana yang stabil, harmoni, kondusif bagi galakkan dan penarikan pelabur, mahupun dari dalam negeri atau dari luar negara kita. Jadi marilah kita bersama-sama mengusahakan untuk memelihara perpaduan, keharmonian dan mewujudkan suasana yang baik dalam negara kita supaya kita boleh mencapai matlamat kemajuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini izinkan saya memohon menyokong menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah satu Usul yang berbunyi;

“Bahawa satu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan satu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara, mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kedua Belas”

Dikemukakan kepada Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali.

**3.15 ptg.**

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut berada di Dewan ini untuk sama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Tuanku pada Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Yang Ke-12.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih dan berasa bangga dengan usaha kerajaan yang telah mengambil langkah dan beberapa pendekatan untuk menjadikan pemerintahan dan pentadbiran kita ke arah yang lebih cekap, lebih efisien dan mempertingkatkan keberkesanan, ketulusan akauntabiliti serta mesra rakyat. Inilah komitmen Kerajaan Barisan Nasional untuk kesejahteraan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang usaha penyusunan semula Badan Pencegah Rasuah ataupun BPR. Melalui penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, penjenamaan semula Pasukan Polis Diraja Malaysia sejajar dengan usia pasukan tersebut 201 tahun dan langkah penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim adalah antara usaha positif untuk memulihkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap dengan penyusunan semula Badan Pencegah Rasuah yang akan menjadikan jabatan ini benar-benar bebas daripada kongkongan pihak-pihak

tertentu. Bebas daripada jaringan kerehah birokrasi dan bebas dalam memerangi pelbagai bentuk gejala rasuah tanpa ada pilih bulu yang mungkin bukan sahaja dalam bentuk transaksi wang ringgit, malah merangkumi aspek penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan juga pecah amanah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan syabas kepada BPR kerana usaha yang sentiasa gigih untuk meningkatkan kecekapan dalam usaha membanteras gejala rasuah termasuk mengendalikan kes-kes yang berprofil tinggi. Jadi saya amat berharap BPR meneruskan untuk mengendalikan kes-kes yang berprofil tinggi ini kerana rakyat mahu keyakinan ini betul-betul nampak oleh Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan usia Polis Diraja Malaysia yang meningkat kepada 201 tahun, maka adalah elok berbagai-bagai ruang kelemahan, kepincangan, keraguan dan kelemahan prestasinya diperbaiki segera bagi menjadikan Polis Diraja Malaysia sebagai satu pasukan yang unggul selaras dengan teras bagi menjana ketenteraman awam. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat khususnya mereka yang tinggal di bandar-bandar besar dibayangi ketakutan, rasa cemas, dihimpit dengan perasaan curiga dan hilang keyakinan serta kepercayaan kepada sesama jiran kerana semua berpunca daripada peningkatan kadar jenayah yang turut juga membabitkan warga asing. Jadi kita sekarang ini seolah-olah Tuan Yang di-Pertua, duduk berada dalam zon yang berbahaya. Terdedah dengan berbagai bentuk ancaman jenayah daripada pencopet, penyamun, perogol, pencolek sehinggalah kepada pembunuhan. Kita sentiasa berasa tidak sedap hati bila teringatkan anak-anak kita sekolah di pasar raya, di tempat awam dan juga di pasar-pasar malam.

#### ■1520

Tuan Yang di-Pertua, keadaan kita bertambah ngeri seperti mana berlaku kepada kes culik dan bunuh yang amat tragis kepada adik Nurin Jazlin Jazimin. Dalam kes penculikan adik Sharlinie Muhamad Nasir sejak 9 Januari lalu sehinggalah ke hari ini hilang tanpa berita dan gagal dikesan oleh pihak polis. Kes ini Tuan Yang di-Pertua telah mencetuskan pelbagai tanda tanya dan rasa ingin tahu orang ramai terhadap sejauh manakah kemampuan dan kecekapan pihak polis. Kes kanak-kanak terus meningkat Tuan Yang di-Pertua. Mengikut laporan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebanyak 242 kes kanak-kanak hilang dilaporkan berlaku dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini. Fenomena ini membimbangkan Tuan Yang di-Pertua dan di mana sepanjang tahun 2007 sebanyak 1,168 kes kanak-kanak hilang, manakala pada tahun 2006 sebanyak 1,478 kes dan ini bermakna purata dalam sehari kanak-kanak hilang yang dilaporkan sebanyak 3.5 kes. Ini cukup tinggi Tuan Yang di-Pertua.

Ini semua berlaku kerana jenayah berterusan saban hari di akhbar-akhbar ataupun di kaca-kaca televisyen. Kita melihat berita-berita rompakan, culik, rogol, bunuh yang semakin menjadi-jadi. Kita dihantui rasa cemas, takut dan kurang selamat apabila keluar rumah. Keadaan

di negara kita sekarang ini seolah-olah seperti kita berada di New York atau Chicago yang terkenal dengan kadar jenayah yang begitu tinggi termasuk di Amerika Syarikat.

Berdasarkan kepada indeks jenayah Malaysia pada tahun 2005/2007 bagi kes bunuh ianya telah meningkat sebanyak 21% antara tahun 2005 - 2006 dan meningkat 107 kes daripada 497 kepada 604 kes. Manakala kes rogol pula meningkat daripada 1,887 kes kepada 2,435 kes dalam tempoh yang sama. Kes jenayah harta benda juga meningkat daripada 157,459 kepada 198,622. Ini Tuan Yang di-Pertua kita melihat satu gejala yang amat menakutkan.

Saya berharap kita harus melihat dengan keadaan pendatang-pendatang asing ke dalam negara kita ini yang memungkinkan banyak kes-kes jenayah berlaku dalam negara kita.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua kes penculikan dua kanak-kanak baru-baru ini menyebabkan rakyat hilang keyakinan kepada kemampuan sebenar pasukan polis melindungi keselamatan orang awam. Saya tidak menyangkal Tuan Yang di-Pertua kemampuan pihak polis tetapi ada dakwaan yang menyebut bahawa pihak polis hanya cepat bertindak dan memberikan perhatian bila mana ianya membabitkan orang kenamaan dan mereka yang mempunyai kedudukan ataupun pengaruh. Akan tetapi bagi rakyat biasa mereka seperti tidak menaruh harapan lagi kepada pihak polis apabila bertembung dengan masalah yang mengancam keselamatan mereka.

Ada juga berlaku kes untuk buat laporan polis si pengadu kononnya Tuan Yang di-Pertua ditendang seperti bola. Sekejap ke balai polis sana, sekejap ke balai polis sini dan tambah pula dengan ketidakcekan serta pelbagai kerenah birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin berkongsi sedikit dengan ahli-ahli Dewan yang mana saya sendiri melalui satu kes untuk membantu salah seorang keluarga supaya tidak diadakan *post mortem* setelah suaminya meninggal dunia. Begitulah jadinya Tuan Yang di-Pertua, kita ditendang di antara satu balai polis ke satu balai polis yang lain dan akhirnya mengambil masa lima jam untuk berlari ke sana sini dan akhirnya kita kenal seorang pegawai polis maka dia memberi kebenaran tidak payah *post mortem* maka mayat tersebut tidak payah *post mortem*.

Ini berlaku dan saya sendiri lalui Tuan Yang di-Pertua pada pukul 1.30 pagi hinggalah pukul 7.00 pagi Tuan Yang di-Pertua. Apatah lagi orang-orang awam ataupun rakyat-rakyat biasa yang akan melalui kes-kes seperti ini. Tuan Yang di-Pertua situasi sebegini menyebabkan rakyat berada dalam keadaan ketakutan kerana penilaian, tanggapan dan keyakinan mereka kepada prestasi pasukan polis sudah terhakis. Jadi saya amat berharap prestasi sedemikian dapat diubah dan kecekapan serta kewibawaan pasukan polis perlu diperbaiki dan dipertingkatkan dengan segera. Saya amat berharap dengan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis, IPCMC akan dapat membawa kepada penambahbaikan struktur organisasi Polis Diraja Malaysia sebagai Jabatan Penguat Kuasa untuk melindungi kesejahteraan rakyat, keamanan negara serta mempertahankan kedaulatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua balik kita kepada langkah kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Kehakiman, juga saya melihat sebagai satu usaha yang positif dan langkah berani dalam usaha mengembalikan maruah, memartabatkan dan memberi kebebasan serta kredibiliti Badan Kehakiman di negara kita ini. Sehubungan dengan itu saya amat berharap soal pelantikan Ketua Hakim Negara yang baru yang akan menggantikan Ketua Hakim Negara yang ada sekarang Datuk Abdul Hamid Muhamad yang akan bersara pada akhir tahun ini. Ianya hendaklah dibuat berasaskan kepada kemampuan, kebolehan, integriti dan menepati kriteria-kriteria suruhanjaya berkenaan.

Di samping memastikan tidak ada sedikit pun unsur campur tangan ataupun pengaruh pihak-pihak tertentu. Saya bangkitkan peringatan ini kerana hasil siasatan Suruhanjaya Diraja berkaitan isu klip video VK Lingam telah mendedahkan secara jelas kepada rakyat sejauh mana pembabitian pihak tertentu dalam kes pelantikan hakim. Jadi saya menyambut baik tindakan Peguam Negara yang telah mengarahkan BPR memulakan siasatan terhadap beberapa individu yang dikaitkan dalam pita video VK Lingam tetapi apa yang saya kesalkan Tuan Yang di-Pertua adalah laporan Suruhanjaya Diraja awal-awal lagi sudah bocor dan disiarkan terlebih dahulu oleh setengah-setengah akhbar tempatan sebelum Kabinet membuat sebarang keputusan.

Jadi saya amat berharap bahawa kerajaan mengambil satu tindakan telah tegas bagi menangani perkara-perkara seperti ini berulang lagi. Ini kes video V. K Lingam Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak tahu lagi rahsia-rahsia kerajaan yang lain yang dibocorkan yang kita tidak tahu. Jadi saya amat berharap kepada pihak-pihak akhbar yang mendahului keputusan kerajaan iaitu Kabinet. Saya tidak nafikan Tuan Yang di-Pertua akhbar akan sentiasa memburu cerita-cerita panas ataupun mencari skop berita yang lebih awal dalam isu siasatan video Lingam ini yang bocor terlebih awal telah mengundang pertanyaan daripada rakyat kenapa perkara ini boleh terjadi. Seolah-olah akhbar ini dah buat keputusan dulu sebelum Kabinet buat keputusan. Ini seolah-olah memperlekehkan Kabinet di negara kita.

Jadi saya harap kerajaan akan mengambil tindakan tegas kepada mereka-mereka yang bertanggungjawab yang memberi maklumat awal sebelum Kabinet membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua selepas pilihan raya umum baru-baru ini rakyat pula tertanya-tanya mengapa harga-harga barang keperluan asas tiba-tiba melonjak secara mendadak seperti kerajaan tidak berbuat sesuatu untuk mengekang kenaikan tersebut yang nyata telah menimbulkan kegelisahan rakyat terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Cerita kenaikan harga barang keperluan utama seperti minyak masak, gula, tepung, susu, bahan bakar dan kini beras makanan asas rakyat Malaysia seolah-olah satu kemestian walaupun menteri di kementerian berkenaan sudah bertukar ganti.

Tuan Yang di-Pertua apabila ianya heboh diperkatakan maka kerajaan akan mengumumkan berbagai-bagai kaedah dan peringatan termasuk jaminan bahawa stok masih ada dan harga tidak dinaikkan dan pelbagai jaminan kerajaan. Namun yang sama para peniaga

dan pengilang langsung tidak mempedulikannya. Kerajaan nampaknya seperti duduk, tunduk dan dipermainkan oleh pembekal, pendorong dan penjual.

■ 1530

Rakyat gelisah, Tuan Yang di-Pertua, dan marahkan kerajaan kerana barangan keperluan harian mahu tidak mahu terpaksa mereka beli biarpun harga terus meningkat. Mereka yang berpendapatan rendah terpaksa mengikat perut, akibatnya secara diam-diam memprotes dan keputusannya mereka sudah buktikan dalam pilihan raya yang lalu yang mana kerajaan yang didukung oleh UMNO dan Barisan Nasional mengalami kemerosotan besar termasuk hilang lima buah negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan menghargai langkah kerajaan yang sentiasa untuk mengurangkan beban rakyat terutama golongan yang berpendapatan rendah dengan menyediakan pelbagai bentuk subsidi yang mana pada tahun 2007 ia telah mencecah RM33 bilion. Dalam hal ini saya ingin menyentuh mengenai sektor pertanian terutamanya penanaman padi di negara kita yang sekarang ini isu kenaikan harga beras menjadi bahan perbualan rakyat di merata-rata tempat. Kenaikan harga beras telah menimbulkan rasa kurang senang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil contoh, walaupun saya tidak suka hendak mengambil contoh negara ini, tetapi saya hendak berkongsi dengan Ahli-ahli Dewan Negara. Saya hendak ambil contoh negara Singapura, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Singapura adalah sebuah negara yang kecil, tanah pun tidak banyak tetapi Singapura tidak menghadapi krisis kenaikan harga beras. Kenapa, Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana mereka melihat jauh. Mereka telah membeli tanah di Vietnam untuk menanam padi dan hasilnya mereka merasainya sekarang. Di negara kita ini pula, Tuan Yang di-Pertua, tanah berlambak-lambak tetapi kita tidak berpandangan jauh untuk menanam padi, untuk menjual beras kepada rakyat kita sendiri. Sekiranya kita dapat melakukan itu maka kita dapat mengatasi masalah beras ini.

Saya berharap perkara yang baik kita jadikan contoh. Kita lihat kalau ini boleh menguntungkan rakyat dan negara kita saya tidak nampak mengapa negara kita Malaysia tidak boleh menanam padi dengan lebih banyak untuk rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya cakapkan di sini adalah mengenai dengan Kementerian Pelajaran yang akan merombak semula sistem pendidikan vokasional dan kemahiran supaya dapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. Ini keluaran Utusan Malaysia pada 21 Mei, Tuan Yang di-Pertua.

Kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini mengenai dengan perkara ini yang amat menarik untuk dibincangkan kerana seramai 83,000 pelajar daripada sekolah rendah hingga ke tingkatan lima didapati tercicir daripada sistem persekolahan negara. Isu keciciran inilah yang tidak harus dipandang remeh oleh kita semua. Maka cadangan Kementerian Pelajaran untuk merombak sistem pendidikan vokasional amat bertepatan sekali dengan

keperluan semasa kerana pendidikan vokasional menekankan aspek latihan, kemahiran dan juga mampu membentuk pelajar supaya mempunyai sifat berdikari dan sifat yakin kepada diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya pendidikan vokasional perlu menjurus kepada minat pelajar itu sendiri dan guru-guru perlu mengenal pasti minat ataupun *interest*, dengan izin, setiap pelajar yang tercicir dan jika perlu setiap pelajar yang tercicir perlu diwujudkan satu kad laporan khas tentang minat pelajar. Kumpulan pelajar yang tercicir ini juga harus dibimbing, diberi penerangan dan galakan secara konsisten oleh guru untuk mengenal pasti apakah bidang dan kemahiran yang diminati oleh mereka berdasarkan kepada keperluan pasaran kerajaan.

Mata pelajaran kerjaya harus diperkenalkan daripada tingkatan satu lagi dengan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang bidang pekerjaan seperti tenaga kerja am, tenaga kerja mahir, tenaga kerja semi profesional dan tenaga kerja profesional. Guru juga harus mengubah persepsi ibu bapa dan masyarakat bahawa hanya pelajar-pelajar cemerlang sahaja dalam akademik yang mampu menjadi rakyat yang berguna. Jika persepsi ini tidak diubah, saya khawatir masyarakat akan memandang pendidikan vokasional sebagai pendidikan kelas kedua dan hasrat kerajaan untuk membangunkan modal insan tidak akan dapat berjalan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya masuk kepada perkara mengenai persaraan kakitangan awam yang dilanjutkan daripada umur 56 tahun kepada umur 58 tahun. Isu yang pertama, ingin saya bertanya kepada pihak kerajaan adakah semua kakitangan awam akan diberikan lanjutan tempoh persaraan secara automatik tanpa mengambil kira keadaan kesihatan dan keupayaan.

Tuan Yang di-Pertua, ini harus kita fikirkan kerana semakin tinggi usia seseorang, manusia yang makin berusia akan terdedah kepada banyak risiko penyakit seperti darah tinggi, gout, penyakit jantung, kencing manis dan sebagainya. Jika kakitangan awam mempunyai masalah kesihatan sudah tentulah akan menjejaskan kecekapan serta sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar menetapkan satu peraturan iaitu kakitangan awam yang sudah mencapai umur 55 tahun dan sekiranya ingin membuat pilihan untuk menyambung perkhidmatan sehingga umur 58 tahun maka diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan untuk memastikan dia benar-benar sihat dan boleh menjalankan tugas seperti biasa. Laporan kesihatan wajib dikemukakan kepada ketua jabatan untuk tujuan rekod dan pengesahan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ialah tentang prestasi kakitangan awam. Kita mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan awam yang telah menunjukkan prestasi yang baik. Namun kita juga harus ingat terdapat juga sebahagian kakitangan awam yang tidak menyumbang kepada prestasi kerja yang baik. Golongan ini dikira bernasib baik kerana hanya menumpang tuah daripada titik peluh rakan-rakan mereka yang bekerja keras...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang memohon laluan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pendapat Yang Berhormat, dengan pelanjutan usia persaraan ini adakah ia boleh menjejaskan ataupun menambahkan lagi pengangguran lagi di negara kita. Terima kasih.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ia ada *pros and cons*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dengan peningkatan dua tahun lagi ini. Sekiranya kakitangan awam ini yang masih boleh berkhidmat selepas berumur 56 tahun kalau kita hentikan mereka, ia adalah satu kerugian. Sesetengahnya ada yang berumur 55 tahun patut diberhentikan kerana keadaan kesihatan ataupun mereka yang hanya menumpang kakitangan-kakitangan lain untuk naik pangkat. Itu ada *pros and cons*.

Mengenai dengan pengangguran ini, saya hendak beritahu Ahli Yang Berhormat kita tadi bercakap, Ahli Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin membangkitkan tentang pendatang asing, warga asing yang bekerja di Malaysia dan sebagainya. Kita mempunyai banyak jawatan termasuk di *airport*, di hotel, banyak jawatan-jawatan yang perlu diisi, tetapi malangnya tidak ada warganegara Malaysia yang berminat ataupun syarikat-syarikat tersebut sengaja tidak mahu mengambil pekerja-pekerja Malaysia oleh kerana gaji yang tinggi.

Ini harus dikaji oleh kerajaan supaya rakyat Malaysia patut diberi keutamaan untuk bekerja dalam negara kita daripada mengambil warga asing untuk bekerja di negara kita. Ini harus dilihat supaya dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sambungkan lagi. Pada hari ini wajarkah mereka yang tidak cekap...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat yang bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Apa pendapat Yang Berhormat sekiranya kita minta Kementerian Sumber Manusia membuat kajian dan bancian tentang warganegara kita yang berumur 21 sehingga 45 tahun yang masih menganggur dan tidak mahu bekerja, dan sekiranya mereka ini telah bekerja atau berniaga apakah pendapatan mereka ini untuk sara hidup lebih tinggi yang mana mereka tidak mahu bekerja dengan pihak kerajaan dan pihak GLC yang meminta pekerja-pekerja bekerja di sektor-sektor seperti MAS dan di tempat-tempat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin tadi. Sekian, terima kasih.

■1540

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat. Kalau boleh kita biar Kementerian

Sumber Manusia mengkaji rakyat Malaysia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun yang tidak mahu bekerja ataupun baru hendak bekerja dan sebagainya. Kita kena carilah sebab mereka ini yang tidak mahu bekerja sebab saya rasa di dalam negara kita ini banyak tempat yang kita boleh bekerja.

Masalah dengan rakyat kita ini kadang-kadang dia memilih pekerjaan. Apabila dia memilih pekerjaan, dia menunggu. Kerja yang senang sahaja dia hendak kerja, kerja-kerja yang berat sedikit dia tidak mahu. Jadi kita harus mendidik rakyat kita di negara kita ini supaya bermula daripada bawah. Kalau hendak berjaya kita hendak terus duduk di atas sahaja, susah, Tuan Yang di-Pertua. Kita harus bergerak daripada bawah.

Jadi dengan pengalaman di bawah ini, saya yakin mereka boleh berjaya. Jadi saya haraplah warganegara Malaysia dapat bekerja dengan lebih bertanggungjawab kerana apa yang ada dalam negara kita saya rasa lebih mencukupi. Ini kerana kalau kita lihat warga-warga asing yang membanjiri negara kita Tuan Yang di-Pertua, boleh bekerja, boleh hantar duit balik ke rumah mereka, boleh membuat rumah banglo dan sebagainya. Saya tidak nampak mengapa rakyat Malaysia tidak dapat merebut peluang ini. Tuan Yang di-Pertua, jadi persoalan ini wajarkah mereka...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat memohon laluan lagi.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Okey.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam ucapan Yang Berhormat, Yang Berhormat katakan warga-warga asing yang bekerja di sini begitu mewah sekali. Kita hendak salahkan siapa? Hendak salah kerajaan kita ke atau hendak salahkan warganegara asing? Sebab bagi kita, kita sudah bercakap dalam Dewan ini, orang Penang kata sudah berbuih mulut.

Sepatutnya Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri sepatutnya ada satu jawatankuasa untuk menyiasat berapa ramai rakyat Malaysia tidak bekerja. Sepatutnya ditubuhkan jawatankuasa, dilihat di syarikat atau di kilang-kilang yang mana yang hendak minta lesen untuk bawa masuk pekerja asing ini sebelum lulus, siasat di Kementerian Sumber Manusia, ada ke jawatan kosong. Kalau kita bagi kebenaran sebulan sampai beratus orang boleh masuk, hendak salahkan warganegara asing macam mana, sebab negara kita mewah. Sudah tentu mereka datang sebab kita kerajaan, kita ada kuasa, tidak tahu hendak guna kuasa kita. Itu masalah kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat kerana negara kita ini banyak peluang perniagaan, peluang untuk bekerja dan sebagainya. Kita tidak boleh salahkan orang asing masuk ke negara kita sekiranya kita tidak kawal. Kerajaan harus memainkan peranan untuk mengawal

hanya kerja-kerja tertentu kita boleh bagi warganegara asing masuk. Dulu, Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pekerja-pekerja wanita dari Indonesia masuk ke sini hendak bekerja jadi pembantu rumah.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kalau kita pergi ke kilang-kilang di negara kita ini, semua penuh dengan wanita-wanita Indonesia. Saya hairan, saya ingat dulu wanita Indonesia datang ini kerja jadi pembantu rumah, tetapi hari ini di kilang-kilang elektronik, kilang-kilang di Pulau Pinang, di Sungai Way, Selangor, di kawasan perdagangan bebas di Jalan Jelatek, Keramat, semua ini pekerja-pekerja asing. Jadi peluang itu ada tetapi di mana salahnya? Sebab itu saya bersetuju bahawa Kementerian Sumber Manusia harus melihat kembali pengambilan pekerja-pekerja asing ini yang bekerja dalam negara kita.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh katakan dalam hotel-hotel, kita pergi hotel-hotel lima bintang pun, kita nampak pekerja Bangladesh, Vietnam, Indonesia, semua bekerja dalam hotel kita. Ini nampaknya macam seolah-olah tidak ada orang yang hendak bekerja dalam bidang perhotelan sedangkan kalau saya masih ingat dalam bidang perhotelan ini, banyak diploma dan sijil yang diambil dalam negara. Di mana mereka ini?

Jadi saya haraplah kerajaan dan syarikat-syarikat mengutamakan pekerja-pekerja Malaysia. Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, ini untuk mengaut keuntungan yang cepat. Sebab itu diambil pekerja-pekerja dari luar negara dan membayar dengan gaji yang rendah. Akan tetapi mereka boleh hidup sebab di negara mereka, mereka lebih susah. Sebab itu mereka datang ke sini dengan gaji berapa pun mereka ambil dan bekerja di negara kita. Jadi saya harap Kementerian Sumber Manusia akan mengambil *estimate* pekerja-pekerja asing ini dan melihat kembali di mana mereka harus bekerja dan di mana mereka tidak harus bekerja dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, wajarkah mereka yang tidak cekap bekerja sambil lewa dilanjutkan tempoh perkhidmatan hingga ke 58 tahun. Kalau kita ingat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan kepada JPA supaya menyemak kembali perkara ini. Apakah sumbangan positif yang diperolehi oleh kerajaan apabila melanjutkan persaraan kepada umur 58 tahun. Bagi pekerja yang rajin, proaktif, yang memberi idea yang baik kepada jabatan, memang wajar mereka ini kita sambung hingga ke 58 tahun. Akan tetapi apa yang saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, ialah pekerja-pekerja yang kian merosot prestasinya, malas, suka curi tulang, tidak bermotivasi, memberi imej yang buruk kepada perkhidmatan awam, haruskah lanjutan tempoh perkhidmatan itu diberi secara automatik.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk tidak merugikan kerajaan, cara pelaksanaan untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan mungkin boleh diubahsuai di mana perlu. Contohnya, kakitangan yang sudah mencapai usia 55 tahun mesti mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan terlebih dahulu tentang laporan prestasi kerja termasuk laporan tentang sikap, emosi

dan mentalnya. Dengan cara ini, barulah kerajaan akan mendapat jaminan kakitangan awam yang produktif, cekap, efisien dan amanah dapat kita adakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memasuki tentang kemelut yang melanda bola sepak iaitu tiga pihak iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Persatuan Bola Sepak (FAM) dan penganjur Kejohanan Bola Sepak Piala Juara-juara Belia. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rakyat seluruh negara menanti-nanti dengan penuh harapan bilakah agaknya prestasi skuad bola sepak negara akan kembali pulih. Saya juga percaya ada sebilangan rakyat yang sudah muak dan kecewa dengan mutu bola sepak negara kita, tetapi ada juga sebilangan rakyat yang masih menaruh harapan agar kepimpinan baru Persatuan Bola Sepak Malaysia mampu melakukan perubahan untuk meletakkan nama negara setanding dengan Jepun, Korea Selatan, Iraq ataupun Arab Saudi.

Isu tentang penganjuran Kejohanan Piala Juara-juara Belia ataupun CYC, Tuan Yang di-Pertua, CYC adalah kejohanan bola sepak yang melibatkan pasukan bawah 16 dan 19 tahun yang dijadualkan diadakan di Malaysia pada 5 hingga 16 Ogos 2008. Ini melibatkan negara Malaysia, Qatar, India, China dan 12 kelab bola sepak terkemuka Eropah dan Amerika Syarikat.

Menteri Belia dan Sukan membuat kenyataan dalam Mingguan Malaysia, 25 Mei 2008. Kementerian Belia dan Sukan mempunyai perjanjian dengan penganjur kejohanan CYC iaitu Gifted Group Limited atau GGL berhubung dengan penganjuran kejohanan yang dijadualkan pada Ogos 2008. Itu kenyataan Menteri Belia dan Sukan. Presiden FAM pula membuat kenyataan yang berbeza iaitu tidak membenarkan penganjuran Piala Juara-juara Belia ataupun CYC diadakan di negara Malaysia. Alasannya kerana pihak penganjur membelakangkan peranan FAM dalam penganjuran kejohanan tersebut. Presiden FAM juga mempertikaikan, wang RM17 juta oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada GGL untuk menganjurkan kejohanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa khuatir sekiranya rakyat mempunyai pandangan dan persepsi yang negatif akibat daripada perbalahan tiga pihak. Sudah sampai ke telinga kita, cakap-cakap yang mengatakan, *"Kalau macam ini, manalah mutu bola sepak Malaysia hendak maju. Kalau asyik timbul perbalahan demi perbalahan yang melibatkan pentadbiran sukan bola sepak di negara kita."*

■ 1550

Jika isu ini masih berterusan, apakah rakyat merasa yakin bahawa sistem pentadbiran sukan negara akan berjalan dengan lancar? Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan dari RM17 juta, KBS telah bayar RM8 juta Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak penganjur GGL dan baki RM9 juta belum lagi. Adakah KBS mempunyai hak untuk menuntut balik wang yang telah diberi sekiranya penganjuran itu dibatalkan? Adakah lebih baik peruntukan RM17 juta ini yang hendak diberi kepada pihak penganjur, disalurkan untuk pembangunan bola sepak di peringkat sekolah?

Seperti yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Mokhtar Dahari, dicungkil bakatnya daripada peringkat sekolah. Jadi kalau sejumlah wang sebegini besar kalau kita bagi begitu sahaja kepada pihak penganjur, saya khuatir ia tidak akan dimanfaatkan kepada bola sepak di negara kita. Jadi saya amat berharap bahawa pihak kementerian akan melihat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya kemukakan pada persidangan ini ialah satu perkara yang saya hendak berkongsi dengan Ahli-ahli Dewan Negara iaitu pusara kenamaan. Saya ini baru dengar Tuan Yang di-Pertua, ada pusara kenamaan. Hendak mati pun, sudah ada pusara kenamaan. Jadi, saya hendak minta pihak yang bertanggungjawab, siapa saya tidak tahu! Saya difahamkan, pusara kenamaan ini akan diadakan dekat Tugu Peringatan Negara. Di mana 500 tapak akan disediakan iaitu 250 untuk orang Islam dan 250 untuk orang yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur ini kita kekurangan tanah. Tanah banyak kurang, mereka hendak buat pusara orang kenamaan. Saya tidak faham Tuan Yang di-Pertua. Sudah meninggal, kita balik kampung kebumikan. Dia pun sudah tidak tahu apa pun dah. Ini saya hairan, bagaimana kita ini boleh luluskan untuk menubuhkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi hujah Yang Berhormat ini, tanah itu biar untuk orang yanghiduplah. Jangan habiskan tanah untuk orang mati.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Ya, saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Itulah hujah saya Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap kerajaan pertimbangkan kembali tentang pusara kenamaan ini. Ini kerana bagi saya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mati, sudah habislah semua. Tidak payahlah adakan pusara kenamaan. Jadi lama-kelamaan, macam-macam pusara dia ada di negara kita Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang hidup ini perlu kita berikan tempat, yang meninggal itu kita biarlah dia pergi ke akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tentang kepakaran yang kita ada di Institut Jantung Negara. Yang mana Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 10,000 kes pesakit luar telah dirujuk kepada IJN pada setiap tahun. Pada tahun ini iaitu pada tahun 2007 IJN telah mencatatkan sejumlah besar 1,000 lebih pembedahan yang terdiri daripada pembedahan jantung terbuka, tertutup, juga prosedur-prosedur diagnostik rawatan jantung. Jikalau boleh, saya bagi dengan terperinci, pembedahan jantung terbuka seramai 704 orang, pembedahan jantung tertutup 250 orang dan lain-lain prosedur 248 orang. Ini kepakaran yang ada di IJN.

Apa yang saya hendak bawa Tuan Yang di-Pertua di sini, baru-baru ini Menteri Kesihatan telah menyatakan bahawa salah sebuah hospital di India hendak dirujuk kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah jantung dan diperuntukkan RM2 juta untuk diberi bantuan kepada mereka-mereka yang diperlukan untuk dihantar di India. Apa yang hendak saya nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, di IJN kita tidak kurang mempunyai kepakaran-kepakaran, pakar-pakar tertentu. Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, pasukan pediatrik IJN terdiri daripada

lima orang pakar perunding jantung yang dibantu oleh lima doktor pakar pediatrik, tujuh orang pakar perunding, di mana empat daripadanya bertanggung jawab menjalankan pembedahan jantung kepada kalangan bayi-bayi yang menghidap sakit jantung.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua, daripada RM2 juta yang hendak diberikan untuk menghantar anak-anak ini mengadakan pembedahan jantung di India, mengapa tidak RM2 juta ini digunakan dan pakai pakar-pakar ini Masalah ini Tuan Yang di-Pertua, di IJN ini kekurangan tempat. Tempat kurang, pakar cukup. Hanya tempat kekurangan.

Jadi saya hendak minta Kementerian Kesihatan supaya hospital-hospital kerajaan seperti di Serdang, di Hospital Kuala Lumpur, di Pulau Pinang, digunakan untuk pakar-pakar ini membuat pembedahan daripada menghantar mereka ke India. Kenapa kita harus menghantar ke India, sedangkan mempunyai kepakaran-kepakaran Tuan Yang di-Pertua?

Jadi saya berharap, supaya kementerian mengkaji semula untuk menghantar anak-anak ini untuk berubat di India. Sedangkan kita mempunyai kepakaran-kepakaran kita yang tidak digunakan di negara kita. Supaya mereka-mereka ini, wang aliran keluar itu dapat masuk ke dalam negara kita. Jadi saya amat berharap kepada Kementerian Kesihatan supaya dapat memberi peluang kepada pakar-pakar yang ada dalam negara kita terutamanya di IJN untuk membuat pembedahan. Selain daripada di IJN, di hospital-hospital kerajaan. Ini di bawah Kementerian Kesihatan Tuan Yang di-Pertua, supaya mereka-mereka ini tidak perlu untuk keluar negara untuk berubat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan juga setinggi-tinggi tahniah kepada mereka kerana sekali lagi telah diberi mandat untuk menerajui kepimpinan negara dan juga memacu pembangunan negara kita ke arah kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Kita berharap bahawa pada tahun ini, apa yang diberi oleh rakyat kepada kita walaupun Barisan Nasional tidak mendapat dua pertiga, saya yakin pentadbiran negara kita akan dapat memainkan peranan memacukan ekonomi negara dan membantu rakyat-rakyat yang memerlukan. Ini kerana untuk kita Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kadar kemiskinan di negara kita harus kita sama-sama membantu. Jadi kita berharap kerajaan akan memainkan peranan mereka-mereka yang memerlukan, kita memberi bantuan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai dengan rumah-rumah PPR yang ada dalam negara kita khususnya yang terletak di Lembah Klang ini Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan banyak rumah PPR yang telah dibina oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sehingga hari ini rumah-rumah tersebut telah siap tetapi belum lagi diserahkan kepada Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Saya amat berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melakukan apa yang perlu supaya rumah-rumah ini boleh diduduki. Semua sudah siap Tuan Yang di-Pertua,

tetapi saya tidak tahu mengapa tidak boleh masuk. Saya difahamkan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur bahawa mereka belum mendapat penyerahan bangunan-bangunan tersebut oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Rumah-rumah ini memang diperlukan khususnya oleh anak-anak di Wilayah Persekutuan ini. Yang ada di Wilayah Persekutuan ini memerlukan rumah-rumah ini, rumah sudah siap. Setinggalan sifar yang kita kehendaki tidak dapat kita hapuskan lagi kerana mereka masih lagi duduk di setinggalan, kerana rumah-rumah ini belum diserahkan kepada Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Jadi saya amat berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memainkan peranan supaya rumah-rumah ini dapat diserahkan segera kepada Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur bagi membolehkan setinggalan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dia dengar Yang Berhormat bercakap... *[Ketawa]*

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Ya, dia dengar saya bercakap, dia masuk Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berharap, rumah-rumah PPR ini dapat disegerakan dan diserahkan kepada Dewan Bandar Raya kerana setinggalan-setinggalan di Kuala Lumpur ini dahagakan pembaharuan. Mereka hendak berpindah, tetapi masalah tidak ada, tidak boleh masuk lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah saya dapat kesan, mungkin nada Yang Berhormat itu turun sedikit?

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Macam mana itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila Yang Berhormat Timbalan Menteri hadir?

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Tidak adalah... *[Ketawa]*  
Sama sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya untuk sama-sama turut membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Gooi Hoe Hin, kemudian Tuan Ahmad Hussin.

**3.59 ptg.**

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat berkongsi pandangan dan pendapat dalam menyertai perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Yang mana Tuanku telah bertitah pada 29 April 2008 serentak di Parlimen Negara dan Dewan Rakyat yang mulia ini.

## ■1600

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kerana ini adalah Parlimen baru, Parlimen Yang Ke-12, semua Ahli Yang Berhormat salam sejahtera dan salam muhibah serta semoga semua Ahli Yang Berhormat dalam keadaan sihat walafiat, dan tidak ketinggalan khusus kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang baru masuk, pada sidang Parlimen Yang Ke-12, Penggal Pertama Mesyuarat Pertama.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Semoga kita semua akan terus berdebat, berbahas dan memberi pandangan tanpa secara berlawanan, tapi secara ketenteraman dengan penuh tertib, kesopanan dan kesesuaian bersesuaian dengan kemuliaan Dewan Negara, walaupun kadangkala kita mungkin mempunyai perbezaan pandangan dan pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya juga Yang Berhormat-Yang Berhormat akan sependapat bahawa Titah Ucapan Tuanku hendaklah bernas, jelas dan merangkumi segala aspek mahupun dari segi sosial, ekonomi dan politik. Ini adalah kali kedua Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah di Parlimen sejak bertakhta menaungi negara serta memayungi semua rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama, dan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan berusaha mengupas beberapa perkara secara am dan dasar. Bagi kita semua di Dewan yang mulia ini bersama-sama fikir-fikir dan renung-renung agar kita sehati dan sejiwa, bersama-sama muafakat dan bermesyuarat demi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat.

Yang pertama, politik dan kestabilan politik. Politik bagi saya merupakan sesuatu proses yang akan dan sedang berlaku dengan tujuan membawa perubahan serta pembaharuan demi kesejahteraan rakyat. Kadangkala luar dugaan, namun kuasa rakyat adalah mutlak. Parlimen Yang Ke-12 ini merupakan Parlimen yang agak luar biasa, yang tidak perlu diperjelaskan lagi. Memadai dinyatakan kerajaan telah ditubuhkan masing-masing di peringkat Persekutuan mahupun di negeri. Namun secara pandangan serta perhitungan secara positif kita perlu merasa bangga, iaitu amalan demokrasi di negara ini adalah cukup sihat dan matang yakni:-

- (i) peralihan kuasa dijalankan dengan tertib dan aman;
- (ii) rakyat telah menghakimi secara merentasi ekstremisme kaum dan agama, tetapi sebaliknya tumpuan kepada isu-isu dan keperluan semasa;
- (iii) pemilihan mungkin tidak lagi mempunyai secara monopoli.

Setelah mendalami saya mungkin tidak begitu betul atau salah, tetapi hakikatnya pasti bahawa rakyat berkehendakkan secara am perubahan dan pembaharuan. Secara ringkas iaitu:-

- (i) urus tadbir dengan izin, *governance*, rakyat menuntut agar pengurusan dan dasar-dasar yang konsisten berasaskan proses yang mantap,

senang difahamkan serta bernas di mana keputusannya perlu berasaskan kesejahteraan rakyat;

- (ii) ketelusan dengan izin *transparency*, rakyat kini berkehendakkan satu kerajaan yang lebih terbuka dan penuh dengan ketelusan;
- (iii) *accountability*, rakyat juga kini berkehendakkan kerajaan lebih bertanggungjawab. Isu-isu seperti keselamatan, alam sekitar, kesihatan, kerajaan harus mempermudah bukan mencetuskan masalah;
- (iv) kecekapan, sistem penyampaian yang lebih cekap;
- (v) kebebasan, *civil liberty*. Ini termasuk kebebasan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan hak kebebasan agama, dasar-dasar tertentu persamaan, galakan penglibatan secara tulen antara kaum, hak Melayu dalam mengamalkan agama Islam tidak perlu dicampurtangan oleh kaum lain, tempat-tempat ibadat dan lain-lain lagi;
- (vi) undang-undang yang nampaknya mengehendak tidak terdapat ruang untuk dikaji semula kehakiman;
- (vii) keinginan rakyat untuk mengasingkan perundangan, eksekutif dan kehakiman;
- (viii) pembaharuan kehakiman;
- (ix) pembaharuan suruhanjaya pilihan raya; dan
- (x) rasuah.

Saya telah dapat mencungkil beberapa perkara penting yang mana saya berpendapat, apa yang dituntut atau dikehendaki oleh rakyat yang dicerminkan dalam pilihan raya kedua belas ini. Sehubungan dengan ini, kita lihat di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah ini tidak dibuat? Memangnyanya telah dibuat tetapi harapan rakyat tak serta-merta. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau saya boleh, perlu dianugerahkan dipanggil sebagai "Bapa Perbukaaan dan Bapa Pembaharuan", bukannya pembaharuan daripada sebelah sana parti lawan.

Negara Malaysia kita yang indah permai lagi aman damai, sekian lama ini yang ditegaskan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, betapa pentingnya kestabilan politik dalam memastikan negara kita akan terus mara ke depan, demi mencapai kemajuan dan kemakmuran agar kesejahteraan rakyat dilindungi serta adalah matlamat dan tujuan utama murni kerajaan. Apa yang lalu selepas pilihan raya yang dikatakan tsunami tidak perlu diungkit-ungkit lagi. Tidak perlu lagi tunjuk jari siapa betul, siapa salah, siapa perlu bertanggungjawab, tidak perlu. Kononnya akan berlaku berkatak-katak atau politik pelacur. Mandat telah diberi, banyak kerja lagi, tanggungjawab berat untuk tadbir dan kita perlu secara bermuafakat, secara bermesyuarat tanpa batasan fahaman politik untuk terus membangunkan negara kita Malaysia yang cukup bertuah.

**■1610**

Falsafah supaya musim berpolitik, musim membuat laporan polis, perlu dikurangkan. Kalau boleh dihentikan sekali agar usaha, tenaga digembleng bertumpu kepada pembangunan negara yang kita hadapi pelbagai cabaran, yang begitu kompleks dan rumit. Janganlah sekali-sekali kerana berpolitik, sehingga kita tidak kira jawatan apa akan terjadi, sehingga kestabilan politik tergugat dan negara akhirnya akan hancur. Berpolitik sampai nama bapa pun lupa.

Oleh yang demikian, atas kebimbangan dan kekhawatiran ini, saya dengan penuh ikhlas hati ingin menyeru, menggesa agar kerajaan seharusnya bertindak segera bersama-sama memulakan proses permuafakatan dan musyawarah ini tanpa batasan fahaman politik serta melibatkan semua kaum dan badan-badan berkenaan dengan memulakan sekali lagi Majlis Perundingan Negara. Adalah dicadangkan majlis ini boleh menumpukan perundingan terhadap perkara-perkara seperti berikut;

- (i) pembangunan ekonomi dan pertumbuhan negara dan pengagihannya;
- (ii) pendidikan dan pembangunan sumber manusia;
- (iii) perhubungan kaum;
- (iv) pemakanan dan pertanian;
- (v) penggunaan tenaga;
- (vi) pemeliharaan alam sekitar; dan
- (vii) perkhidmatan awam.

Ini salah satu cadangan sahaja, mungkin ada tajuk-tajuk yang lain. oleh itu saya harap, pihak EPU khususnya bertindak sebagai sekretariat dan bukan memberi tumpuan kepada penswastaaan sahaja untuk memulakan rundingan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua sosial ekonomi - sektor pertanian dan krisis makanan. Dewan yang mulia ini sering kali dimaklumkan, tentang pelbagai usaha murni kerajaan demi meningkatkan sektor pertanian dan pemakanan. Kita pernah diajukan dengan perancangan Buku Hijau, Dasar Pertanian 1, Dasar Pertanian 2 dan seterusnya. Bermacam-macam telah dilakukan, namun nampaknya pengimportan makanan negara kian meningkat. Pada hemat saya, sektor pertanian dan pemakanan juga tidak kurang penting. Bayangkan apa akan jadi dalam negara jika makanan tidak mencukupi dan rakyat kebuluran. Seseorang yang kebuluran akan menjadi seseorang yang penuh kemarahan dengan izin, "*A hungry man is a very-very angry man*".

Tidak hairan jika saya menyatakan sesebuah kerajaan mungkin boleh tumbang, jatuh dan keadaan huru-hara akan muncul jika rakyat tidak ada makanan. Kita hidup untuk makan dan kita makan untuk hidup. Sehubungan dengan ini, saya terpaksa tertanya-tertanya persoalan yang jarang ditimbulkan, tentang kebajikan para petani, pesawah, nelayan, yang bekerja bertungkus-lumus untuk menghasilkan makanan untuk rakyat seperti beras, makanan ruji kita.

Pada kebetulannya saya amat keliru, tetapi saya amat pasti, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkhidmat di semua jabatan dan agensi pertanian, berpuluh-puluh

ribu, saya tidak tahu angka, berpuluh-puluh ribu. Ianya mendapat segala-galanya. Latihan, gaji, elaun, rawatan kesihatan, elaun rumah semua dapat, apabila bersara, pencen pun dapat kalau dibandingkan dengan petani-petani.

Sebaliknya seorang petani, terpaksa bertungkus-lumus di sawah, berjemur di panas, yang putih jadi gelap, yang gelap jadi hitam. Berendam dalam lumpur, sehingga kuku dia berkarat. Berhadapan dengan cuaca yang tidak tentu arah, masuk laut nanti tenggelam, nelayan. Pendek kata, macam-macam kesusahan. Namun, pendapatan daripada hasil pertanian yang diperolehi, pada akhir musim, mungkin cukup, mungkin tidak cukup sekadar membayar hutang pendahuluan, atau menebus gadai.

Itulah adalah perbezaannya, Tuan Yang di-Pertua. Dasar pertanian itu tidak meletakkan jiwa kepada petani. Jiwa kepada petani yang menjadi sebahagian daripada sehati negara itu. Tentera, tentera kita tidak pernah lawan, tetapi itu perlu sebab itu adalah keselamatan. Serupa juga petani, makanan itu keselamatan, tidak ada makan semua orang marah. Apa akan jadi? Jadi saya harap, kesimpulan ini bermakna tidak payah saya menghitung satu demi satu, kerajaan itu lebih bijak. Yang penting, tolonglah bersama-sama, kalau saya menghitung, semua jabatan agensi pertanian yang terlibat dalam pertanian, otak saya pun tidak masuk akal lagi.

Petani, nelayan, sekian lama yang kita perjuangkan mesti diberi keutamaan. Sikap perlu diubah. Oleh yang demikian yang berkaitan, pagi ini yang saya tanya, adakah dasar subsidi negara? Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa terdapat, ini ada sesuatu yang lebih lengkap, ekonomi global tadi saya cakap tidak menentu, harga minyak minta yang kian meningkat, krisis pemakanan pula, ancaman inflasi pula, kos sara hidup terus meningkat. Bermacam-macam cabaran.

Pakar ekonomi Prof. Paul Krugman meramalkan era makanan dan minyak yang murah sudah berlaku. Minyak mentah mencecah AS135. Tidak perlu saya perelaskan satu demi satu peningkatan makanan, di India, di China, di *bio-fuel*, pertanian, permodalan, perlukan tenaga macam-macam tetapi saya dapati pengurusan subsidi di negara kita kebiasaannya dilakukan secara spontan, *ad-hoc*. Tiada satu cara menyeluruh, holistik.

#### ■1620

Orang ramai tidak faham atau kurang keterangan tentang program-program subsidi. Kita tengok TV, ada subsidi *mammogram* juga, ada subsidi baja, subsidi bahan api, subsidi dialisis, subsidi kesihatan, subsidi sana, subsidi sini, subsidi tol pun ada. Jadi apa yang saya maksudkan ialah haruslah difikirkan sesuatu dasar komprehensif mengenai subsidi yang dirumuskan dengan tujuan yang sejelas-jelasnya supaya rakyat jika ambil subsidi keluar, kalau naik 30% subsidi untuk minyak mungkin jimat RM10,000 juta. Jika jimat RM10,000 juta, RM10,000 juta itu akan digunakan untuk apa?

Jika kita memperhitungkan dan beri maklumat sebab kerajaan ini memang kerajaan yang prihatin. Saya harap Kementerian Penerangan bersama-sama dengan semua kementerian

duduk supaya memperjelaskan dalam TV. Bukan kononnya sekarang ini nak buat negara kebajikan, bukan macam itu, memang kita sudah ada banyak kebajikan, kerajaan yang sedia ada...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan sikit. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat, boleh?

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Sila.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi ucapan Yang Berhormat iaitu tentang kalau orang tak dapat makan, orang akan marah, yang pertamalah. Di Malaysia ini yang saya tahulah orang makan terlalu banyak, dia mati Akan tetapi ada tak orang yang kebuluran dalam Malaysia yang mati kerana tak dapat makan? Ada tak dalam Malaysia?

Yang kedua Yang Berhormat, tentang subsidi ini. Kita lihat hari ini banyak kerajaan beri subsidi kepada petani dan nelayan. Namun, hari ini kita lihat adakah subsidi ini turun 100% kepada nelayan atau kepada petani? Kita tak mahu bajet yang ada itu, turun tak sampai pun 50%. Ini kadang-kadang subsidi nampak banyak, bila sampai ke petani, tak banyak mana pun yang petani dapat. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Memang di negara ini masih semua orang cukup makan tetapi apabila krisis makanan menular dalam tempoh enam bulan ini, beras pun sudah tidak cukup. Bermakna tadbir urus itu mesti berhadapan. Kita tak boleh sekarang selalu berkata, dulu lain, kini lain. Pegawai-pegawai yang duduk itu mesti faham apa yang akan datang. Itu di panggil perancangan. Jadi memang betul apa yang saya nak tekankan di sini ialah Tuan Yang di-Pertua, hanya subsidi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri pagi ini, ketirisan, penyeludupan orang tengah. Jadi kadang kala orang yang buat keputusan itu duduk di bilik *air-cond* dalam kertas cantik dan molek. Apabila dilaksanakan, Yang Berhormat sedia maklumlah ya, tak perlu pergi ke laut, jual minyak diesel cukup. Itu hakikat! Jadi kita mesti kawal selia, pengawalan berbagai-bagai bukan secara kertas semuanya cantik.

Berbalik kepada perkara yang satu lagi Tuan Yang di-Pertua, khidmat negara. Seperti mana kita semua sedia maklum, Program Khidmat Negara telah pun dilaksanakan sejak tahun 2004. Iaitu sudah lebih kurang empat tahun. Kalau saya tidak silap program ini telah menelan perbelanjaan yang agak besar. Kini dalam lingkungan RM2.37 bilion. Adalah difahamkan tujuan utama program ini dirangka dan dilaksanakan ialah demi menggalakkan integrasi di kalangan remaja dan pemuda. Melalui latihan-latihan tertentu dalam tempoh masa tiga bulan.

Kadang kala saya tertanya-tanya sama ada dalam tempoh tiga bulan sahaja tujuan murni tersebut boleh dicapai? Mungkin Jabatan Khidmat Negara harus membuat kajian, sekarang empat tahun sudah dilaksanakan program. Tiga bulan duduk sama-sama, makan sama, main sama, gaduh sama, tiga bulan. Lepas balik, berhubungkah? Ada dapat kawan balikkah? Atau

saya jalan pergi ke sana, dia jalan pergi ke sana, tujuan murni untuk integrasi kaum tercapaiah? Itu saya tertanya-tanya.

Namun ingin saya cadangkan, tiba masanya program ini diteliti semula, dihalusi kesan-kesannya. Program ini baik pada hemah saya, namun begitu saya berpendapat tiga bulan sahaja merupakan satu tempoh masa secara kasar boleh dinyatakan bukan sini dan bukan sana. Seeloknya jika program ini dilanjutkan tempoh masa, mungkin satu tahun. Saya harap Jabatan Khidmat Negara dapat meneliti perkara ini dengan sedalam-dalamnya, tambahan pula tentu terdapat kelemahan, kelemahan yang harus diperbaiki, kini terdapat 16 kematian.

Yang kelima, biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam. Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam setiap tahun menawarkan biasiswa sama ada untuk pelajaran di luar negeri ataupun di dalam negeri. Akan tetapi pada tiap-tiap tahun apabila sampai bulan Mei sahaja, apabila tawaran telah diumumkan biasanya timbul berbagai-bagai rungutan, ketidakpuasan hati dari pelajar-pelajar dan ibu bapa. Yang mana mereka tidak percaya kita akan terbaca macam-macam senario, macam TV senario seperti pelajar itu baik-baik belaka, aktif dalam kokurikulum, seorang ketua pengawas, pengakap atau wakil sekolah untuk negeri, negara, macam-macam.

Akan tetapi sebaliknya JPA memberi penjelasan, penerangan seperti yang berlaku dua minggu yang lalu oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tentang perkara ini. Peliklah, tiap-tiap tahun.

Perkara ini setiap tahun akan berlaku apabila sampai bulan Mei. Saya memang faham, saya memang akui iaitu mustahil semua yang memohon akan berjaya, semuanya akan puas hati. Mungkin ketidakpuasan hati pelajar atau ibu bapa timbul kerana kurang kefahaman. Atau mungkin kadang kala wujudnya maklumat yang tidak berasaskan fakta atau kononnya terdengar berbagai-bagai komen yang tidak berasas. Jadi permasalahan ini, pada hemah saya, berkisar terhadap soal pokok.

Satu, ketidakfahaman, kurang maklumat, kurang ketelusan, kurang fahaman ini mungkin wujud kerana kurang maklumat daripada JPA tentang cara, proses dan prosedur. Saya tahu JPA telah berusaha bersungguh-sungguh demi memastikan pelajar-pelajar yang cerdik pandai akan diberi peluang secukup-cukupnya.

#### ■ 1630

Namun tidak dapat dinafikan bahawa proses pemilihan JPA juga tidak 100% sempurna. Oleh yang demikian, adalah eloknya ketelusan harus diberi keutamaan dalam mengurus tadbir perkara sedemikian. Bukankah elok jika bilangan dan bidang biasiswa disiarkan secara umum? Bukankah elok juga bidang biasiswa, bidang yang dikhususkan untuk penyusunan semula sosial ekonomi dimaklumkan secara terbuka. Tambah baik lagi supaya semua yang berjaya juga disiarkan.

Bermakna, apa yang JPA buat terbuka sebab kita boleh pertahankan. Tak perlu lagi jelas sana, jelas ini. Semuanya ketelusan. Jadi tak payah nanti pergi jumpa Yang Berhormat sini, Yang

Berhormat sana, tulis surat tiap-tiap tahun. Dalam 33 tahun, 20 tahun, serupa. Saya harap JPA akan dapat mengambil perhatian dan menimbangkan cadangan-cadangan sedemikian. Akhir kata...

**Tuan Lee Chee Keong:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Sila.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan JPA ini atau biasiswa JPA, apakah pandangan Yang Berhormat, adakah kita kurang ketelusan atau adakah kita kurang peruntukan, itu yang pertama.

Kedua, adakah baik kita buat kepastian bahawa semua yang dapat contohnya 11A ke atas, tak payah memohon. Semua diluluskan. Itu secara telus sebab dalam proses permohonan ini, macam-macam berlaku. Macam-macam tuduhan berlaku yang menyusahkan pemimpin-pemimpin politik kita. Jadi apa kata kalau kita cadangkan 11A ke atas, ini contohnya atau 12A ke atas, tak kira A1 ke A2. Jadi kita buat satu ketetapan macam ini, jadi ini menyenangkan ibu-bapa, menyenangkan pelajar-pelajar kita dan juga pemimpin negara. Apa pandangan saudara? Terima kasih.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Pandangan saya, secara prinsipnya kita tidak boleh mengamalkan satu dasar 100% berdasarkan kepada merit. Contohnya kalau anak saya, salah seorang Senator dapat 11A, bandingkan sebagai seorang anak nelayan dapat 9A, siapa yang layak untuk mendapat biasiswa ini? Kita ini ada hati perut tahu. Jadi, dasar itu cukup penting supaya tidak menyulitkan pemimpin-pemimpin politik. Dasar itu yang saya utarakan ialah dasar berikut, dengan izin, *merits and needs*. Di sebaliknya, jika kita buat keputusan, dasarnya keputusan 11A1 semua dapat biasiswa dan kalau 11A1 semua nak jadi doktor, tempat ada kah? Semua nak jadi *engineer*.

Jadi, apa yang saya maksudkan buat kategori, yang merit itu biasanya ketidakpuasan itu kerana saya bukan saja nak bidang itu tapi saya nak pergi di *Oxford*. Kononnya *Oxford* yang terbaik. Tak dapat saja, keriau hingga matahari tak terbit. Jadi macam mana kita tadbir? Jadi JPA yang tadi saya jelaskan harus ketelusan itu bermakna satu dasar. Dua dasar, *merits and needs*.

Jika tahun ini bermakna tahun depanlah, tahun depan kita akan menawarkan 200 tempat untuk luar negara untuk perubatan. Dalam 200 itu, 110 untuk khas, untuk kategori *needs*. Tinggal 90. Siarkan apa itu merit, apa itu *needs*. Berfaktorkan kepada sosioekonomi. Jika sosioekonomi, gaji RM1500 ke bawah, beri peluang lebih.

Masalah soal pokok sekarang ini bila timbul sesuatu, APPK akan jawab. Lebih jawab, lebih rumit. Siarkan semuanya jelas sekarang, ketelusan. Jadi apabila pemimpin-pemimpin politik menjelaskan, senang. Tak perlu. Dulunya biasiswa tak buka pun, sekarang telah terbuka. Saya sambung. Harap itu jawapan boleh menyenangkan hati Yang Berhormat.

Akhir sekali yang saya tekankan adalah kepentingan negara. Kita harus optimis, saya seorang optimis. Apa yang berlaku sekarang, pergelutan politik ini akan berlalu dan kita sedang

menghadapi dunia yang kian kompetitif dan perbezaan politik ini saya yakin, saya percaya kita boleh hadapi cabaran ini dengan cara ala Malaysia. Kita telah ada pengalaman. Kepentingan negara akhirnya akan muncul sebagai yang berjaya. Nasionalisme menjadi teras perjuangan generasi baru rakyat Malaysia yang keinginan berkehendakkan Malaysia yang maju, yang makmur di mana semua rakyat Malaysia akan bertindak dan berfikir sebagai rakyat Malaysia menuju Wawasan 2020 sehingga 2057. Dengan kata-kata sedemikian, saya turut menyokong Usul Junjung Kasih Titah Ucapan Tuanku dan saya pohon menyokong sekali lagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin.

**4.38 ptg.**

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga rakamkan jutaan terima kasih kerana dapat bersama-sama untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Guru buat seluruh warga pendidik di tanah air. Terima kasih kerana tidak jemu-jemu mencurahkan ilmu dan memberikan tunjuk ajar dengan ikhlas tanpa mengharap apa-apa imbuhan hingga menjadikan kita semua seorang insan. Siapalah kita tanpa mu, guru.

■1640

Yang Kedua, saya ingin merakamkan ucapan simpati yang tidak terhingga kepada dua negara Myanmar dan negara China kerana korban yang begitu besar atas nama manusia dan kemanusiaan.

Kalau kita lihat negara China kehilangan 60,000 jiwa dan masih lagi kehilangan 28,000 dan saya mengucapkan terima kasih kerana Kerajaan Malaysia juga telah menghantar MERCY untuk memberi sedikit sebanyak pertolongan untuk meringankan bebanan yang dihadapi oleh kedua negara tersebut.

Yang ketiga, saya merakamkan jutaan terima kasih atas ketelusan Suruhanjaya Pilihan Raya yang telah dapat mengadakan satu pilihan raya yang bebas dan terbukti tohmahan-tohmahan mengatakan bahawa suruhanjaya ini tidak telus telah dapat dinafikan sehingga kerajaan kali pertama tidak mendapat 2/3 majoriti tetapi masih lagi mempunyai kerajaan yang kukuh, utuh dan berwibawa. Mungkin ada dua tiga perkara yang menyebabkan keadaan tersebut, mungkin sabotaj, punca prestasi buruk, mungkin keadaan dalaman dan sebagainya. Kita berharap bahawa perkara ini tidak akan terjadi lagi dalam pilihan raya yang akan datang.

Sekarang saya ucap terima kasih sekali lagi kepada kerajaan di bawah kepimpinan Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang telah dapat membentuk sebuah kerajaan baru-baru ini

dan saya mengharap tidak adalah pihak-pihak yang cuba atau tidak berhak untuk meminta Perdana Menteri kita untuk meletak jawatan.

Saya berharap mereka ini sensitif, faham tentang Perlembagaan Persekutuan itu sendiri kerana kalau kita lihat dalam merujuk kepada Perkara 43, Perlembagaan Persekutuan, jelas 43(2), Jemaah Menteri hendaklah dilantik seperti berikut iaitu 43(2)(a); "*Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu hendaklah melantik sebagai Perdana Menteri untuk mengetuai Jemaah Menteri seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada pendapatnya akan mendapat kepercayaan sebilangan besar Ahli-ahli Dewan tetapi atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik menteri-menteri lain dari antara Ahli-ahli mana-mana Majlis Parlimen*".

Kalau kita baca 43(4) jelas jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar Ahli-ahli Dewan Rakyat maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya, Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen. Saya harap sampailah kepada satu noktah untuk jangan lagi ada pihak-pihak yang cuba menggugat Perlembagaan Persekutuan.

Yang keempat, oleh sebab pilihan raya baru sahaja berlalu. Saya ada bangkit tentang politik membeli belah. Saya sekali lagi memperingatkan Ahli-ahli Dewan yang telah dipilih oleh rakyat, yang telah diberi mandat oleh rakyat, yang telah diberi kepercayaan oleh rakyat, berharap untuk memikul tugas, amanah, tanggungjawab yang telah diberikan oleh rakyat kepada mereka.

Janganlah jadikan jawatan wakil rakyat iaitu Ahli Parlimen sebagai jawatan individu. Ini harus diperhaluskan, difahami oleh tiap-tiap wakil rakyat dan tidak timbul soal lompat-melompat dan oleh sebab laporan polis telah dibuat saya berharap pihak Badan Pencegah Rasuah membuat penyelidikan, kajian dan jika sekiranya ada kes sila bawa. Biar rakyat tahu siapa sebenarnya niat untuk memberi rasuah pun sudah salah, bukan sahaja terima, bukan sahaja bagi, niat hendak bagi pun sudah jadi rasuah Tuan Yang di-Pertua.

Ini perkara serius, saya mengambil perkara ini sebagai perkara yang amat serius kerana laporan polis telah dibuat dan ada orang telah *offer* untuk memberi wang untuk melompat parti. Sebab itu saya sebut sekali lagi tentang rasuah sebagai barah dalam masyarakat yang menular tanpa disedari. Dalam Islam memakan benda rasuah adalah bahan bakar api neraka. Saya berharap orang-orang Islam yang menjadi Ahli-ahli Parlimen jangan sekali-kali ingat hendak melompat kerana dibeli atau di rasuah dan pihak-pihak yang akan *offer* ialah pihak-pihak yang menjalankan politik *Machiavellian* dengan izin, *the ends justify the means*, matlamat menghalalkan cara.

Saya harap politik sebegini tidak akan berlaku di dalam negara kita kerana seperti saya kata tadi, wawancara dengan bekas Ketua Pengarah BPR Malaysia Dato' Ahmad Zaki Husin dalam Mingguan Malaysia 1 Oktober 2000. Perasuah katanya adalah "anjing jijik", begitu hina sekali mereka-mereka yang berniat untuk memberi rasuah, yang memberi rasuah dan yang menerima rasuah.

Pada hari ini, saya hendak seluruh rakyat Malaysia khususnya pemimpin dengar apa yang Dewan Negara sedang hujah di sini bahawa perasuah sekali lagi adalah anjing jijik. Janganlah kerana rasuah, kita sanggup melompat parti, mencari parti. Asalnya kita dipilih oleh bahagian Parlimen masing-masing. Rakyat di Parlimen masing-masing perlukan kita, bukan perlukan apa yang kita hendak perlukan. Kita mesti tunaikan amanah dan tanggungjawab ahli-ahli, rakyat atau masyarakat di Parlimen kita, itu tugas kita.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Karpal Singh dalam mempertikai ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya hendak kata Karpal tidak pandai undang-undang, beliau adalah seorang pengamal undang-undang tetapi jangan lupa sebenarnya tak kanlah si Karpal Singh ini tidak faham.

Di dalam Malaysia ini kita ada *the executive*, semua pegawai-pegawai tadbir khasnya PTD *officers*, Pegawai Tadbir dan Diplomatik. PTD inilah yang duk cari angka-angka maklumat, kaedah, *planning*, *financial*, macam-macam lagi tetapi akhirnya draf ucapan itu akan di bawa kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

■ 1650

Apabila Yang di-Pertuan Agong setuju, barulah dibuat teks rasmi. Dalam Islam yang membaca bertanggungjawab dunia dan akhirat. Saya harap Karpal Singh faham *what is Islam?* Saya hendak tanya Karpal dia hendak apa? *What do you want*, dengan izin. Sila jawab, *what do you want?*

Tuan Yang di-Pertua, tolong habak dekat kita. Kita nak dengar sebab dia seorang *lawyer*. Kita tidak boleh tanya sebab *lawyer* satu campur satu kadang jadi 14. Namun, *accountant*, *engineer* satu campur satu, dua. So, kita tanya dia hari ini, saya tanya. Jadi, oleh sebab dia pun dah berumur, mungkin lama dah. Saya kenal dia ni lama Tuan Yang di-Pertua, tahun 1983.

Masa Dewan Rakyat, masa itu saya jadi Setiausaha Sulit Kanan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Masa itu, Tan Seng Giaw, Lee Lam Thye, Lim Kit Siang, Karpal Singh. Empat jaguh-jaguh ini naik satu kereta. Datsun 120Y J, tetapi kenapa Tan Sri Lee Lam Thye tinggal? Dia tidak percaya kepada tiga orang ini sebab, sekarang Tan Sri berkhidmat untuk rakyat. Jelas, ini cuma bercakap, pandai bercakap tetapi tidak pandai mengotakan apa yang dikatakan. *Its not practical* dengan izin.

Saya balik kepada... oleh sebab Perlembagaan Persekutuan sudah menjadi perkara yang *priority*. Harus diketahui, saya terpaksa bentang di sini sedikit tentang penggubalannya. Macam mana boleh jadi, lalu kita lihat dalam jawatankuasa yang mula-mula iaitu Lord Reid, sebagai pengerusinya. Sir Ivor Jennings sebagai peguam Perlembagaan United Kingdom, Sir William McKell bekas Gabenor Jeneral Australia, B. Malik, bekas Hakim Besar Mahkamah Tinggi Allahabad, dan Abdul Hamid, Hakim Mahkamah Tinggi Pakistan.

Apa sebenarnya yang terdapat *term of reference*. Sebab daripada *term of reference* kita boleh bawa terus dan tidak akan ada pertengkaran lagi dah dalam negara. Tidak ada perkauman, tidak ada perasaan yang waswas antara satu dengan yang lain. Kita ikut sahaja apa yang *term reference* yang dulu, sekarang, dan sampai bila-bila boleh dipakai.

- (i) menubuhkan satu kerajaan pusat yang kukuh dan memberi autonomi kepada negeri-negeri;
- (ii) memelihara kedudukan serta keistimewaan Raja-raja Melayu;
- (iii) mengadakan satu Ketua Negara berperlembagaan yang dinamakan Yang di-Pertua Besar, sekarang kita namakan Yang di-Pertua Agong;
- (iv) mewujudkan suatu kewarganegaraan sama seluruh negara. Yang ini yang orang Melayu jelas memberi peluang kepada orang bukan Melayu untuk menjadi warganegara. Kalau dilihat di dalam Perlembagaan seksyenya terlalu banyak kerana inilah keistimewaan yang telah di *barter trade* kan oleh orang-orang Melayu; dan
- (v) memelihara kedudukan istimewa kaum Melayu serta kepentingan sah kaum lain.

Tidak timbul soal *second class citizen* di sini. Cuma ayat pertama untuk memelihara kedudukan keistimewaan orang Melayu tetapi kaum-kaum lain masih lagi dipertahankan. Kita tidak akan mengambil hak orang-orang bukan Melayu. Kita perbesar kan kek ekonomi, pembesaran itu yang diambil bukan yang asalnya sebab sistem yang ada dalam negara ialah kek yang besar dimakan oleh sebahagian besar manusia.

Kek yang kecil dimakan oleh sebahagian kecil manusia bukannya kek yang besar dimakan oleh bahagian kecil manusia menyebabkan mereka menjadi kaya raya. Yang kecil dimakan oleh ramai rakyat. Ini menambah *poverty*. Ini tidak adil namanya. Jadi, saya tidak pernah menjalankan dasar yang kedua, tetapi masih memegang perkara yang pertama. Oleh itu saya minta apa sahaja kerajaan hendak buat perlu tegas dalam mendaulatkan kedaulatan Perlembagaan khusus negeri.

Apabila kita sebut bagaimana kita hendak mendaulatkan kedaulatan Perlembagaan itu sendiri. Kuncinya ialah pengasingan kuasa. Kita asingkan kuasa sedapat mungkin antara kuasa-kuasa eksekutif, perundangan, dan *judiciary*. Jelas, *the separation of powers*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak ada pertikaian lagi hal-hal kehakiman sebab kita sedang membersihkan tentang kehakiman dan memang kehakiman, penasihat PKR ada sebut, saya hendak *quote and unquote* sebab orang yang biasa sebut ini orang Islam. Apabila dia sebut dia kena pegang sampai mati. Apa yang disebut oleh penasihat PKR tentang hakim dan kehakiman.

"Dalam sistem kehakiman kita, keputusan para hakim tidak boleh dipertikaikan dan kelakuan mereka tidak pula dibahaskan. Kita juga tidak menghadapi apa-apa masalah dengan para hakim kerana kita bersetuju, merestui dan menerima keputusan yang dibuat oleh mereka.

Yang kedua, tindakan ke atas Tun Salleh Abas dilaksanakan mengikut proses biasa perundangan. Dia bukan merupakan keputusan politik atau Kabinet”

Ini yang disebut oleh penasihat PKR sekarang ini. Jadi, saya harap jangan pula dipertikaikan apa yang disebut kerana apabila kita cakap, cakap bohong, janji tidak ditepati, amanah, kita pecah amanah maka dalam Islam disebut munafik. Saya harap penasihat PKR dengar apa yang saya bentang balik, apa yang dikatakan oleh beliau, bukan sayalah. Yang disebut di mana, tempat pun ada, *Malaysian Hall, London* bukan di Malaysia. Bila? 13 Jun 1988.

Jangan pula sekarang hendak hentam kehakiman. Kalau hendak hentam tidak kenalah, sebab yang ini telah disebut membincang soal sama rata, *equality*. Saya harap ada sedikit kesilapan atau salah faham dalam Perlembagaan tentang Perkara 8, iaitu sama rata. Yang ini kita dok bahas dengan orang Melayu dan orang yang bukan Melayu dan kita bergaduh. Sebab kita faham dari segi undang-undang. Yang lain faham dari segi ekonomi, ianya tidak melibatkan ekonomi.

Perkara 8 disebut, “Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata dari segi undang-undang...” Itu sahaja. Dia *before the law*. Hanya undang-undang. Contoh kanabis, ganja atau kanabis kalau 200 gram ke atas, kalau morfin atau heroin 15 gram ke atas. Maka, sama ada orang Melayu, sama ada orang Cina, sama ada orang India semuanya akan di caj di bawah seksyen 39(B). Itu, *equality before the law*. Bukan *fair share of the cake*. Bukan *cake of economy* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Ambil Jenayah 37(6), rogol bawah Kanun Keseksaan, hukuman penjara 20 tahun dan sebatan 24 rotan mazbah. Ini bermakna kalau orang Cina, India, Melayu melakukan rogol maka mereka akan di caj di bawah seksyen 37(6), Kanun Keseksaan. Saya harap benda ini akan jelas supaya kita jangan bergaduh lagi tentang perkara *equality before the law* dalam Perlembagaan Persekutuan.

#### ■1700

Saya tak nak jawab tadi tentang biasiswa. Sekarang saya akan jelaskan supaya kita faham dan tidak timbul dalam hati niat jahat mengatakan JPA tidak betul, JPA sembunyi fakta, JPA itu dan sebagainya. Saya harap Tuan Yang di-Pertua Dewan dapat... saya baca dan kita kena tengok tiap-tiap perkataan yang terdapat di dalam Perlembagaan. Perkara 153 di sebut “*Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit dan sebagainya bagi orang Melayu...*”. Ini merupakan masalah sebab di sini Perkara 153 hanya untuk orang-orang Melayu. Ini bukan kita mengatakan diskriminasi untuk orang-orang lain tapi memang disebut dengan jelas.

Kemudian kita tengok Perkara 153(8). Ini masalahnya. Tuan Yang di-Pertua, 153 (8A) apa dia sebut? Seperti tidak timbul iri hati, cemburu antara kita. Walau apa pun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, jika dalam sesuatu universiti, maktab atau yayasan pelajaran lain yang memberi pelajaran selepas daripada Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya, bilangan tempat-tempat yang ditawarkan oleh pihak berkuasa yang

bertanggungjawab atas pengelolaan universiti, maktab atau yayasan pelajaran itu kepada calon-calon untuk sesuatu kursus pengajian adalah kurang daripada bilangan calon-calon yang berkelayakan bagi tempat-tempat itu, maka sahlah bagi Yang di-Pertuan Agong menurut mengikut perkara ini memberi apa-apa arahan, *direction order* bagi menentukan perizaban sesuatu kadar daripada tempat-tempat itu bagi orang Melayu.

Agong jika melihat keadaan suasana yang tidak begitu seimbang, boleh bagi orang Melayu dan bumiputera mana-mana negeri Sabah dan Sarawak, disebut jelas Sabah dan Sarawak pun masuk dalam ini mengikut sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong dan pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sempurna. Ini timbul masalah. Kita nak bagi cukup-cukup... memang dalam ini sebagaimana di sebut tadi, ada merit dan juga *need*. Ini masalah JPA. Kalau dulu dalam biasiswa ini dia sebut untuk orang Melayu, tapi kerana kita dah rapat persahabatan antara parti komponen Barisan Nasional ini, mungkin Kabinet telah membuat satu keputusan untuk memberi juga kepada yang bukan kepada orang Melayu.

Akan tetapi biasiswa... di sebut permit, lesen, biasiswa dia sebut dalam ini untuk orang-orang Melayu. Ini bermakna sepatutnya tidak boleh dipertikaikan tapi kerana antara ahli-ahli Barisan Nasional ini akrab dan saling hormat-menghormati, maka dengan sendirinya biasiswa dibuka. Kalau tahun 1980, biasiswa tidak dibuka. Saya salah seorang panel temu duga penuntut-penuntut ke luar negara pada tahun 1981, 1982 dan 1983. Saya berkhidmat di JPA.

Kita jadi *chairman*, pengerusi temu duga untuk RISDA, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, MARA, Petronas dan Telekom. Ini bermakna sepatutnya dah patut bersyukur dah yang dapat biasiswa. Jangan pula bagi betis nak paha. Ini *problem* sebab inilah nak kena jaga. Nak kena jaga sungguh-sungguh. Ini perkara yang cukup sensitif bagi orang Melayu tapi masih lagi orang Melayu boleh *tolerate*. *Tolerate* untuk bagi juga biasiswa. Sebab itulah kalau kita lihat di Australia, dia ada tujuh faktor-faktor yang boleh mendapat biasiswa. Kita setakat satu dua saja.

Jadi saya harap perkara ini tidak timbul lagi dan JPA setakat yang saya tahu cukup telus, cukup elok dah, cukup sempurna dah. Cuma JPA akan beri penerangan kepada pihak-pihak tertentu dari semasa ke semasa. Soal merit, ini pun satu masalah. Negeri Johor dalam konvensyennya meminta merit ini diberi tapi merit ikut bangsa. Konvensyen Perpaduan Melayu pun minta merit ikut bangsa. Merit antara orang Melayu siapa dia, merit untuk orang India siapa dia, merit untuk orang Cina siapa dia, merit untuk Orang Asli siapa dia. Merit ikut bangsa. Kalau kita campur semua sekali, dia akan jadi masalah dan *hatred* ini suatu hari akan meletup, akan pecah dan akhirnya apa berlaku? Bila ketidakpuasan hati akhirnya akan jadi pergaduhan. Yang ini kita tidak mahu.

Jadi kita dapat sedikit tapi pemberian itu ialah sah, adil dan tidak terbuka di hati. Itu soal merit. Sebab itulah kalau kita lihat negeri-negeri saya minta maaf, negeri-negeri yang dengan

Barisan Nasional, negeri pun Barisan Nasional, federal pun Barisan Nasional, diberi sedikit *priority*. Saya minta maaf kepada lima negeri ini. Bukanlah kita tidak nak tolong, tapi dah tau dah kawan kita macam kita pergi *office* lah. Kalau jumpa kawan lama Tuan Yang di-Pertua, tentu dia lain sikit walaupun *officer* tapi dah biasa tugas sekali sama kementerian dan sebagainya. Nampak tidak? Jadi sekarang ini tolong bagi sedikit. Dululah. Bukan apa. Benda lain pun bagi juga. Kalau kita tengok dalam Perkara 109, pemberian kepada negeri-negeri, semua dapat. Semua dapat. Tidak ada pernah Kerajaan Persekutuan menganaktirikan Kerajaan Kelantan. Tidak pernah. Sebab ia termaktub dalam Perlembagaan, tetapi sekarang ini cuma bagilah dulu. Kemudian bagi kemudian. Kemudian yang geran kemiskinan itu tambahlah kepada negeri-negeri yang sama dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi saya minta yang itu saja dan bukan tidak nak bagi kepada negeri-negeri yang lima itu.

Kelapan, saya masih lagi kata ISA ini relevan. Bukan kata kita nak tangkap, nak tahan, nak buat *punishment* secara *arbitrary* dengan izin, dengan sewenang-wenangnya. Akan tetapi kita harus sediakan payung sebelum hujan. Sebab saya tengok ada 13 *protester* yang di Tiananmen di China pun masih lagi dikurung. Tidak keluar sampai sekarang ini. Dok ada dalam lagi, *behind bars*, dengan izin.

Jadi ISA dan keputusan untuk tahan HINDRAF ini saya kata setujulah. Itu pun datang buat *birthday* lagi di Parlimen. Ini timbul kemarahan pula. Jangan pula kita nak buat yang tidak bermoral. Ini yang *the supreme*, tempat Dewan Negara, Dewan Rakyat, Yang di-Pertuan Agong. Ini makna kerajaan. Tempat ini pun boleh dipermainkan. Siapa yang undi puak-puak itu saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua. Patut jangan undi dah. ISA relevan. Sebab apa saya kata relevan, penasihat PKR pun kata relevan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Ya, silakan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin, Perlis dengan Kedah ini dekat-dekat saja. Nak sampai Perlis lalu Kedah dulu. Yang Berhormat tadi ada sebut bahawa ISA masih relevan. Jadi kebetulan saya dalam peristiwa Memali kena ISA selama lapan bulan. Dalam Dewan yang mulia ini, saya pun tidak sangka nak boleh sampai di sini. Bagaimana penyeksaan yang saya lalui masa ditahan ISA dan pada tahun 1987 dalam Operasi Lalang, saya sendiri juga ditahan di bawah ISA selama dua tahun.

■ 1710

Jadi saya yang mengalami peristiwa itu dan pernah menghadapi Lembaga Penasihat, berhujah dan sebagainya. Meminta keadilan di mana kesalahan-kesalahan yang saya lakukan sehingga saya ditahan tanpa bicara, di mana dalam Islam jelas menunjukkan bahawa tidak boleh menghukum seseorang tanpa dibicarakan atau dibuktikan kesalahan yang dilakukan.

Jadi bagi saya, adakah Yang Berhormat Ahmad Hussin bersetuju bahawa saya mengatakan bahawa ISA ini mestilah dikaji semula dan jika perlu dilaksanakan kepada kes-kes mempunyai bukti yang jelas dan nyata. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. “Berat lagi mata yang memandang, berat lagi bahu yang memikul”. Jadi saya juga mempunyai kawan-kawan yang ramai yang kena ISA ini khasnya kumpulan Al-Arqam. Saya bersetuju dari segi fakta-fakta yang dibuat oleh *special branch*, fakta-fakta itu mestilah fakta-fakta yang sebenar. Bukan fakta-fakta yang direka. Saya juga tidak setuju, mereka yang tidak bersalah dan tidak langsung terlibat tetapi dihukum. Jikalau itu saya 100% setuju. Tentang apa Yang Berhormat lalui, saya tak tahu tentang dekat mana hujah-hujah ataupun kertas yang dibuat *special branch* yang *wattagenya*, yang kekuatannya menyebabkan kata kena tahan! Mesti ada tapi saya tidak tahu.

Bagi Yang Berhormat, sekarang baru Yang Berhormat dah kena. Operasi Lalang dengan Memali. Namun peristiwa yang ini saya tidak tahu setakat mana hujah yang keterlibatan kita itu hingga kita tak boleh berhujah bila bawa ke *Habeas Corpus* pun kita gagal. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat telah buat perkara ini dan gagal! Namun yang saya tahu selepas beberapa lama boleh dirayu oleh Jemaah Pengampun dan dikaji semula sepanjang dua tahun.

Jadi yang saya tengok Al-Arqam tadi saya tanya dia, dia kata “saya kena pun bagus”, Tuan Yang di-Pertua dia kata. Sebab saya pergi belajar tambah situ dan saya pun tahu yang saya ini menyeleweng. Itu yang saya dapat daripada kumpulan Al-Arqam di Kedah dan Perlis, yang kawan-kawan sayalah. Sebab apa ceritanya macam Yang Berhormat cerita, memanglah dalam ISA ini kita *inverted commas* lah Yang Berhormat. Apa yang dikatakan takkan kita hendak cerita di sini, penderitaan yang dialami.

Namun saya setuju kalau fakta tak cukup, kita tak boleh tahan. Bermakna biar 9 orang yang bersalah dilepaskan, jangan seorang yang tidak bersalah dihukum. Makna puitis, kekuatan hujah hendak bubuh dalam ISA ini mesti kuat, haram! Ini saya hendak beritahu *special branch* ini semua ini, dalam seluruh negara ini bos *special branch* kah, ini menteri yang duduk ada depan kita ini. Yang Berhormat balik pergi buka fail balik jangan menganiaya, jangan kerana kita pilih bulu kerana kita hendak tahan, kita tahan. Tidak boleh! Kita tahan bersebab, motif kuat hujah tapi hendak bawa pergi mahkamah, boleh. Ada sebab-sebab dialah. Itu saya tak berapa pandai.

**Dato ' Gooi Hoe Hin:** [Bangun]

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Buat sementara ini begitulah tapi...

**Dato ' Gooi Hoe Hin:** Boleh pohon laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato ' Gooi Hoe Hin.

**Dato ' Gooi Hoe Hin:** Yang Berhormat, saya ingin dapat pandangan dan mungkin persetujuan. Bermakna Akta Keselamatan Dalam Negeri ada kelemahan. Bermakna jika Lembaga Penasihat yang menjadi hanya benteng *judicial review* untuk kebebasan seseorang itu, sama ada Lembaga Penasihat itu betul-betul objektifkah? Jika Lembaga Penasihat itu tidak

begitu objektif atau kurang objektif, bermakna Yang Berhormat setuju sama ada ISA itu perlu disemak semula?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tepat sekali. Saya bersetuju untuk disemak semula tapi saya hendak baca apa yang ditulis oleh Penasihat PKR masa kini. Cakap masa dulu Tuan Yang di-Pertua.

Apa penasihat PKR kata tentang keselamatan dalam negeri. "walaupun keadaan dalam negara sekarang adalah baik, namun tidak dapat dinafikan kemungkinan berlakunya ketegangan. Dalam keadaan seperti itu, kebijaksanaan untuk mempertahankan ISA adalah perlu demi keamanan negara. Adalah tidak wajar untuk menghapuskan Akta Sebatan Dalam Negeri ISA yang terbukti berkesan membawa keamanan dan kemakmuran di negara ini". Oh, jangan! Masa itu PKR Dato' Seri Anwar Ibrahim. Dalam bahasa Inggeris, *quote and unquote* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. "*The government's decision to ban all public rallies showed that replace national security above the aspiration of certain politician and political parties. The government's action carefully plan and place priority on national interest not that of any particular group. It can be no compromised on national security in a multiracial country like ours.*" Oh, dahsyat Tuan Yang di-Pertua, Anwar dulu. Sekarang cakap lainlah.

Saya ubah balik. Halal, ini saya cukup bimbang. Saya ada sebut tadi. Halal ini orang Islam ini dia kena makan semua halal.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Yang Berhormat minta laluan sekali lagi. Saya bukan orang PKR. Saya orang PAS. Cuma saya hendak tanya kenyataan Yang Berhormat tadi, Dato' Seri Anwar Ibrahim membuat kenyataan itu bila? Jikalau kenyataan dibuat semasa dia menjadi Timbalan Perdana Menteri, relevan sebab Tun Dr. Mahathir semasa menjadi Perdana Menteri lain dengan yang dia keluar, sekarang ini dia sendiri keluar dari UMNO.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Dia macam inilah. Dia kalau mai rumpun itu, rumpun itulah. Orang yang sama dalam Islam, bila dia sebut apa pun dia bawa sampai ke akhir hayat, sampai berjumpa Allah. Dia tak kira dia duduk dalam parti apa sebab dia mai sebutan. Sebab kita belajar daripada ulama, kita belajar melalui mulut. Kita tidak belajar melalui kitab. Sebab kita belajar daripada guru, kita tidak belajar melalui kitab. Nabi pun tak boleh baca, tak boleh baca! Nabi mana boleh baca Yang Berhormat. Tulis lagi tak boleh. Jadi maknanya dia kena peganglah dia dok parti apa pun kalau orang itu, orang itulah. Jangan ubah pula. Ada seorang menteri dia ubah nama bubuh Muhammad. Terima kasih.

Jadi, halal ini saya tengok Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada *Halal Development Cooperation*. Saya hendak dibangkitkan siapa *Halal Development Cooperation* yang boleh ambil tugas daripada JAKIM? Daripada kerajaan pergi kepada swasta, hendak beritahu ini boleh makan ini tak boleh makan ini, ini sah, siapa? Ini siapa dia? Mesti ada orang kuatlah saya kata, yang membuat kerja ini. Saya tengok baru-baru ini yang dapat ialah satu syarikat besar,

Palmolive. Ini kerana JAKIM Malaysia ini satu dunia hendak. Dunia Islam khususnya, kita biasa jadi pengerusi OIC, jadi bila mai Malaysia sahaja dapat cap Malaysia sahaja, satu dunia itu suka.

Jadi jangan kita *politicizeskan* benda ini. Sebab itu saya hendak benda ini jelas. Mana muftinya, mana ulamanya yang menentukan halal, haram? Jikalau JAKIM sendiri dulu pun hendak buat kerja ini pun tak cukup anggota, sekarang dah satu *privatize* pula. Jangan meniaga untuk halal! Ini hendak kena jawab di akhirat esok. Siapa yang hendak jawab benda ini? Ini penting. Ini saya kata, ini bukan Fardu Ain bukan Fardu Kifayah. Tadi pun saya dah sebut dah. Cukup serius perkara ini. Mesti kerajaan jawab cara telus. Ini macam mana boleh bagi kepada syarikat ini? Saya tak menentang syarikat ini sahaja, tapi cara, kaedah yang boleh dibagikan kepada satu status halal dalam negara untuk kita selamat dunia dan akhirat kita beri kepada semua syarikat.

#### ■1720

Syarikat ini kena *prove beyond a reasonable doubt*. Dia betul, sah, boleh buat kerja Tuan Yang di-Pertua. Untuk Dasar Ekonomi Baru saya masih kata laluan lagi, sebab kita ada 3% kalau hendak kira tolak GLC. Ini Datuk ada beritahu jaga Suruhanjaya Perumahan lagi faham, Dato' Azian, jadi maknanya saya hendak *habaq* Dasar Ekonomi Baru masih relevan, kita perlukan. Kita kata 18.9% dan Datuk Seri Nawawi kata apa yang disebut dulu "36.64% *ownership is wrong*". Inilah perkara-perkara yang menimbulkan masalah pada hari ini. Dia kata kita dah banyak dah. Sebenarnya kita tidak banyak lagi, dan kita kalau dah banyak kita tidak hendak. Kita pun tidak mahu hak orang, kita pun ada maruah, martabat, kita pun harga diri, kita ada moral. Kita tak mahu hak orang, tetapi kerana kita tidak sampai lagi, jadi kita kena teruskan Dasar Ekonomi Baru, tetapi janganlah bagi kat ikan-ikan besar saja.

Orang kampung Yang Berhormat Dato Gooi ya! Dato' Gooi dah *habaq* nelayannya, petaninya, orang susah, tukang kebunnya. Harus diberi perhatian yang serius untuk hari esok. Kita harus menerima kenyataan bahawa kita ini hendak hidup dalam sebuah negara yang aman, damai, harmoni, ceria, jadi biar semua dapat. Dan teruskan Dasar ekonomi Baru, tetapi dalam bentuk yang menguntungkan semua orang.

**Dato' Yip Kum Fook:** Minta laluan. Terima kasih, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, di Kuala Lumpur kita mempunyai kondominium yang dijual pada RM5 juta satu unit. Itu pun dikenakan kuota bumi diskaun 7%. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua kalau kita tengok di Singapura itu, orang kaya tidak banyak. Orang bawah lebih sikit daripada yang atas, yang bawah sekali banyak, ini termasuklah orang Melayu. Di mana-mana pun dah beginilah, dan saya tengok dekat dengan MATRADE macam itu juga. Satu banglo berharga RM3 juta, RM4 juta itu biasa saja. Jadi janganlah ini menjadi budaya Malaysia. Anggapkan ini adalah satu perkara yang terasing, tetapi masyarakat yang luas yang besar lagi tidak menerima, tidak terlibat dalam

perkara-perkara yang macam ini, sedikit sahaja biarlah mereka. Sebab itulah kalau kita tengok dekat Kenny Hill anak-anak kita gemuk, *heavy weight* dan di kampung *lightweight*, *failure weight*, apa *weight* pun tak ada Tuan Yang di-Pertua. Ini yang kita hendak jaga, yang kita datang ke Parlimen, inilah tugas kita. Hendak jaga *low weight* tu, *low fat*. Jadi ini adalah perkara yang kita kena fikir itu Tuan Yang di-Pertua.

Saya orang kampung cuma bekas PTD *officer* jugalah, jangan main-main, walau dok kampung pun. Bagi PTD *officer*, cuma saya minta satu, tabik betul tunjuklah kepimpinan, tunjuklah ilmu yang ada, tunjuklah kewibawaan, keceriaan, amanah, bersih dan cekap bekerja kerana bila PTD semua dah bagus, di hiliran itu semua akan bagus, insya-Allah. Saya nampak itu sahaja, sebab itulah di negeri-negeri mereka tidak terima PTD ini. Itu yang hak pendidikan itu, sudahlah hantar orang yang tidak bagus. Cuba hantar yang bagus, dia terima. Jadi apa yang dihantar sekarang ini ada komen. Pengarah-pengarah dok habaq saya, dia kata, "Awat hantar macam ini, rekod tidak berapa bagus".

Jadi saya minta KSN tolong kaji balik, *test* balik hak yang Persatuan Guru tidak suka itu hantar yang terbaik, yang cemerlang yang bagus. Buat kerja pagi balik malam, pagi balik malam Tuan Yang di-Pertua. Dia akan kata, "Mai lagi PTD, mai-mai". Ini saja bukan susah sangat. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormatlah yang hendak menentukan jatuh bangun pembangunan dalam dan luar bandar. Ego jabatan cukup kuat, ini *problem* nya Tuan Yang di-Pertua, ia sudah sebut tentang pertanian. Pertanian ada usahawan, LPP ada usahawan, Pertubuhan Peladang Negeri ada usahawan, MARDI pun ada usahawan. Kesemua buat satu kerja yang sama. Jangan ada ego, buatlah bekerjasama jabatan-jabatan pertanian, jika sekiranya kita hendak naikkan petani luar bandar.

Mengenai beras, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana dalam Dewan ini saya sebut tahun lepas, harga beras naik. Tolonglah menteri, harga beras naik daripada RM650 kepada RM750, kemudian menteri bangun, saya ingat lagi bulan November Tuan Yang di-Pertua, menteri kata, "Yang Berhormat, kita baru saja naik ini daripada RM550 ke RM650 sekarang Yang Berhormat minta pula RM750, tetapi oleh sebab Yang Berhormat sebut di dalam Dewan ini, insya-Allah." Minggu lepas naik RM750, ini kerana Allah S.W.T hendak sebab kita bersuara sikit, kehendak Allah S.W.T. benda itu jadi dan hari ini sekali lagi Menteri Pertanian tidak ada, saya hendak sebut.

Lepas itu saya hendak mari dia kata, "Encik Mat, RM1,000 minta di Dewan ini". Ini saya dengan rasminya meminta kerajaan menaikkan harga padi pada RM1,000 bagi satu metrik tan. Inilah orang hendak jaga rakyat, tidak kalahlah, itu caranya Tuan Yang di-Pertua. Cakap saja orang luar bandar, beras tidak naik sebab saya cadangkan kilang-kilang di kampung semua hidup balik. Koperasi-koperasi semua hidup balik buat macam Thailand. Tuan Yang di-Pertua, saya tanya Yang Berhormat Puan Siw Chun tidak ada? Tidak ada? Chun dengar di Thailand, "*Sawadikap*" kilang-kilang kecil hidup daripada dulu, sekarang sampai bila-bila sebab di Siam dia

tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua, beras ini sentiasa ada dia tidak ada *stockpile*. Orang kampung buat beras, jual beras. Harga mahal, tetapi jual padi harga murah. Jadi maknanya sekarang ini hidupkan balik semua sekali, orang kampung akan rasa seronok, gembira, semua koperasi yang beribu-ribu jalankan kilang padi di luar bandar.

Seterusnya semua sekali unit peladang-peladang kawasan, peladang negeri NAFAS Kebangsaan, fokus 100%. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, dia dok buat kelapa sawit. Tumpukan balik semua kepada beras. Sebab kelapa sawit semua buat di Indonesia. NAFAS dah beli beribu-beribu hektar. Sekarang NAFAS dengan pentadbiran negeri dan kawasan hidupkan balik. Kalau boleh kita jadi *exporter*, pengeksporth beras terbaik, beras wangi daripada Malaysia ke luar negara. Kita jadikan Malaysia sebagai pusat benih yang akan eksport benih padi Malaysia ke luar negara. Kayalah Tuan Yang di-Pertua, itu dia saya dah lawan. Kedah dia hendak kata apa.

Mohon penjelasan daripada Khazanah Nasional, ini saya minta Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mohon penjelasan Khazanah Nasional ini, sebenarnya tempat yang terlalu banyak duit. Orang seronok, hendak pi ambil duit itu. Dia macam anak dara, Khazanah Nasional ini, tapi jangan silap. Kalau silap tidak jadi dara dah, kalau kita makan habis dia. Jadi saya hendak tanya satu fakta, beli ikan tuna di Langkawi modal berbayar RM50 juta melalui Langkawi Tuna Corporation Consultant daripada Australia. Saya hendak tanya apa dah jadi pada perkara ini? Ini duit rakyat, saya cukup serius dalam membela rakyat ini. Jadi maknanya hak ini, kerajaan kena jawab. Saya hendak waktu gulung kena jawab benda ini, sebab ini mereka hendak *report* polis. Jangan *report*, saya hendak cakap di sini.

Kedua, ini penting sebelum saya hendak tutup. Lippo Bank di Indonesia, kita dah beli, Maybank beli katanya empat kali ganda harga pasaran, yang ini saya tidak boleh faham. Kalau benarlah cerita ini saya hendak menteri ini jawab. Ini apa cerita sebenarnya. *Open* - buka, yang ini baru saya mahu buka, yang hak JPA jangan buka lagi. Hak itu ada cara-caranya, banyak cerita lagi. Tapi hak ini *open*, kita tidak mahulah sudah berhentilah. Kita kena selesai masalah. Kita hendak bersih, cekap, amanah, persyarikatan Malaysia, dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi siapa Yang Berhormat yang hendak berucap? Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad Yusof.

**5.31 ptg.**

**Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas tahniah yang disampaikan oleh Tuan Yang di-Pertua dan juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin kepada kami yang baru dilantik 20 hari bulan yang lalu, dan selesai angkat sumpah

pagi tadi saya terus hari ini bersidang. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasihlah di atas mukadimah Yang Berhormat bagi tadi. Oleh kerana masa sudah cukup dan Yang Berhormat boleh sambung pada pagi esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.***

**LAMPIRAN**

PARLIMEN

MALAYSIA

---

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS****29 APRIL 2008**

---

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI ALMARHUM  
SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

***Bismillaahir Rahmaanir Rahiim  
Al-hamdulillahi Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in  
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh  
dan Salam Sejahtera***

***Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.***

*Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Istiadat Perasmian Penggal Pertama, Parlimen Kedua Belas.*

2. *Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala pilihan raya umum yang kedua belas telah berjaya dilaksanakan dengan lancar mengikut lunas-lunas demokrasi. Beta melafazkan penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, Polis Diraja Malaysia dan semua pihak yang terlibat yang telah berjaya mengendalikan pilihan raya tersebut dengan baik. Beta juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat jelata yang telah menunaikan kewajipan dan menggunakan hak mereka untuk memilih sebuah kerajaan.*

3. *Kepada Ahli-Ahli Dewan Rakyat yang terpilih, Beta ucapkan tahniah dan berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, ikhlas, jujur serta sentiasa menunjukkan tingkah laku yang terpuji demi maruah diri dan negara. Penghormatan dan keyakinan rakyat kepada Parlimen sebagai sebuah badan perundangan tertinggi negara bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai persada untuk menyampaikan teguran yang membina dan pendapat-pendapat yang bernas. Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah menjadikan kepentingan negara sebagai matlamat utama dan tidak menggunakan Dewan yang mulia ini bagi kepentingan politik individu. Justeru, penyertaan aktif dan perbahasan yang berkualiti hendaklah dijadikan keutamaan Ahli-Ahli Yang Berhormat.*

4. *Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri kerana telah membawa ekonomi negara mencapai kejayaan walaupun menghadapi pelbagai cabaran luar seperti pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih sederhana, kenaikan harga minyak mentah dan bahan makanan dunia serta persaingan sengit perdagangan dan pelaburan.*

5. *Ekonomi negara pada tahun 2007 telah berkembang enam perpuluhan tiga peratus melebihi sasaran enam peratus dan pendapatan per kapita meningkat melebihi dua puluh tiga ribu ringgit. Kadar inflasi kekal rendah pada dua peratus manakala kadar pengangguran pada tiga perpuluhan tiga peratus. Jumlah defisit fiskal pula semakin menurun kepada tiga perpuluhan dua peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Lebihan akaun perdagangan luar negara dan peningkatan kemasukan modal pula terus menyumbang kepada pertumbuhan rizab bersih antarabangsa kepada tiga ratus sembilan puluh perpuluhan satu bilion ringgit mampu untuk menampung selama sembilan perpuluhan tujuh bulan import tertanggung. Perkembangan ini telah memperkukuhkan lagi nilai ringgit.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

6. *Beta menghargai kesungguhan Kerajaan Beta melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sehingga Mac 2008 sebanyak lapan puluh satu perpuluhan tujuh bilion ringgit bersamaan empat puluh perpuluhan lapan peratus daripada peruntukan sebanyak dua ratus bilion ringgit telah dibelanjakan. Ini telah memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara terutamanya sektor pembinaan dan industri berkaitan pembinaan.*

7. *Beta berharap kadar pertumbuhan yang mapan ini dapat dikekalkan. Sehubungan ini, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan hendaklah memberi tumpuan kepada usaha-usaha meningkatkan daya tahan dan daya saing negara serta menilai semula keutamaan program dan projek pembangunan bagi mencapai lima teras Misi Nasional.*

8. *Beta sukacita negara telah dipilih dua tahun berturut-turut sebagai destinasi pelancongan terbaik di dunia. Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 telah berjaya menarik kedatangan pelancong asing dan menjana pendapatan yang melebihi sasaran. Kejayaan ini juga telah membantu meningkatkan lebih kukuh dalam akaun perjalanan dan buat pertama kali dalam sejarah negara menyumbang kepada lebih dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran negara sejak suku kedua tahun 2007. Atas kejayaan tersebut, Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2008. Sehubungan ini juga, Kerajaan Beta akan terus meningkatkan usaha-usaha meneroka pasaran baru dan menghasilkan produk-produk pelancongan yang lebih menarik.*

9. *Kejayaan atlet-atlet negara menjuarai beberapa kejohanan antarabangsa seperti skuasy, bina badan dan boling telah melonjakkan lagi minat rakyat dalam bidang sukan. Semoga kejayaan-kejayaan tersebut akan mendorong atlet-atlet negara menempa sejarah merangkul pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik 2008 di Beijing kelak.*

10. *Beta yakin kejayaan yang lebih besar akan dikecapi apabila negara memasuki fasa lima puluh tahun yang kedua selepas kemerdekaan setanding dengan negara-negara maju. Kejayaan tersebut boleh dicapai melalui usaha gigih dan sokongan semua pihak serta semangat permuafakatan pemimpin dan rakyat seperti mana yang diamalkan selama ini.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

11. *Beta berharap kejayaan-kejayaan yang telah dicapai diperkukuhkan lagi dengan memberi tumpuan kepada usaha-usaha mempertingkatkan daya tahan dan daya saing negara. Ini dapat dihasilkan melalui pemantapan institusi pelaksanaan dan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam, modal insan bertaraf dunia, perpaduan negara dan ketenteraman awam, kesejahteraan dan kemakmuran serta jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa bagi memastikan negara berupaya menghadapi cabaran-cabaran di era globalisasi. Tumpuan juga hendaklah diberikan kepada inovasi dan pengurusan teknologi yang cekap serta berkesan untuk mewujudkan sumber pertumbuhan ekonomi yang baru. Sehubungan ini, Pelan Tindakan Inovasi Negara telah dirangka untuk mempertingkatkan lagi daya saing negara.*

12. Sektor swasta juga perlu bergiat cergas dan memainkan peranan sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Inisiatif Pembiayaan Swasta telah diperkenalkan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam berlandaskan perkongsian pintar antara sektor awam, swasta dan institusi kewangan.

13. Dengan persekitaran luar yang semakin mencabar, kita perlu meneroka sumber-sumber pertumbuhan dan pasaran baru di samping memperluaskan pasaran sedia ada, menghasilkan produk dan perkhidmatan baru, membina perkongsian pintar serta mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti. Sehubungan ini, Kerajaan Beta akan terus berunding dengan rakan dagang di peringkat dua hala, pelbagai hala dan serantau bagi memperluaskan lagi pasaran barangan dan perkhidmatan serta menarik lebih banyak pelaburan. Di samping itu, sektor perkhidmatan telah dikenal pasti sebagai sektor untuk dipergiatkan bagi meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi. Justeru, usaha-usaha akan diteruskan untuk menggalak perkembangan dan liberalisasi sektor perkhidmatan bagi memantapkan daya saing sektor tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

14. Kerajaan Beta akan terus berusaha memajukan sektor pertanian sejajar dengan matlamat menjadikannya sebagai penjana ketiga pertumbuhan ekonomi negara melalui transformasi daripada pertanian tradisional kepada entiti komersial. Pengeluaran produk utama pertanian dan yang berasaskan pertanian akan memberi tumpuan kepada penyatuan dan pemuliharaan tanah serta industri asas tani yang akan meningkatkan pendapatan masyarakat tani. Di samping itu, Kerajaan Beta akan berusaha untuk meningkatkan pelaburan sektor swasta termasuk oleh syarikat berkaitan Kerajaan, anak syarikat agensi pertanian serta persatuan dan koperasi petani dan nelayan.

15. Bagi membolehkan sektor perladangan dan komoditi negara terus berdaya saing, Beta berharap program penyelidikan dan pembangunan dipergiatkan lagi untuk mencipta kegunaan baru yang boleh diperdagangkan melalui aktiviti hiliran. Misalnya, pokok kelapa sawit bukan hanya menghasilkan minyak dari buahnya tetapi setiap bahagian pokok boleh menghasilkan produk pelbagai kegunaan. Produktiviti yang lebih tinggi pula boleh dicapai melalui penghasilan klon-klon baru bermutu tinggi, penggunaan teknologi terkini dan amalan pertanian baik yang dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha ladang dan pekebun kecil. Sektor ini akan terus digalakkan untuk meneroka sumber pertumbuhan baru yang berpotensi seperti tanaman kenaf, sagu, jarak dan bahan biokomposit.

16. Beta sukacita Malaysia diiktiraf sebagai peneraju pensijilan halal. Standard Halal Malaysia akan diperluaskan pemakaiannya di peringkat antarabangsa khususnya di kalangan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam. Penubuhan Perbadanan Pembangunan Industri Halal dan Taman Halal akan mengukuhkan lagi usaha-usaha mempromosikan Malaysia sebagai hab halal di rantau ini. Ia juga akan menggalakkan aktiviti-aktiviti baru bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan halal di beberapa negeri serta meningkatkan eksport produk halal negara di pasaran antarabangsa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

17. Usaha-usaha penambahbaikan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam telah mula menampakkan hasil, misalnya pasport antarabangsa Malaysia dan MyKad masing-masing boleh disiapkan dalam tempoh tiga jam dan dua puluh empat jam di cawangan-cawangan utama jabatan berkenaan. Bayaran bil-bil Kerajaan juga telah dapat diselesaikan dalam tempoh empat belas hari. Kini terdapat seribu seratus tujuh puluh empat perkhidmatan dalam talian meliputi kemudahan membuat pertanyaan, mendapat maklumat, penyerahan borang dan membuat bayaran telah disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan kepada orang ramai termasuk komuniti perniagaan. Di samping itu, penubuhan pusat-pusat setempat telah mempercepat dan memudahkan kelulusan pelbagai permohonan. Ini telah dapat mengurangkan kos mengendalikan perniagaan serta mewujudkan suasana mesra perniagaan.

18. *Beta sukacita Perkhidmatan Awam akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapannya. Ini terbukti dengan pengisytiharan Komitmen Perkhidmatan Awam Malaysia 2008 berkonsepkan "Satu Perkhidmatan, Satu Penyampaian dan Dasar Tiada Pintu Yang Salah" yang di dokong oleh enam teras utama bagi memastikan segala matlamat dapat dicapai. Penekanan untuk menyediakan Perkhidmatan Awam kelas pertama merupakan agenda berterusan yang akan menyaksikan lebih banyak penambahbaikan dilakukan.*

19. *Rakyat sentiasa mahukan perkhidmatan yang berkualiti, cepat dan persekitaran yang kondusif di mana mereka boleh berurusan dengan Kerajaan tanpa mengira waktu dan tempat. Beta berharap usaha-usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan ini akan diteruskan bagi memenuhi kehendak rakyat dan pelabur.*

20. *Pencapaian ekonomi dan pembangunan yang dinikmati selama ini tidak akan bermakna sekiranya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan masih berlaku. Justeru, seperti mana yang diumumkan oleh Mamanda Perdana Menteri, usaha-usaha pembanteras rasuah akan dipertingkatkan lagi melalui pengstrukturkan semula Badan Pencegah Rasuah dengan menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jawatankuasa Parlimen Mengenai Pencegahan Rasuah dan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah serta penambahan bilangan pegawai pencegah rasuah. Beta berharap usaha-usaha tersebut akan meningkatkan lagi keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti dalam usaha membanteras rasuah di negara ini.*

21. *Kerajaan Beta adalah komited untuk mengadakan penambahbaikan bagi memperkasakan sistem kehakiman negara supaya terus kekal adil, dihormati dan bebas dari sebarang pengaruh selari dengan hasrat rakyat seperti mana langkah-langkah yang telah diumumkan oleh Mamanda Perdana Menteri baru-baru ini. Sistem kehakiman yang adil dan efektif adalah penting untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem perundangan negara. Sehubungan ini, Suruhanjaya Pelantikan Hakim akan ditubuhkan bagi membantu menilai serta memilih calon-calon yang sesuai untuk dilantik sebagai hakim atau ke jawatan hakim lebih kanan bagi pertimbangan Mamanda Perdana Menteri dan seterusnya perkenan Beta untuk dirundingi dengan Majlis Raja-Raja.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

22. *Pembangunan modal insan yang berkualiti adalah salah satu daripada lima teras Misi Nasional dan merupakan agenda utama Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam persekitaran globalisasi yang cepat berubah, pemilikan sumber asli yang banyak dan teknologi canggih sahaja tidak dapat menjamin kejayaan, pembangunan dan kemajuan negara. Modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, berinovasi dan mengamalkan etika kerja positif serta berintegriti juga sama penting dalam memastikan negara akan terus menikmati tahap dan kualiti hidup yang lebih tinggi pada masa akan datang.*

23. *Untuk mencapai matlamat menghasilkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama, pendidikan dan latihan adalah amat penting. Hasil kajian oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris mendapati kanak-kanak di bawah umur lima tahun yang mengikuti Program Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Permata Negara atau PERMATA mempunyai perkembangan emosi, sosial, intelek, rohani, pengurusan diri dan kemahiran komunikasi yang tinggi. Sehubungan ini, kurikulum dan kaedah pembelajaran PERMATA sesuai untuk diperluaskan penggunaannya dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di seluruh negara.*

24. *Beta sukacita dengan kesungguhan Kerajaan Beta melaksanakan pembangunan modal insan di peringkat sekolah dan di peringkat pengajian tinggi melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Beta yakin kedua-dua pelan tersebut mampu merealisasikan Misi Nasional dan mengangkat sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan ini, satu atau dua Universiti Apex akan ditubuhkan.*

25. *Modal insan yang berkualiti di kalangan belia akan terus dipertingkatkan melalui program-program latihan di Institut Kemahiran Belia Negara dan Sistem Latihan Dual Nasional yang bertujuan melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran, berketerampilan dan berdaya saing selaras dengan kehendak industri.*

26. *Seiring dengan pembangunan modal insan dan dalam usaha untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, infrastruktur jalur lebar adalah amat penting untuk menganjak kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Sehubungan ini, Kerajaan Beta telah menyasarkan untuk meningkatkan lagi kadar penembusan jalur lebar mengikut isi rumah kepada lima puluh peratus menjelang tahun 2010.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

27. *Kunci kejayaan negara selama ini adalah hasil daripada kestabilan politik dan perpaduan kaum. Sehubungan ini, Beta menyeru semua pihak memikul tanggungjawab memastikan semua kaum bersatu padu dan menangkis segala cubaan untuk memecahbelahkan rakyat.*

28. *Pada keseluruhannya Beta berpuas hati dengan prestasi Polis Diraja Malaysia dalam menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam. Namun, masih ada ruang untuk penambahbaikan. Untuk ini, pelbagai tindakan sedang dan akan diambil untuk menjadikan Polis Diraja Malaysia sebagai sebuah pasukan terunggul, antaranya menambah pengambilan anggota, membina pusat-pusat latihan baru, menyediakan modal insan yang berkualiti, menambah keperluan logistik dan mewujudkan balai-balai polis di taman-taman perumahan. Beta menyeru rakyat jelata untuk turut sama memikul tanggungjawab menjaga keamanan dan ketenteraman awam melalui penyertaan dalam Rakan Cop, Ikatan Relawan Rakyat, Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.*

29. *Angkatan Tentera Malaysia terus berperanan penting mempertahankan kedaulatan negara khususnya di sepanjang sempadan negara. Penubuhan Rejimen Sempadan merupakan kesinambungan dasar Kerajaan Beta ke arah mengawal keselamatan negara secara komprehensif bagi mencegah aktiviti-aktiviti jenayah lintas sempadan seperti penyeludupan dan kemasukan pendatang asing tanpa izin sekali gus menjamin kesejahteraan rakyat jelata. Beta juga sukacita perairan negara berada dalam keadaan lebih selamat dan terkawal sejak penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dua tahun yang lalu. Kes-kes pelanun telah menurun dan ini meningkatkan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap keselamatan perairan negara.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

30. *Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan, Kerajaan Beta akan memastikan semua rakyat dapat menikmatinya. Pembangunan ekonomi tidak hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu tetapi akan meliputi seluruh negara. Sehubungan ini, Beta berharap pelaksanaan lima koridor pembangunan ekonomi wilayah akan menggiatkan lagi aktiviti ekonomi, menaikkan taraf hidup rakyat, membasmi kemiskinan serta mengurangkan jurang pendapatan antara kaum, negeri dan wilayah. Lebih dua belas juta pekerjaan akan diwujudkan dalam pelbagai sektor ekonomi. Pelbagai insentif telah disediakan di samping pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta terutamanya pelabur tempatan di koridor-koridor tersebut. Beta juga sukacita sehingga kini sejumlah tiga puluh tiga bilion ringgit pelaburan akan dilaburkan dalam sektor hartanah, pelancongan dan rekreasi di wilayah Iskandar Malaysia.*

31. *Beta berbangga atas kejayaan Kerajaan Beta mengurangkan kadar kemiskinan kepada tiga persepuluh enam peratus berbanding tujuh puluh lima peratus semasa negara mencapai kemerdekaan. Manakala kemiskinan tegar pula telah berjaya dikurangkan kepada kosong persepuluh tujuh peratus. Beta yakin kemiskinan*

tegar akan dapat dihapuskan menjelang tahun 2010. Pelbagai program akan terus dilaksanakan antaranya Pelan Strategi dan Penambahbaikan Program Pembasmian Kemiskinan, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan yang terbaru iaitu Program Lonjakan Mega Luar Bandar berkonsepkan agropolitan yang merupakan projek pembangunan bersepadu meliputi komponen pembangunan sumber manusia, ekonomi dan fizikal berasaskan pertanian.

32. Kerajaan Beta sedar akan kewujudan kemiskinan di bandar. Sehubungan ini, Sistem Maklumat Kemiskinan Bandar telah dibangunkan bagi menyelaraskan dan memantau pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dengan berkesan. Pusat Sejahtera pula telah ditubuhkan bagi membantu golongan miskin dan miskin tegar di bandar mendaftar dan memohon bantuan serta menyertai Program Membina Keupayaan Keluarga Cemerlang.

33. Kerajaan Beta juga sedar terdapat segolongan rakyat yang berpendapatan rendah termasuk peniaga kecil, nelayan dan petani menghadapi masalah mendapatkan pinjaman untuk membeli rumah kerana tidak berpendapatan tetap. Sehubungan ini, Skim Pinjaman Perumahan Berjamin telah dilancarkan bagi membolehkan golongan ini membeli rumah kos rendah dan kos sederhana.

34. Kejayaan yang dicapai oleh FELDA membuktikan Kerajaan Beta telah berjaya membasmi kemiskinan. Kini, FELDA memberi penekanan khusus untuk memperkasa generasi kedua dan ketiga melalui lapan inisiatif baru melibatkan peruntukan sebanyak seratus sembilan juta ringgit. FELDA juga akan terus memperkukuhkan aktiviti yang bukan berasaskan perladangan. Pelaksanaan program tersebut akan dipercepatkan bagi menjamin pembangunan usahawan dengan memberi penekanan kepada industri kecil dan sederhana serta pembangunan kraf. Kejayaan seumpama ini wajar diteladani oleh agensi-agensi lain yang berkaitan dengan pembangunan tanah, perladangan dan masyarakat luar bandar.

35. Beta sukacita usaha gigih Kerajaan untuk membasmi kemiskinan telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini telah menyuntik semangat Kerajaan Beta untuk menggiatkan lagi usaha-usaha membasmi kemiskinan dengan kerjasama semua pihak termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan, pemimpin masyarakat dan kumpulan sasar. Sehubungan ini, Beta juga sukacita dengan usaha Kerajaan memperkenalkan program Tanggungjawab Sosial Korporat dan Beta menyeru sektor swasta bersama-sama memberi sokongan terhadap program tersebut.

36. Kerajaan Beta akan meneruskan usaha-usaha bagi memperluaskan penyediaan kemudahan asas di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Pembangunan masyarakat Orang Asli juga akan dipertingkatkan meliputi bidang pendidikan, ekonomi dan kemudahan asas. Selain itu, pembangunan ladang getah dan kelapa sawit merupakan strategi utama bagi menambahkan pendapatan dan sekali gus mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan.

37. Dalam usaha meningkatkan tahap kesihatan rakyat serta memodenkan sistem kesihatan negara, Kerajaan Beta juga tidak lupa kepada amalan perubatan tradisional yang juga berkesan untuk merawat penyakit. Sehubungan ini, beberapa langkah telah diambil untuk mengintegrasikan amalan perubatan tradisional dan komplementari yang terbukti berkesan secara saintifik ke dalam sistem kesihatan negara. Untuk mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan selamat bagi keselesaan rakyat, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan diambil alih daripada pihak berkuasa tempatan supaya ia diurus dengan lebih cekap.

38. Dalam sektor pengangkutan, Kerajaan Beta sedang mempergiatkan usaha untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di bandar-bandar utama, antara bandar, pengangkutan berasaskan rel serta pengangkutan udara. Berdasarkan pertambahan penumpang pengangkutan udara termasuk perkhidmatan udara tambang murah, sebuah terminal pengangkutan tambang murah yang tetap akan dibina di

*Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang. Semoga semua usaha ini akan meningkatkan lagi integrasi nasional dan industri pelancongan.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

39. *Beta berbangga kerana Kerajaan Beta telah menyediakan pelbagai subsidi bagi membendung kenaikan harga barang dan meringankan beban perbelanjaan rakyat. Dalam tahun 2008, lebih tiga puluh enam bilion ringgit telah diperuntukkan bagi memberi subsidi dan pelbagai bantuan kepada rakyat. Ini meliputi gas, diesel, petroleum, pertanian, kesihatan dan pendidikan dari pra-sekolah sehingga ke pengajian tinggi serta golongan warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal. Kerajaan Beta juga akan berusaha sedaya upaya untuk meneruskan pemberian subsidi dan pelbagai bantuan lain demi kesejahteraan rakyat.*

40. *Paras harga minyak di pasaran antarabangsa yang tinggi telah memberi kesan langsung kepada harga barangan dan perkhidmatan. Sehubungan ini, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah termasuk mengenakan kawalan harga dan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan untuk membendung kenaikan harga demi kesejahteraan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Usaha-usaha ini sahaja tidak mencukupi. Rakyat hendaklah bijak dengan berbelanja di tempat-tempat yang menawarkan harga berpatutan.*

41. *Beta kesal kerana terdapat pihak-pihak tertentu yang menyalah guna kemudahan subsidi yang disediakan oleh Kerajaan ke atas barangan perlu dengan menyorok dan menyeludup barangan tersebut ke luar negara untuk mengaut keuntungan besar. Perbuatan tersebut adalah sangat hina kerana mendatangkan kesusahan dan merampas hak rakyat.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

42. *Globalisasi dan proses perbandaran merubah corak dan perkembangan ekonomi, sosiobudaya serta sistem nilai dalam sesebuah masyarakat. Usaha-usaha bagi menangani perubahan ini memerlukan tindakan bersepadu dan komitmen semua pihak. Sehubungan ini, Kerajaan Beta telah memulakan langkah yang tepat dan bijaksana untuk melaksanakan Transformasi Kebajikan Masyarakat bagi meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian kepada kumpulan sasaran, memperluaskan jangkauan ke peringkat akar umbi lantas memudahkan proses integrasi mereka ke dalam masyarakat.*

43. *Pembangunan kerohanian juga penting bagi meningkatkan kesejahteraan umum. Beta memandang berat gejala sosial seperti penagihan dadah, penyelewengan akidah dan sebagainya yang boleh menjejaskan kesucian agama Islam. Tindakan tegas perlu diambil secara bersepadu bagi memastikan supaya pembangunan modal insan dan kerohanian selari dengan pendekatan Islam Hadhari.*

44. *Kepelbagaian seni, budaya dan warisan merupakan aset berharga bagi rakyat Malaysia yang berlatar belakang pelbagai kaum, budaya dan agama. Sehubungan ini, Kerajaan Beta akan terus melaksanakan program-program rakyat, menyemarakkan dan mengekalkan kepelbagaian seni, budaya dan warisan di negara ini. Penekanan akan diberikan kepada aspek mengkomersialkan produk-produk seni dan warisan supaya rakyat turut mendapat manfaat dan peluang meningkat taraf hidup.*

45. *Fenomena pemanasan global yang mengakibatkan kenaikan suhu persekitaran dan ketidakseimbangan ekosistem merupakan isu yang kini diberi fokus di peringkat antarabangsa. Kerajaan Beta akan memberi penekanan yang lebih terhadap pembangunan lestari selaras dengan pengiktirafan kepada negara sebagai salah sebuah daripada dua belas buah negara mega biodiversiti di dunia. Bagi memenuhi komitmen Malaysia kepada Protokol Kyoto, penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui melalui Pelan Tindakan Tenaga Yang Boleh Diperbaharui akan digalakkan.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

46. Jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa adalah penting bagi memastikan keamanan dan kestabilan di samping meningkatkan kemakmuran serta daya saing negara. Sehubungan ini, Beta berbangga dengan kejayaan-kejayaan yang terus diraih dalam usaha meningkatkan imej dan kewibawaan negara di arena antarabangsa. Hubungan Malaysia dengan negara-negara lain terutamanya negara-negara jiran akan terus diperkukuhkan merangkumi pelbagai bidang.

47. Beta berbangga Malaysia terus memainkan peranan penting dalam organisasi-organisasi antarabangsa. Beta mengucapkan tahniah di atas kejayaan negara terpilih menganggotai Lembaga Eksekutif UNESCO, UNICEF, Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa, Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa dan sebagai Pengerusi Suruhanjaya Sains dan Teknologi Bagi Pembangunan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kejayaan-kejayaan tersebut membuktikan kepercayaan masyarakat antarabangsa kepada keupayaan Malaysia dalam memberi sumbangan kepada kesejahteraan dunia. Beta berharap usaha-usaha mempertingkatkan kerjasama di peringkat dua hala dan pelbagai hala dapat dipergiatkan lagi bagi menjamin keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di tahun-tahun mendatang.

48. Beta mengambil maklum bahawa negara kita telah menyerahkan jawatan pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam kepada Senegal setelah menerajuiinya sejak Oktober 2003. Selama tempoh tersebut Malaysia telah berjaya memartabatkan imej Islam di persada dunia yang sebelum ini sering diberi tanggapan negatif oleh pihak-pihak tertentu. Malaysia juga telah berjaya melaksanakan pelbagai program bagi membangunkan sosioekonomi umat Islam. Beta amat bangga dengan sumbangan yang diberikan dan yakin Malaysia akan terus berperanan aktif walaupun tidak lagi memimpin organisasi tersebut.

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

49. Beta menghargai sumbangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam terutama mereka yang berkhidmat melebihi kebiasaan dan menghadapi pelbagai ancaman serta risiko. Pengorbanan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia dalam memelihara keselamatan dan keamanan negara juga amat dihargai.

50. Pilihan raya umum telah pun berlalu dan rakyat telah memberi mandat sekali lagi kepada Kerajaan untuk mentadbir negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah menunjukkan sifat dan tingkah laku yang terpuji agar nama baik Dewan yang mulia ini sentiasa terpelihara. Laksanakanlah kepercayaan yang diberi oleh rakyat dengan mengambil bahagian yang aktif dengan penuh tanggungjawab dalam semangat demokrasi berparlimen.

51. Akhirnya Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat supaya menjalankan tugas dan kewajipan yang diamanahkan oleh rakyat dengan ikhlas, jujur, amanah dan berhemah tinggi demi kepentingan negara.

*Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*